

"MARILAH kita namakan bulan-bulan Ramadan dan Hari Raya itu sebagai 'bulan kasih sayang', semoga semangat dan jiwanya akan terus mengilhami kita di sepanjang masa." - Titah sempena Hari Raya Aidilfitri pada 29 Januari 1998.



"IBADAT puasa Ramadan itu tergantung antara langit dan bumi dan tidak dapat diangkat melainkan dengan membayar Zakat Fitrah." - Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Abu Hafsin bin Syahin.

Menerima mengadap empat perwakilan asing



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Korea, Tuan Yang Terutama Kim Ho-tai (atas kiri) dan Duta Besar Republik Rakyat China, Tuan Yang Terutama Qu Wenming (atas kanan) di Istana Nurul Iman. - Gambar oleh Halim HS.

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap perpisahan empat orang perwakilan asing ke Negara Brunei Darussalam yang akan menamatkan perkhidmatan mereka. Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman di ibu negara di sini.

Baginda mula-mula berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Korea ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Kim Ho-tai. Kemudian diikuti dengan Duta Besar Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang

Terutama Qu Wenming.

Selepas itu baginda mengadap dua perwakilan asing yang tidak menetap ke Negara Brunei Darussalam. Mereka ialah Duta Besar Republik Slovak, Tuan Yang Terutama Milan Lajclak dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Demokratik Sosialis Sri Lanka, Puan Yang Terutama Chit-

ranganee Wagiswara.

TYT Kim Ho-tai berkhidmat sebagai Duta Besar Republik Korea sejak September 1999. TYT Qu Wenming pula berkhidmat sebagai Duta Besar Republik Rakyat China ke negara ini sejak Julai 2000. Sementara TYT Milan Lajclak berkhidmat sebagai Duta Besar Republik Slovak yang tidak menetap

ke Negara Brunei Darussalam sejak September 1999 dan beribu pejabat di Jakarta dan PYT Chit-ranganee Wagiswara berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Tinggi Republik Demokratik Sosialis Sri Lanka sejak Mac 2000 dan beribu pejabat di Republik Singapura.

Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha

Mulia di Jabatan Perdana Menteri merangkap Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Isa dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya hadir sama di Majlis Mengadap itu.

JUNJUNG ZIARAH HARI RAYA AIDILFITRI DI ISTANA NURUL IMAN

MENJUNJUNG titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana, Grand Chamberlain mengumumkan bahawa sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1423 Hijrah, Istana Nurul Iman akan dibuka selama tiga hari, mulai dari Hari Raya Kedua dari jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari dan dari jam 2.00 petang hingga 4.00 petang bagi membolehkan orang ramai mengadap dan menziarahi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja.

TAHUKAH AWDA

MANA-MANA orang yang sebagai pemandu sesebuah kenderaan bermotor di atas jalan raya, menggunakan suatu telefon bimbit semasa kenderaan bermotor tersebut bergerak adalah melakukan suatu kesalahan. Hukuman suatu denda sebanyak \$1,000.00 dan penjara selama 6 bulan atau kedua-duanya sekali dan dalam penyabitkan kesalahan kedua atau berikutnya, suatu denda sebanyak \$2,000.00 dan penjara selama 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Lapor perbuatan meminta-minta

BANDAR SERI BEGAWAN. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengingatkan kepada orang ramai mengenai dengan kejadian meminta-minta yang lazimnya berlaku terutama di hari-hari menjelang Hari Raya yang mana ada di antara mereka yang tidak bertanggungjawab dan sanggup mengeksploitasi kanak-kanak (children) dan anak-anak damit (babies) untuk meraih simpati orang ramai ketika meminta-minta.

Perbuatan tersebut tegas kementerian berkenaan

adalah bercanggah dengan agama dan melanggar undang-undang yang berkaitan dengan kanak-kanak di negara ini.

Dalam Perintah Kanak-Kanak 2000 yang telah berkuat kuasa pada 1 September 2001, Seksyen 27 menyatakan kanak-kanak hendaklah tidak digunakan untuk mengemis atau sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang.

"Mana-mana orang yang menyebabkan atau mencari mana-mana kanak-kanak atau sebagai orang

**PELITA BRUNEI mengucapkan
Selamat Hari Raya Aidilfitri
Maaf Zahir dan Batin
kepada seluruh pembaca
Muslimin dan Muslimat**

yang memelihara seseorang kanak-kanak, membiarkan kanak-kanak itu berada di sebarang jalan atau bangunan atau tempat untuk tujuan mengemis atau menerima derma atau memujuk pemberian der-

ma atau sebarang kegiatan yang menyalahi undang-undang atau kegiatan yang menjejaskan kesihatan atau kebajikan kanak-kanak itu :

Lihat muka 16

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Al-Quran ubat pelbagai penyakit
- Muka 2

BGS permudah orang ramai berbelanja
- Muka 4

Bekalan daging ayam dan telur mencukupi
- Muka 8

Wanita paling sibuk menyediakan persiapan Hari Raya
- Muka 9

Pengaruh Islam Dalam Perkembangan Adat Istiadat Melayu Brunei
- Muka 2 ANEKA

Zakat Fitrah lengkapkan ibadah puasa
- Muka 3 ANEKA

Menyambut Hari Raya Aidilfitri Menurut Islam
- Muka 4 ANEKA

Cerpen

Obsesi

- Muka 12 dan 13 ANEKA

KONTAK PELITA BRUNEI
http://www.brunet.bn/news/pelita/
pelita.1.htm e-mel:
pelita@brunet.bn
TALIAN PENTING
PELITA BRUNEI
02 383941 / 02 383804
/ 02 382192
Faks : 02 381004 /
02 380507



Dari Sidang Pengarang

4 DISEMBER 2002 BERSAMAAN 1423 29 رمضان

MEMBESARKAN DAN MERAYAKAN HARI RAYA

BAHANG suasana menyambut kemeriahan Hari Raya Aidilfitri sudah terasa di sana sini. Jika anak bulan Syawal sabit nampak dilihat petang ini, maka umat Islam di Negara Brunei Darussalam akan menyambut dan merayakannya pada hari esok, Khamis 5 November. Dan jika tidak nampak Hari Raya akan jatuh pada hari Jumaat, 6 November. Masing-masing orang terutama sekali golongan remaja dan kanak-kanak sudah berada dalam keadaan 'iski' untuk menyambut Hari Raya. Yang pasti umat Islam di seluruh pelusuk tanah air kini telah sibuk membuat persiapan-persiapan bagi menyambut hari yang mulia itu.

Sememangnya Hari Raya wajib kita besarkan dan raikan dengan selayaknya sebagaimana di galakkan dalam Islam. Walau bagaimanapun membesarkannya itu tidaklah bermakna bahawa kita mengeluarkan perbelanjaan yang besar. Kita 'berabis' berbelanja membeli itu dan ini. Apa yang disarankan oleh Islam, agar kita merayakannya dalam suasana bersederhana, berjimat cermat dan tidak boros. Maka dalam hubungan ini tidaklah perlu semua barang Hari Raya 'dalam keadaan baru dan jenama yang baru'. Memadailah kita membesarkan hari yang mulia dengan ala kadarnya dan memanjatkan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala.

Hari Raya merupakan hari kebesaran Islam, hari mulia dan hari kemenangan umat Islam dari menghadapi perjuangan hawa nafsu yang begitu hebat. Hari bagi kita bermakna-maafan, kunjung-mengunjungi dan ziarah-menziarahi. Ianya juga merupakan titian dan jambatan bagi mengeratkan dan mengukuhkan lagi hubungan silaturrahim sesama Islam. Mengukuhkan simpulan ikatan kekeluargaan. Merapatkan dan menjalin kemesraan hidup berkeluarga dan bedangsanak.

Konsep ziarah-menziarahi sememangnya suatu amalan dan tradisi orang-orang kitani Brunei sejak zaman-berzaman. Amalan ini menjadi 'catalyst' dalam kehidupan orang-orang Brunei. Dari konsep berziarah itu akan dapat memancarkan rasa kasih sayang dan menanamkan bibit-bibit muhibah dan kekeluargaan sejati yang berintipatikan sifat-sifat kebruneian. Inilah yang menjadikan masyarakat kita terus teguh dan bersatu padu.

Dalam kita bersuka ria berhari raya, kita juga perlu mengutamakan aspek-aspek keselamatan. Jangan sampai nanti disebabkan terlalu iski berhari raya sesuatu malapetaka akan menimpa. Kuncilah semua tingkap dan pintu rumah sebelum keluar berhari raya. Kerana ditakuti orang yang tidak diundang akan mengambil kesempatan dari kelalaian kita semua. Untuk mengelakkan sebarang kebakaran pula, pastikan peralatan dan perkakas elektrik dimatikan sebelum meninggalkan rumah.

Di samping itu, yang paling utama diingati hendaknya kita berhati-hati dan tingkatkan kewaspadaan semasa memandu di jalan raya. Maklum sajalah semua orang becepat-cepatan hendak sampai ke destinasi yang hendak dituju. Ikutlah perumpamaan orang-orang tua, 'biar lambat asal selamat'. Seperti yang dimaklumi masing-masing orang iski hendak berhari raya dan memandu laju serta dalam keadaan yang berbahaya. Berlagak seperti ini membawa padah yang buruk kerana malang itu tidak berbau. Risikonya juga amat tinggi dan bakal mengundang kecelakaan dan kemalangan jalan raya. Jangan sampai nanti kegembiraan yang kita rayakan itu akan bertukar menjadi kedukaan. Jadilah pemandu yang berhemah tinggi dan ingatlah orang yang tersayang.

Selain itu, janganlah kita menelefon dan meSMS semasa memandu. Perbuatan ini amatlah berbahaya dan membahayakan. Kerana di musim perayaan Hari Raya seperti ini, kemudahan telefon bimbit memainkan peranan penting. Apa tidaknya semua orang asyik 'bermain' telefon semasa memandu untuk berkomunikasi. Menurut laporan Majlis Keselamatan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam, kebanyakan kemalangan jalan raya berpunca dari penggunaan telefon bimbit semasa memandu.

Untuk pengetahuan umum, mana-mana pemandu yang menggunakan telefon bimbit semasa kenderaan bergerak merupakan satu kesalahan. Hukumannya adalah denda sebanyak \$1,000.00 dan penjara selama enam bulan atau kedua-duanya sekali. Bagi kesalahan kedua atau berikutnya, dikenakan denda sebanyak \$2,000.00 dan penjara 12 bulan atau kedua-duanya sekali. Patuhilah undang-undang di jalan raya. Janganlah hendaknya musim perayaan ini dijadikan masa untuk berlumba-lumba semasa memandu di jalan raya.

Semogalah Hari Raya yang akan kita raikan itu akan memberikan kita sinar dan cahaya yang berkilau-kilauan. Biarlah kita jadikan Aidilfitri sebagai titik-tolak yang bermakna untuk kita dalam membaharui langkah dan tindakan ke arah yang berkebaikan demi membangun bangsa dan negara serta menegakkan agama Islam di bumi Darussalam ini. Amin.

SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI

HALUAN...



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara Tahun 1423 Hijrah/2002 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pada 17 Ramadan 1423/21 November 2002.

Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir
Rahim

ALHAMDULIL-LAHI Rabbil 'Alaameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'ala Aalihiee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Mula-mula marilah kita merafakkan syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala, kerana melimpahkan rahmat dan nikmat-Nya yang tidak terbatas sehingga dengan itu dapatlah kita menjalani ibadat serta lain-lain aktiviti dengan penuh aman lagi selesa.

Tidak ada nikmat yang paling bermakna dari nikmat keamanan dan kesejahteraan, terutama keamanan dan kesejahteraan dalam jiwa raga. Di sana tentulah ramai orang yang mengingini, tetapi belum tentu semudah itu orang dapat memperolehi.

Menyebut tentang keamanan ini, situasi sekarang adalah sungguh membimbangkan, kerana rata-rata tempat di dunia sedang mengalami pelbagai gangguan yang boleh mengugat keamanan, tidak terkecuali apa yang dinamakan gangguan-gangguan perasaan.

Berpunca dari isu-isu peperangan dan keganasan, semua pihak sekarang,

sama ada dari kalangan yang kuat mahupun yang lemah, adalah sama-sama mengalami gangguan perasaan itu. Mereka yang menyenangi dan bahkan sentiasa runsing kalau-kalau peperangan atau keganasan menimpa mereka, di mana risikonya adalah memedihkan.

Pendeknya umat manusia sekarang dilanda ketakutan, tidak tenteram dan tidak aman, disebabkan dikejut oleh perasaan sendiri, sehingga menjadikan dunia ini turut suram kerana asyik membayangkan kecelakaan.

Ini tidak syak lagi adalah suatu penyakit, yang bernama penyakit takut dan runsing yang boleh menghakis ketenteraman. Ia sedang membelenggu setiap warga dunia di mana-mana jua.

Kerana didorong oleh rasa takut itu, maka bermacam-macam teori atau usaha manusia untuk mengatasinya. Ada yang berpendapat menggunakan kekerasan dapat menyelesaikan masalah, di samping tidak kurang pula yang masih percaya bahawa langkah damai atau perundinganlah merupakan sebaik-baik cara untuk mengembalikan keamanan dan ketenteraman.

Alhamdulillah, di tengah-tengah percanggahan sikap serta huru-hara yang disebabkan oleh ketakutan ini, kita orang-orang Islam masih ada jalan tersendiri untuk mengatasinya.

BERPUNCA dari isu-isu peperangan dan keganasan, semua pihak sekarang, sama ada dari kalangan yang kuat mahupun yang lemah, adalah sama-sama mengalami gangguan perasaan itu. Mereka yang menyenangi dan bahkan sentiasa runsing kalau-kalau peperangan atau keganasan menimpa mereka, di mana risikonya adalah memedihkan.

Al-Quran ubat pelbagai penyakit

Kita ada ubat yang mujarab. Ubat tersebut ialah 'Ubat Ketuhanan' yang disediakan oleh Allah Subhanahu Wataala sendiri.

Manakala seseorang itu mengalami takut, atau 1001 macam lagi perasaan resah-gelisah, maka Allah Subhanahu Wataala telah memerintahkan orang tersebut supaya mengingini-Nya dengan penuh keimanan dan ibadat. Janganlah lari memilih cara yang lain, kerana itu tidak akan mendatangkan kesan yang diharapkan.

Berbeza dengan 'Ubat Ketuhanan' ini, ianya telah dijamin tanpa sebarang

manusia."

Ulama tafsir berkata, yang dimaksudkan dengan 'zikrullah' atau mengingat Allah di sini ialah Al-Quran Al-Karim. Ia adalah ubat yang tunggal serta paling mujarab untuk mengubati semua jenis penyakit perasaan, seperti takut, runsing, resah-gelisah, marah dan tidak tenteram, di mana membaca Al-Quran adalah ubatnya.

Jadi tidak diragukan lagi, bahawa kita umat Islam adalah umat yang amat bertuah kerana memiliki Kitab Suci Al-Quran itu. Sementara

orang lain mungkin saja masih mencari-cari kaedah atau formula untuk mengubati pelbagai penyakit perasaan yang turut mengancam tamadun manusia hari ini.

Oleh itu marilah kita terus membaca Al-Quran sambil menghayati ajaran-ajarannya. Insya-Allah dengan terus-menerus berbuat yang demikian itu, kita akan beroleh keberkatan berupa ketenteraman jiwa, keselamatan, kesejahteraan fizikal serta keamanan di dalam negara.

Sekian Wabillahi Tau-fik Walhidayah Wassala-

TIDAK ada nikmat yang paling bermakna dari nikmat keamanan dan kesejahteraan, terutama keamanan dan kesejahteraan dalam jiwa raga. Di sana tentulah ramai orang yang mengingini, tetapi belum tentu semudah itu orang dapat memperolehi.

keraguan untuk memperolehi hasil yang baik.

Perkara ini ditunjukkan oleh Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ar-Ra'd ayat 28 dan 29 yang tafsirnya: "... Orang-orang yang diberi petunjuk oleh Allah itu ialah mereka yang rujuk kepada-Nya, (iaitulah) orang-orang beriman serta tenteram hati mereka dengan zikrullah (mengingat Allah). Ketahuilah, dengan zikrullah itu, tenang tenteramlah hati

INFO PERKHIDMATAN AWAM

Dilarang mencampuri pekerjaan luar

MENURUT Bab 10 (a) Kelakuan dan Tata Tertib, 1961 seseorang pegawai kerajaan adalah dilarang sama sekali mencampuri sebarang pekerjaan luar dengan tidak mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa. Dari itu, seorang pegawai tidak boleh:

1. Mengambil bahagian dengan cara langsung atau tidak langsung di dalam urusan atau perjalanan mana-mana pekerjaan sama ada perniagaan atau pertanian atau perusahaan.
2. Bekerja sebagai seorang penguasa wasiat, pengusaha tiada berwasiat atau penerima wang.
3. Sebagai seorang pakar, mengadakan sebarang report atau memberi keterangan pakar, sama ada dengan sukarela atau kerana hadiah; dan
4. Mengerjakan sebarang kerja kerana hadiah untuk sesebuah syarikat atau firma atau orang perseorangan.

Lebih \$25 ribu diterima

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 November. - Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim hari ini menerima derma sejumlah \$25,756.28 daripada 9 penderma terdiri daripada bank, jabatan kerajaan, badan-badan kebajikan dan pertubuhan awam.

Majlis Penyampaian Derma tersebut berlangsung di Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) di sini.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya selaku ahli Lembaga Pemegang dana tersebut, menerima sumbangan-sumbangan derma bagi pihak dana.

Sumbangan berjumlah \$5,000.00 diterima dari Hongkong and Shanghai Banking Corporation

Oleh
Hj. Ahmad HS

(HSBC) dan sebanyak \$5,040.00 lagi merupakan sumbangan penajaan IRB Berhad bagi bayaran caruman Pelan Takaful Siswa Khas bagi anak-anak yatim kepada 21 orang untuk satu tahun yang disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif HSBC, Awang Marcus Hurry.

Jabatan Perkhidmatan Awam menyumbangkan sebanyak \$7,045.06 iaitu hasil kutipan derma wal-katon bertaja sempena sambutan Hari Perkhidmatan Awam yang disampaikan oleh Pegawai Pentadbir Kanan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Haji Mohd. Taib.

Sekolah Saint Margaret menyumbangkan sebanyak \$3,794.72 iaitu hasil kutipan dari aktiviti 'jogathon' yang disampaikan oleh Timbalan Pe-



YDM Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya menerima sumbangan derma dari Ketua Pegawai Eksekutif HSBC, Awang Marcus Hurry. - Gambar oleh Mohd. Zul-izli HD.

paikan oleh Timbalan Ketua, KJ Tominek; manakala Badan Kebajikan YSHHB pula menyumbangkan sejumlah \$2,376.50 yang disampaikan oleh Yang Dipertua Badan Kebajikan Pekerja YSHHB, Awang Haji

Bakar bin Haji Bali.

Sementara itu Jabatan Perikanan mendermakan sebanyak \$1,500.00 disampaikan oleh Pengarah Jabatan Perikanan, Pengiran Dato Paduka Haji Sharifuddin yang merupakan sebahagian hadiah

kemenangan Jabatan Perikanan iaitu Anugerah Emas sempena Hari Perkhidmatan Awam, manakala Majlis Wanita pula menyumbangkan sejumlah \$1,000.00 disampaikan oleh Datin Hajah Misli.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan Surat Pembaca ini sama ada berupa masalah, kemusykilan, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

**Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama
Berakas BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.**

Awda boleh juga mengirimkannya melalui faks 02 381 004 atau e-mel: Pelita@brunei.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 02 383 804 atau 02 383 941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

Dinaikkan pangkat Brigedier Jeneral

BERAKAS 21 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menaikkan pangkat seorang pegawai kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ke pangkat Brigedier Jeneral.

Majlis Kenaikan Pangkat bagi Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Brigedier Jeneral Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yusoff berusia 46 tahun disempurnakan oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB),

Oleh
Dk. Hjh Saidah
PHOA

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar yang didikan di Mes Pegawai Bolkiah Garison.

Dengan kenaikan pangkat itu yang berkuatkuasa awal bulan ini, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Brigedier Jeneral Haji Awang Halbi kini menjadi Pemerintah Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei.



PEMERINTAH ABDB, YDM Pehin Orang Kaya Lela Pahlawan Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Mohd. Jaafar menyematkan lencana kenaikan pangkat YDM Pehin Datu Lailaraja Brigedier Jeneral Haji Awang Halbi. - Gambar oleh Halim HS.

\$45 ribu didermakan untuk anak-anak yatim

KUALA BELAIT, 19 November. - Tabung Derma Anak-Anak Yatim Daerah Belait terus menerima sumbangan dari pelbagai pihak di daerah ini bagi menampung perbelanjaan anak-anak yatim sempena Hari Raya yang menjelang tiba.

Sehubungan itu Majlis Penyerahan Sumbagan Derma berjumlah \$45,546.00 bagi tabung berkenaan telah diterima oleh Pegawai Daerah Belait, Awang Adnan bin Haji Hanafiah daripada lebih 30 penderma yang terdiri dari pelbagai pihak

Oleh
Dk. Hjh Saidah
PHOA

syarikat swasta, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung, persatuan, sekolah-sekolah rendah dan menengah kerajaan dan bukan kerajaan, jabatan kerajaan dan orang-orang perseorangan yang diadakan di Dewan Raya Pejabat Daerah Belait.

Dari jumlah tersebut sumbangan terbesar yang diterima berjumlah \$25,270.00 sumbangan daripada pegawai dan kakitan-

gan Kumpulan Syarikat Minyak Shell (BSP), Syarikat Gas Cecair Asli Brunei (BLNG), Syarikat Pemasaran Brunei Shell (BSM) dan Syarikat Brunei Shell Tankers (BST) yang disampaikan oleh wakil syarikat berkenaan, Pengiran Haji Hassan bin Pengiran Zahari.

Hasil daripada sumbangan itu telah diagihkan kepada anak-anak yatim Daerah Belait yang diadakan pada 25 November lalu di Kompleks Sukan Mumong.



PEGAWAI Daerah Belait, Awang Adnan menerima sumbangan derma dari seorang penderma. - Gambar oleh Dk. Hjh. Saidah PHOA.

Senyum Budi man



BGS memudahkan orang ramai berbelanja

Rencana oleh
Haji Ahat
Haji Ismail

JUALAN Besar-Besaran Brunei (BGS) 2002 yang bermula pada awal bulan November sangat dialu-alukan oleh semua pihak dan mendapat sambutan daripada orang ramai, terutama dalam membuat persiapan menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Melalui kempen Jualan Besar-Besaran Brunei 2002 tahun ini lebih 400 buah kedai, pasar raya dan gedung perniagaan menyertainya dengan memberikan potongan harga beberapa peratus bagi menarik orang ramai berkunjung sambil berbelanja. Dalam pada itu kempen ini juga antaranya bertujuan bagi menggalakkan orang ramai (rakyat dan penduduk) berbelanja di negara sendiri di samping mengurangkan pengaliran mata wang ke luar negeri.

Langkah tersebut dilihat amat sesuai dan tepat pada masanya terutama dalam keadaan ekonomi yang belum mantap ketika ini, selain harga-harga barangan jualan yang terdapat di premis-premis perniagaan tidak menentu.

Pada kesempatan inilah, orang ramai mengambil peluang berpusu-pusu mengunjungi kedai-kedai, pasar-pasar raya dan gedung-gedung perniagaan di seluruh negara untuk berbelanja dan mendapatkan barang-barang keperluan.

Salah seorang suri

rumah yang ditemui ketika berbelanja di salah sebuah pasar raya di Batu Satu Jalan Tutong menyatakan, BGS 2002 memberikan banyak pilihan untuknya memilih barang yang hendak dibeli dan membandingkan harga-harga yang terdapat pada sesebuah pasar raya.

Dia menyatakan dengan cara demikian akan dapat menilai mana tempat yang seharusnya untuk berbelanja dengan peruntukan yang ada.

"Sebelum saya membeli sesuatu barang itu saya lihat dulu harga di kedai lain. Dengan cara ini saya akan dapat membeli barang yang dikehendaki dengan harga murah dan mutu yang bagus," jelasnya.

Selain dapat berbelanja dengan harga yang murah daripada harga biasa kesempatan ini juga memberi peluang untuk menjimatkan perbelanjaan, katanya.

Pendapat yang serupa juga disuarakan oleh Haji Awang bin Haji Mat Jair yang menyatakan bahawa sememangnya memberikan kelebihan untuk berbelanja pada kadar harga yang berpatutan.

Apabila terdapat harga barang murah, orang ramai berkemampuan untuk berbelanja lebih mengikut kemampuan masing-masing dan pada masa yang sama dapat berjimat untuk keperluan lain, tambahnya.

"Jadinya di sini orang ramai berpeluang untuk mendapatkan sesuatu barang dengan harga yang murah dari biasa dan juga berjimat untuk membeli keperluan lain seperti peralatan sekolah," jelasnya lagi.

Sementara itu pengusaha kedai yang menjual bermacam-macam barangan di Kompleks Teguh Raya, Awang Narendra J.B. menyatakan rasa gembira apabila ramai orang berkunjung ke kedainya untuk mendapatkan lampu-lampu cucul, lampu rumah, pakaian dan kasut.

Beliau berkata di sepanjang bulan Ramadan ini lampu rumah dan lampu cucul yang dijual

premisnya di Jalan Sungai Hanching untuk membeli perabot bersempena Hari Raya.

Beliau berkata kebanyakan penduduk di negara ini begitu berminat dengan perabot buatan Iran dan di kesempatan menjelang Hari Raya nanti beliau telah memberikan jualan harga yang murah.

"Untuk sambutan Hari Raya ini kami memberikan harga yang bagus untuk peralatan perabot dan tikar permaidani dari Iran dan nampaknya barangan ini mendapat sambutan dari orang ramai," ujarnya.

Meskipun fokus BGS 2002 ini antaranya untuk menggalakkan orang

ORANG ramai mengambil peluang berpusu-pusu mengunjungi kedai-kedai, pasar-pasar raya dan gadung-gedung perniagaan di seluruh negara untuk berbelanja dan mendapatkan barang-barang keperluan.

dengan harga murah paling banyak dibeli oleh orang ramai bagi hiasan rumah sempena persiapan Hari Raya.

"Serentak dengan BGS 2002 ini lampu rumah dan lampu cucul kami bagi harga istimewa. Orang ramai terutama umat Islam, paling banyak yang membeli ditawarkan hiasan rumah untuk Hari Raya," ulasnya.

Beliau yang mendatangkan barang-barang jualan dua bulan lebih awal sebelum bulan Ramadan, menyifatkan memberikan manfaat kepada peniaga dan pembeli dalam meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara.

"Jika orang ramai memilih untuk berbelanja di negara ini setentunya perniagaan akan maju dan para pembeli juga sama-sama mendapat manfaat dari penurunan harga serta barang yang bermutu," jelasnya.

Peniaga peralatan perabot-perabot dan tikar permaidani dari Republik Islam Iran, Ali Mohammad pula merasa amat bertuah apabila orang ramai sering mengunjungi

ramai berbelanja di negara sendiri, namun terdapat juga orang ramai memilih untuk berbelanja di negara jiran dengan alasan bahawa sesetengah barangan di sana cukup murah selain kadar tukaran wang yang tinggi.


Di samping itu juga perkhidmatan seperti membaiki kerosakan kenderaan, alat ganti dan upah membaiki kenderaan di negara jiran itu jauh lebih murah yang mendorong orang ramai untuk berkunjung ke sana.

Pada kesimpulannya, JBB ini merupakan langkah bijak ke arah meningkatkan pertumbuhan ekonomi sebagaimana maklumat-maklumat dari bank-bank yang menunjukkan simpanan wang tunai peniaga-peniaga dan urusan perniagaan menggunakan kad kredit dalam tempoh BGS 2002 meningkat.

Ini adalah kemajuan yang menggalakkan dan pihak peniaga perlu memantau kehendak pembeli termasuk memberikan harga barangan yang sesuai, kualitinya terjamin selain memberikan perkhidmatan yang memuaskan.



SEORANG suri rumah memerhatikan secara dekat barang yang dihajatnya.



PENIAGA perabot dari Republik Islam Iran, Ali Mohammad mengalu-alukan orang ramai datang ke premisnya di Jalan Sungai Hanching untuk melihat perabot yang dijualnya.



KAIN untuk baju lelaki dan wanita menjelang perayaan Hari Raya dijual dengan harga yang berpatutan.



ORANG ramai yang hendak ke negara jiran ketika melalui Pos Kawalan Imigresen Kuala Lurah.



AWANG Narendra J.B. memberitahu pelanggannya mengenai pelbagai jenis lampu cucul yang terdapat di kedainya.



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad ketika menyaksikan pameran peralatan elektrik. - Gambar oleh Harun HR.

Mangsa kebakaran Kampong Ayer terima sumbangan

BERAKAS, 19 November. - Tarikh 17 Ogos 2002 merupakan tragedi pahit bagi penghuni penduduk Kampong Ayer, apabila kebakaran berlaku memusnahkan 88 buah rumah di Kampong Lorong Sikuna dan Kampong Ujong Kelenik.

Tragedi yang boleh dikatakan paling buruk pada tahun ini, turut memusnahkan sebuah sekolah yang tertua di Kampong Ayer iaitu Sekolah Rendah Lela Menchanai yang telah dibina kira-kira 50 tahun lalu.

Sejak kejadian itu jawatankuasa kebangsaan kebakaran kedua buah kampung itu tidak henti-henti menerima pelbagai sumbangan berupa kewangan, makanan, minuman, peralatan rumah, pakaian dan sebagainya daripada penduduk dan rakyat negara ini bertujuan untuk meringankan beban para mangsa kebakaran.

Oleh Hj. Ahmad HS

Sehingga ke bulan Ramadan ini derma terus dihulurkan dan diterima oleh Jawatankuasa Tabung Mangsa Kebakaran Kampong Lorong Sikuna dan Kampong Ujong Kelenik.

Bagi meringankan beban dan sama-sama menyambut bulan Ramadan dan Hari Raya yang bakal tiba, penyampaian derma kepada mangsa-mangsa kebakaran Kampong Lorong Sikuna dan Kampong Ujong Kelenik telah diadakan di Dewan Serbanguna, Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba di sini.

Majlis Penyampaian Derma kepada lebih 800 orang mangsa kebakaran disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang

Haji Adanan.

Menurut siaran akhbar Yayasan Sultan Haji Hassan Bolikiah (YSHHB), melalui projek ini setiap anak yatim diberikan sumbangan dalam bentuk kupon yang bernilai \$50.00 untuk pembelian alat-alat tulis, buku-buku latihan dan kerja, pakaian sekolah, beg dan kasut sekolah.

Bagi memudahkan pembelian menggunakan kupon ini, pihak dana telah mengenal pasti 19 buah kedai pembelian peralatan berkenaan di seluruh negara.

Terdahulu dari itu Majlis Bertahlil juga diadakan diketuai oleh Imam Masjid Hassan Bolikiah, Tutong, Awang Haji Abdul Aziz.

Majlis Penyampaian Derma kendalian bersama Jabatan Daerah Brunei dan Muara dan Yayasan Sultan Haji Hassan Bolikiah.

Penggunaan elektrik di rumah-rumah Titikberatkan ciri keselamatan

BERAKAS, 25 November. - Pemangku Pengarah Perkhidmatan Elektrik, Awang Haji Aziz berkata jabatannya begitu prihatin terhadap isu keselamatan di mana dalam beberapa lawatan dan pemeriksaan yang telah dibuat, kebanyakan rumah tidak menitikberatkan ciri-ciri keselamatan penggunaan elektrik.

Jelasnya, ini dapat dilihat dengan pendawaian dan penyambungan yang tidak sempurna dan juga penggunaan peralatan dan perkakas elektrik yang berkualiti rendah yang tidak menepati peraturan dan piawaian.

Beliau menyatakan perkara itu di Majlis Perasmian Road Show Kenali Elektrik Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan berlangsung di jabatan berkenaan di sini.

Oleh Hj. Ahmad HS

"Adalah amat mendukacitakan bahawa setiap kejadian kebakaran yang terjadi maka kerosakan elektrik atau 'electrical fault' akan selalu dikaitkan sebagai penyebab walaupun tidak ada bukti yang nyata diperolehi. Jabatan tidak menafikan bahawa ianya boleh menjadi penyebab kebakaran jika penggunaan tidak teratur dan selamat," jelasnya.

Dalam hubungan itu semua pihak terutamanya para penghulu dan ketua kampung serta semua pemimpin masyarakat supaya akan dapat tampil hadapan untuk mengetahui, mempelajari dan memahami aspek-aspek penggunaan peralatan dan perkakas elektrik yang betul dan selamat

dan menyebarkan pengetahuan dan pengalaman secara sedap agar ahli masyarakatnya mendapat pengetahuan.

Beliau juga menasihatkan kepada semua pengguna supaya melarutkan amalan berjimat cermat kepada penggunaan elektrik terutamanya pemasangan lampu cucul.

Walaupun pada dasarnya pihaknya telah membuat persediaan yang rapi dan segala peralatan telah diperiksa serta dipelihara sebaik mungkin, bekalan elektrik adalah mencukupi untuk menampung keperluan negara tetapi dalam pada itu kita perlu juga berwaspada dalam memastikan bekalan elektrik tidak akan terganggu disebabkan oleh kerosakan dan pembaziran.

Menteri Pembangunan,

Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Ahmad kemudian melancarkan Road Show Kenali Elektrik dan menyaksikan pameran peralatan elektrik yang dipamerkan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perkhidmatan Bomba, Institut Teknologi Brunei, Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dan dan Institute of Electrical Engineers- Brunei.

Road Show yang bertebaran Kenali Elektrik antaranya memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan yang dihulurkan oleh jabatan, memupuk kesedaran orang ramai terhadap bahaya elektrik disebabkan penyambungan/pendawaian yang tidak sempurna, penggunaan yang melebihi beban yang dihadkan dan perlakuan tidak selamat.

Tawaran membekalkan SWD

BANDAR SERI BEGAWAN, 9 November. - Kerajaan akan membuka lebih banyak peluang kepada pengusaha-pengusaha di negara ini yang berminat untuk membekalkan Alat Amaran Had Kelajuan (Speed Warning Device - SWD).

Menurut siaran akhbar Jabatan Pengangkutan Darat baru-baru ini, tawaran itu dibukakan memandangkan kepada keperluan keselamatan bagi kenderaan-kenderaan komersil di negara ini dan permintaan daripada pengguna yang semakin bertambah. Keputusan itu adalah hasil daripada perjumpaan di antara Persatuan Perniagaan Melayu Brunei dengan Kementerian Perhubungan di Jabatan Penerangan baru-baru ini.

Dalam pada itu Jabatan Pengangkutan Darat memaklumkan kepada pemilik-

pemilik kenderaan komersil yang kenderaan mereka dilengkapi dengan Alat Amaran Had Kelajuan bahawa alat berkenaan mestilah disahkan oleh Pemeriksa Kereta Jabatan Pengangkutan Darat. Sijil 'Calibration' dari pembekal adalah tidak diperlukan semasa pemeriksaan mulai 19 November 2002.

Walaupun bagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab pemilik untuk membuat calibration, jika alat berkenaan (SWD) didapati tidak berfungsi dengan betul melalui pembekal yang ditiraf oleh Jabatan Pengangkutan Darat.

Bagi syarikat-syarikat yang berminat menjadi pembekal bolehlah mendapatkan maklumat lengkap mengenai tawaran tersebut di Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong, atau melalui talian telefon 02-451979 sambungan 203.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adanan menyampaikan sumbangan derma kepada seorang mangsa kebakaran. - Gambar oleh Abdullah HAD.

PDB berikan sumbangan Hari Raya

GADONG, 21 November. - Ketika umat Islam sama-sama menantikan kedatangan Syawal yang mulia pada tahun ini, anak-anak yatim di negara ini merupakan insan yang sentiasa diberi perhatian dalam memberikan sumbangan, baik berupa wang mahupun barang-barang keperluan agar mereka sama-sama dapat meraikan kedatangan bulan Syawal.

Selubungan itu, Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) juga tidak melupakan anak-anak yatim PDB dalam memberikan sumbangan hadiah Hari Raya oleh Badan Kebajikan PDB.

Hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Penyampaian Hadiah Hari Raya kepada anggota pangkat rendah pasukan, penyampaian hadiah dan sijil kepada anak-anak polis yang cemerlang dalam peperik-

saan peringkat 'O' dan 'A' bagi tahun 2001, penyampaian derma kebajikan dan zakat Saham Koperasi PDB (SEPADU) bagi anak-anak yatim PDB dan penyampaian dividen dan sijil penyertaan Koperasi SEPADU ialah Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Haji Abdul Rahman bin Haji Johan.

Majlis berlangsung di Dewan Stadium Hassan Bolikiah, Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Dalam ucapannya beliau berkata, sumbangan hadiah Hari Raya oleh Badan Kebajikan PDB kepada anggota-anggota yang layak menerimanya adalah kegiatan tahunan yang mencerminkan sikap pemerdulian pasukan terhadap anggotanya bagi tujuan menceriakan lagi sambutan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

Oleh Ak. Jeffery PD

"Dalam bulan Ramadan yang mubarak ini, Pasukan Polis Diraja Brunei juga tidak melupakan anak-anak yatim Pasukan Polis Diraja Brunei walaupun orang tua mereka telah tiada tetapi khidmat bakti dan budi orang tua mereka itu masih diingat dan dikenang oleh pasukan," tambah beliau.

Majlis pada pagi tersebut juga diteruskan dengan penyampaian sijil dan sumbangan oleh Badan Kebajikan PDB kepada anak-anak polis yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan peringkat 'O' dan 'A' bagi tahun 2001.

Menyentuh kejayaan yang dicapai Dato Paduka Seri berkata bahawa kejayaan itu bukan sahaja merupakan kegigihan mereka

sendiri tetapi juga disebabkan oleh dorongan dan asuhan yang baik dari para ibu bapa mereka walaupun di sebalik kesibukan dalam menjalankan tugas namun masih berjaya membimbing anak-anak dalam pembelajaran.

Beliau juga mengingatkan bahawa beliau sekarang adalah aset negara sebagai pemimpin masa hadapan yang diharapkan akan dapat membawa kemajuan kepada negara demi kesinambungan sistem politik dan sosial yang kukuh dan terbaik kepada Negara Brunei Darussalam.

Majlis juga diteruskan dengan penyampaian sijil penyertaan dan dividen kepada pemegang Saham SEPADU.

Ketika berucap, beliau juga mengingatkan semua pegawai dan anggota Pasukan Polis Diraja Brunei

supaya menjaga nama baik pasukan dengan mempepetkan daya usaha serta prestasi yang baik demi mempertahankan keamanan dan keselamatan dan kedaulatan negara.

"Kita juga harus peka dan berwaspada akan perkembangan di persekitaran kita baik dalam mahupun luar negara sebagai langkah antisipasi terhadap sebarang kemungkinan yang di luar dugaan kita," tambah beliau.

Seramai 52 orang anak-anak yatim Pasukan Polis Diraja Brunei seluruh negara menerima sumbangan derma mereka bersama empat orang anak-anak polis yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan peringkat 'O' 2001 dan empat orang lagi yang mendapat keputusan cemerlang di dalam peperiksaan peringkat 'A'.



PESURUHJAYA Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman menyampaikan sumbangan derma kepada seorang anak yatim. - Gambar oleh Masri Osman.

Menerima mengadap empat perwakilan asing

BANDAR SERI BEGA-WAN, 30 November. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, hari ini berkenan menerima mengadap empat perwakilan asing ke Negara Brunei Darussalam yang akan memamatkan perkhidmatan.

Mereka ialah Tuan Yang Terutama Kim Ho-Tai, Duta Besar Republik Korea; Tuan Yang Terutama Qu Wenming, Duta Besar Republik China; Tuan Yang Terutama Milan Lajciak, Duta Besar Slovak dan Puan Yang Terutama Chitrangenee Wagiswara, Pesuruhjaya Tinggi Republik Demokratik Sosialis Sri Lanka. Perjumpaan tersebut berlangsung di Balai Penghadapan, Bukit Kayangan.

Duli Yang Teramat Mulia menyampaikan penghargaan di atas khidmat keempat perwakilan tersebut dan berharap mereka terus berjaya di masa-masa akan datang.

TYT Kim Ho-Tai, berkhidmat sebagai Duta Besar Republik Korea sejak bulan September 1999; TYT Qu Wenming berkhidmat sebagai Duta Besar Republik Rakyat China sejak bulan Julai 2000; TYT Milan Lajciak berkhidmat sebagai Duta Besar Slovak Republik sejak bulan September 1999 dan beribu pejabat di Jakarta; dan TYT Chitrangenee Wagiswara berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Tinggi Republik Demokratik Sosialis Sri Lanka sejak bulan Mac 2000 dan beribu pejabat di Republik Singapura.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri ketika berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Korea, TYT Kim Ho-Tai (atas kiri), Duta Besar Republik Rakyat China, TYT Qu Wenming (atas kanan), Duta Besar Republik Slovak, TYT Milan Lajciak (bawah kiri) dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Demokratik Sosialis Sri Lanka, TYT Chitrangenee Wagiswara (bawah kanan). - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.



SELEPAS Perang Dunia Kedua terutamanya bermula pada tahun 1948 keadaan Brunei sudah memperlihatkan perubahan walaupun serba sedikit sahaja terutamanya bidang pendidikan.

Walaupun keadaan masyarakat masih tetap hidup dalam serba kepayahan namun masih mula menikmati pergerakan secara bebas dan tidak lagi merasa takut-takut terutamanya untuk mencari penghidupan yang lebih baik atau setidak-tidaknya untuk keluar dari hidup yang menekan seperti mana yang pernah dialami oleh kebanyakan orang ketika itu dari kesan akibat peperangan. Kesan-kesan yang terus menekan dan mengambil masa yang agak panjang juga ialah bagaimana hendak keluar dari keadaan hidup yang serba payah dan serba kurang itu. Kekurangan yang nyata pada waktu itu ialah seperti keadaan tempat tinggal atau rumah-rumah yang tidak sahaja kelihatan usang, rosak teruk dan perlu diperbaiki. Selain dari itu, hal yang paling merunsingkan ialah untuk meladani keperluan harian bagi memastikan tambak berasap bila waktu mengehendakinya, sedangkan perkara yang membolehkan agar tambak itu tetap berasap adalah antara masalah yang menekan hidup kebanyakan orang di waktu itu.

Kita dan rakan-rakan sebaya yang lain tentu ada yang masih ingat betapa payahnya untuk mendapatkan secupak beras, sedikit gula, sedikit garam, sedikit kopi atau teh dan lauk-pauk sedangkan keadaan keliling adalah sama kecuali mereka yang bertaruh. Itu pun adalah di kalangan yang berada. Pun di kalangan mereka itu hanyalah seorang dua sahaja. Tentulah juga mereka itu lebih memikirkan akan kepentingan diri mereka dan keluarga mereka. Bukan mereka tidak terfikir atau tidak berhati hendak menolong orang lain, tetapi keadaan tidak begitu mengizinkan.

Kendatipun demikian semangat untuk ampit-mengampiti itu tetap tidak lekang dari menjadi amalan mereka. Tradisi orang-orang di masa silam yang demikian itu tetap terpelihara. Semangat sesudu sama sesudu, secupak sama secupak, secawan sama secawan asal dapat mengalas perut tetap juga terbelai dengan baiknya. Kebanyakan orang dahulu jarang terdapat perbuatan 'memalak-malaki' orang lain. Bahkan bila diri mereka biarlah dilagau sama-sama makan, namakan memalak-malaki itu, mereka akan tidak sampai hati. Siapa-apa yang 'tadapat' indah-indah akan biasanya 'menyedakahi' kepada yang memerlukannya. Akan tetapi, satu hal yang cukup menarik ialah dapat dikatakan tidak terlihat orang meminta sedekah biarpun

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

NILAI REZEKI DAHULU, SUNGKAI HARI INI

keadaan pada waktu itu serba tiada, serba susah sehingga kerak nasi, kerak sakul dan lauk-pauk setampik jimat dari makan siang akan ditaruh untuk makan malam.

Masa susah begitulah, mata dan hati terbuka luas tentang betapa perlunya berjimat dan betapa perlunya berhati-hati terhadap rezeki. Semuanya kerana sukar. Bahkan bukan tidak ada cerita betapa serba kurang dan serba tiada itu, dikatakan ada yang sampai merasa cukup, biarpun hanya sekadar mencium bau sahaja atau hanya sekadar mengambil airnya sahaja. Ertinya sekadar mengambil 'rasa' sahaja, cukuplah. Inilah yang banyak mengajar tentang hidup dan mungkin inilah juga yang menjadi punca betapa orang-orang dahulu itu dikatakan karit-karit bila dilihat cara mereka memantuni setiap benda yang dikatakan 'rajiki' dan tidak sembarana bila menghadapinya dan memperlakukannya secermat mungkin, melarang agar jangan 'berjajih-jajih' biar jangan tinggal walau sebiji pun di kudut apabila selesai makan nasi. Kerana, menurut mereka, nasi yang ditinggalkan itu akan pandai menangis dan akan merajuk lalu tidak akan sudi datang lagi. Inilah yang ditakuti mereka. Mereka takut rezeki mereka itu terputus kerana perbuatan yang tidak menghargai nilai dan keperluan rezeki itu sendiri. Mereka juga tidak mahu adanya semacam kesombongan terhadap rezeki.

Ini juga seperti mengajarkan betapa serba susah akan datang menimpa kiranya kita tidak sedar betapa kerana sikap sombong, tidak hormat dan tidak menghargai rezeki yang menjadikan darah, daging, tulang belulang dan segala keperluan badan kita sebagai manusia itu sengahaja diabaikan. Maka akan kemana dan bagaimana serta apa lagi yang hendak dilakukan bila tidak ada sebiji nasi pun datang menjengah? "Hidup akan menjadi panah-panah kalau tidak ada

yang hendak dimakan!", itu adalah antara kata-kata yang diluahkan oleh ibu bapa apabila mereka sangat marah bila mendapati anak-anak mereka cuai dan tidak tertip bila berhadapan dengan hidangan. Suasana begitu selalunya terjadi ketika anak-anak itu dibawa sama seperti menghadiri jemputan bertahlil, makan-makan atau sebarang majlis yang menyajikan pelbagai juadah makanan.

Ibu bapa dahulu itu juga lebih mementingkan aturan 'secukup-cukupnya' yang membawa erti agar berkira-kira boleh tidaknya dihabiskan, 'jangan terlampau mengisi pinggan hingga menganak bukit, selalu memikirkan orang lain, elakkan pembaziran, dan akhirnya... jangan sampai disumpah rezeki', kata mereka.

Maka alangkah cantiknya peninggalan-peninggalan masa susah itu dan alangkah murninya akhlak yang terbentuk kerana susah, alangkah moleknnya olah dik kerana pernah susah, alangkah lembutnya budi yang dibentuk susah. Beruntunglah bagi mereka yang pernah susah, dan susahlah bagi mereka yang melupakan masa susah.

Dari perkara yang kita simbat di atas itu, barangkali tidak rugi kiranya anak pinak yang ada sekarang mere-nung atau menyelirik apa yang berlaku disekeliling mereka dan mungkin sahaja mereka sendiri turut sama merasakannya. Perkara itu ialah ketika menikmati pesungkaan dan menyediakan pesungkaan menjelang berbuka puasa. Ada banyak perkara yang ditimbulkan oleh media massa di sepanjang bulan Ramadan ini yang tidak terkecuali perkara mengenai bersungcai ini. Tidak dinafikan nafsu orang berpuasa adalah besar dan segala-galanya ingin dinikmati, tetapi apabila beduk0000000000 berbunyi semua makanan yang disediakan itu bukan sahaja tidak termakan kadang-

kadang ada yang terlupa menjamahnya.

Itulah barangkali hakikat nafsu yang selalu ditekan mengenai betapa perlunya untuk diperangi di sepanjang waktu kita menjalani ibadah puasa itu. Itulah juga, agak, yang dikatakan 'kemenangan' iaitu apabila kita berjaya mengatasi kehendak-kehendak nafsu yang tidak setakat makan dan minum bahkan nafsu-nafsu yang lain juga seperti yang terdorong kerana sifat hasad dengki, didorong oleh rasa sombong, tidak mahu sirit, tamak, mendedahkan diri kepada unsur-unsur perlakuan yang lebih mengundang permusuhan dari persetiakawan terutama dalam hal-hal yang berkaitan dengan berjiran tetangga dan pendeknya perlakuan-perlakuan yang lebih hampir kepada perselisihan daripada perpaduan, memikirkan mengenai rahmat silaturrahim dan menjaga dengan sebaik-baiknya nilai perpaduan yang diajarkan oleh agama Islam. Hal begini lebih utama lagi betapa perlunya dijaga oleh kalangan mereka yang tahu akan hukum-hukum dan nilai berbudi dan berbahasa kalau dikaitkan dengan budaya orang Melayu yang halus dan cukup cantik itu.

Berbalik kepada perkara yang menyangkut kepada perkara bersungcai itu tadi, satu trend yang baru dan merupakan satu perubahan gaya hidup orang sekarang ialah bersungcai di luar rumah sama ada di kedai-kedai makan biasa, restoran-restoran sederhana atau yang ternama atau majlis-majlis terbuka puasa yang khusus bagi perkara-perkara yang tertentu dan yang seumpamanya. Untuk hal ini, satu hal yang disebut-sebut oleh orang-orang media massa ialah kesempatan ibadah selepas berbuka, khususnya sembahyang Maghrib. Kecuali yang menjadual bagi memperuntukkan masa untuk ibadah itu, maka yang lain-lainnya ditekankan agar perlu dilihat dengan hati-hati terutama yang sungkai di kedai-kedai yang mudah diperangkap oleh masa, lalu terlepas waktu.

Menjaga nilai berpuasa adalah satu hal. Namun hal lain yang juga perlu dijaga ialah 'pandangan orang-orang yang bukan Islam terhadap anak pinak dan cucu cicit kita itu termasuk diri kita sendiri yang patut memberi contoh dan sememangnya dijadikan contoh oleh anak-cucu kita itu. Gaya hidup baru memang diakui tidak semua tidak baik, tetapi mana-mana yang agak kurang enak itu, adalah baik benar untuk diperkirakan. Mereka yang tahu mengatur waktu dan tempat kerana tidak meringan-ringankan kewajipan sebagai umat Islam itu adalah langkah yang sebaik-baiknya untuk dicontohi agar imej Islam dan nilai ibadah terus dipelihara.

Kementerian Kesihatan sumbang derma

KUALA BELAIT, 20 November. - Seramai 20 orang anak yatim dari keluarga kakitangan Kementerian Kesihatan Daerah Belait menerima sumbangan berupa wang daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan di seluruh negara dan Koperasi Badan Kebajikan Sukan dan Sosial kementerian berkenaan.

Sumbangan tersebut disampaikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar yang diadakan di Hospital Suri Seri Be-

Oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA

gawan di sini.

Anak-anak yatim yang menerima sumbangan tersebut berumur 18 tahun kebawah dan setiap seorang menerima \$187.00. Dengan adanya sumbangan tersebut akan dapat membantu mereka menampung perbelanjaan menyambut Hari Raya yang akan menjelang selain persediaan permulaan persekolahan sesi 2003.

Di majlis tersebut Menteri Kesihatan ber-



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar menyampaikan derma kepada seorang anak yatim. - Gambar oleh Ramli Tengah.

sama pegawai dan kakitangan kementeriannya mengadakan Majlis Bertedurus, Bertahlil dan Doa

Arwah, Berbuka Puasa, sembahyang Maghrib dan Isyak berjemaah serta Terawih dan Witir.

Bertedurus di Masjid Kampong Belimbing

Oleh Samle Hj Jait

SUBOK, 25 November. - Pejabat Daerah Brunei dan Muara meneruskan Majlis Bertedurus sebagai aktiviti menyemarakkan lagi kedatangan bulan Ramadan tahun ini.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun bin Haji Ismail mengetuai rombongan berkenaan di Kampong Belimbing, Subok.

Rombongan terdiri dari pegawai dan kakitangan serta Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara meneruskan pembacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Sempena majlis itu, Pegawai Daerah Brunei dan Muara juga menyampaikan wakaf berbentuk buku Surah Yaasin kepada masjid berkenaan.

Majlis yang dihadiri oleh penduduk kampung berkenaan juga diselenggarakan dengan Majlis Berbuka Puasa.



DATIN Paduka Dr. Hajah Intan, menyampaikan derma kepada anak yatim kakitangan Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Majlis Bertahlil

Oleh Samle Haji Jait

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei mengadakan Majlis Bertahlil khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, di Kubah Makam Diraja hari ini.

Majlis berkenaan merupakan salah satu aktiviti tahunan pasukan berkenaan dalam menyemarakkan lagi bulan Ramadan tahun ini.

Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Haji Abdul Rahman hadir bagi mengetuai majlis, yang juga dihadiri oleh pegawai-pegawai dan pegawai rendah dari cawangan di empat-empat daerah.



PESURUHJAYA Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Haji Abdul Rahman mengetuai Majlis Bertedurus bagi Pasukan Polis Diraja Brunei. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Umat Nabi Muhammad mempunyai keistimewaan

BERAKAS, 26 November.

- Penceramah Pusat Dakwah Islamiah, Awang Haji Adi Zaki bin Haji Metussin berkata umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam lebih mempunyai keistimewaan berbanding dengan umat Nabi-nabi terdahulu.

Tambahnya walaupun umat Nabi-nabi terdahulu mempunyai usia yang begitu panjang sehingga mencapai 1,000-3,000 tahun, tetapi pahala yang diberikan kepada mereka adalah sedikit iaitu satu kebajikan satu pahala.

Tetapi berbanding dengan umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang hanya mencapai sehingga 60-70 tahun sahaja mempunyai kelebihan iaitu sekali amalan kebajikan yang dilakukan akan mendapat pahala 10 kali, tambahan lagi dalam bulan Ramadan pahala yang diberikan akan berlipatlipat ganda, katanya.

Oleh
Haji Ahmad HS

Beliau mengutarakan perkara itu ketika menyampaikan ceramah khas sempena sambutan Nuzul Al-Quran yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan bertempat di kementerian tersebut di sini.

Al-Quran merupakan suatu panduan cara hidup yang lengkap yang mengandungi berbagai-bagai aspek termasuk kebudayaan, cara kehidupan, ibadah, kemasyarakatan dan sebagainya, tambahnya.

Selepas itu majlis diteruskan dengan penyampaian derma kepada 56 orang anak-anak yatim Kementerian Kesihatan bagi Daerah Brunei dan Muara dan juga Temburong.

Derma tersebut disampaikan oleh Menteri Kesi-

hatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bagi anak-anak yatim lelaki, manakala derma bagi anak-anak yatim perempuan disampaikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan dan Perubatan, Kementerian Kesihatan, Datin Paduka Dr. Hajah Intan binti Haji Mohd. Salleh.

Sementara itu derma anak-anak yatim bagi Daerah Belait dan Tutong sumbangan Kementerian Kesihatan pula telah disampaikan lebih awal.

Majlis kemudian diteruskan dengan Majlis Bertedurus disertai oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar; Setiausaha Tetap, Dato Paduka Awang Haji zainal, pegawai-pegawai dan kakitangan kementerian tersebut.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) BIRO KAWALAN NARKOTIK (Bahagian I)

Jenis Perkhidmatan	TPOR
a. Persuratan-persuratan biasa yang tidak memerlukan ulasan. * Persuratan-persuratan biasa seperti mengesahkan penerimaan dan sebagainya.	3 hari
b. Menyediakan kertas penyiasatan. * Melengkapkan kertas penyiasatan sebelum dihadapkan ke mahkamah. Ini tidak termasuk dokumen-dokumen yang di luar kawalan biro seperti laporan makmal, kebenaran mendakwa daripada Pendakwa Raya dan sebagainya.	14 hari
c. Memaklumkan kepada keluarga dan/atau majikan dan ikat jamin * Maklumkan kepada keluarga tangkapan dan seterusnya membebaskan dengan ikat jamin jika penahanan lanjutan tidak diperlukan.	24 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam)
d. Penyiasatan ke atas maklumat * Bagi setiap maklumat yang diterima dari orang ramai atau sumber-sumber lain.	Secepat mungkin
e. Menghadapkan ke Mahkamah untuk tahanan reman * Bagi kes yang memerlukan tahanan reman di bawah seksyen 22A MDA.	24 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam)
f. Menghadapkan ke mahkamah untuk tuduhan reman * Bagi dimasukkan tuduhan tanpa pengakuan diambil dan dipohonkan untuk penahanan di Penjara Jerudong sementara menunggu ketetapan pendakwaan dari Timbalan Pendakwa Raya.	24 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam)
g. Mengembalikan harta peribadi tangkapan (bukan barang kes) bagi tangkapan yang dibebaskan dengan ikat jamin * Harta peribadi bukan barang-barang ekshibit seperti jam tangan, kad pengenalan dan lain-lain kepunyaan tangkapan.	24 jam

MENJELANG HARI RAYA

Bekalan daging, ayam dan telur mencukupi

BERAKAS, 30 November. - Bekalan daging, ayam dan telur mencukupi 100 peratus semasa Ramadan dan menjelang Syawal di negara ini, malah bekalan dijangka melebihi dari mencukupi kerana 'supply' didatangkan lebih awal.

Daging lembu, ayam tempatan dan telur memang tidak kekurangan walaupun permintaan meningkat lebih 50 peratus ketika Ramadan tambahan lagi sempena Hari Raya nanti.

Salah sebuah penjual bekalan tersebut, Mulaut Abattoir Sendirian Berhad mengesahkan bekalan bagi ketiga-tiga bahan keperluan itu lebih dari mencukupi sempena

**Rencana oleh Abdullah Asgar
Gambar-gambar oleh Pg. Rafee PDPHM
dan Hamadi HM**

Aidilfitri, Krismas dan Tahun Baru Cina 2003 nanti.

Mengikut Penolong



PENGARAH Urusan Hussyn Rahman Enterprise Company, Haji Hussin bin Haji Abdul Rahman menjamin bekalan daging lembu dan kerbau menjelang Syawal akan mencukupi.

Pengurus Kanan Penjualannya, Haji Abdul Hafiz bin Haji Md. Daud memberitahu wakil PELITA BRUNEI pihaknya telah membuat pesanan sebanyak 550 ekor lembu dan kerbau dari Australia dua minggu sebelum Aidilfitri bagi memastikan bekalannya tidak kehabisan dan pesanan itu telah pun sampai.

Katanya, pihak Mulaut Abattoir menyedari penjualan ketiga-tiga keperluan tersebut melebihi 100 peratus berbanding hari biasa, jika pada hari biasa pihaknya memperun-

tukkan 15 hingga 20 ekor lembu namun menjelang Hari Raya tambahan 35 hingga 40 ekor sehari.

"Trend yang sama juga berlaku terhadap penjualan ayam umpamanya pada hari biasa jualan hari biasa hanya 1,000 hingga 2,000 ekor tetapi semasa Ramadan dan menjelang Raya penjualan bertambah hingga 7,000 ekor sehari," jelasnya.

Selain itu tambahnya, penjualan daging kambing juga meningkat namun tidaklah setinggi penjualan daging lembu.

"Perancangan terperinci disusun bagi memastikan bekalan mencukupi, kalau dilihat dari tahun lepas adalah dianggarkan peningkatan 50 peratus bagi permulaan Ramadan hingga ke-26 Ramadan," katanya.

"Manakala empat hari menjelang Hari Raya akan kami menyaksikan peningkatan kedatangan pelanggan yang luar biasa, secara kasar kami anggarakan purata 4,000 pengunjung empat hari sebelum Aidilfitri," tambahnya.

Sebagai menarik minat lebih ramai pembeli katanya, pihak Mulaut Abattoir telah mengadakan jualan promosi bagi semua produk sebelum Ramadan lagi.

Antara produk yang termasuk jualan promosi ialah ayam bulat segar \$3.19 sekilo, ayam bulat beku \$2.99, daging isi punat \$8.00 dan daging isu berurat \$6.70 sekilogram.

Sementara itu sebuah lagi syarikat penjual daging yang mengalami peningkatan jualan ialah Hussyn Rahman Enterprise Company yang beroperasi di Kampong Bunut.

Menurut Pengarah Urusannya, Haji Hussin bin Haji Abdul Rahman berkata setakat ini pihaknya hanya telah menjual 361 ekor lembu dan 131 kerbau kepada orang ramai dan pasar-pasar raya di negara ini untuk



ORANG ramai mendapatkan bekalan daging, ayam dan telur di Mulaut Abattoir untuk kegunaan di bulan Ramadan dan Syawal nanti.



BEKALAN daging ayam yang mencukupi untuk keperluan orang ramai menjelang Syawal, Krismas dan Tahun Baru Cina.

MANAKALA itu tinjauan wakil PELITA BRUNEI bersama pembeli dan orang ramai secara rambang rata-rata melahirkan rasa puas hati mengenai bekalan yang lebih dari mencukupi.

keperluan bulan Ramadan.

Sementara menjelang Aidilfitri nanti pihaknya telah mendatangkan 600 ekor lembu bersama kerbau selain 20 ekor unta untuk disembelih dan dijual kepada orang ramai di seluruh negara.

"Jualan syarikat semasa Ramadan dianggarkan 18 ekor setiap hari dan jualan akan meningkat ketika menjelang Hari Raya dan kami menjamin yang bekalan daging untuk keperluan orang ramai akan mencukupi," katanya.

Beliau menasihati orang ramai di negara ini supaya jangan merasa cemas mengenai kekurangan bekalan kerana tiada sebab berbuat demikian memandangkan penjual-penjual daging di negara ini mempunyai bekalan yang berlebihan khususnya semasa Hari Raya.

Katanya selain membekalkan kepada pasar-pasaraya, syarikatnya juga membekalkan kepada kedai-kedai runcit, di samping menjual sendiri di kedainya dan cawangannya di ibu negara.

"Bagi bekalan ke pasar-pasar raya sebanyak 10 ekor dikhususkan dengan siap sedia dikotakkan," tambahnya.

Jelasnya, pihak syarikat akan memastikan bekalan mencukupi sepanjang bulan Ramadan dan Syawal nanti.

Manakala itu tinjauan wakil PELITA BRUNEI bersama pembeli dan orang ramai secara rambang rata-rata melahirkan rasa puas hati mengenai bekalan yang lebih dari mencukupi.

Mereka juga berkata harga adalah berpatutan berbanding hari biasa, ke-

banyakan mereka mengatakan harga agak murah sedikit khasnya penjualan yang dibuat di Mulaut Abattoir di mana mereka menawarkan harga promosi.

Bagi mendapatkan bekalan, mereka menjelaskan tidak menghadapi masalah kerana bekalan daging, ayam dan telur mencukupi dan tidak menghadapi sebarang masalah.

Mereka menjelaskan setiap kedai yang menjual daging, ayam dan telur rata-rata mempunyai bekalan yang mencukupi, malah ada sesetengah tempat memiliki bekalan yang berlebihan.

Bekalan juga mudah diperolehi dari penjual-penjual persendirian yang banyak beroperasi di kawasan tertentu yang mudah dikunjungi dengan menawarkan harga sederhana.



HARGA daging dan ayam dikurangkan bagi meningkatkan jualan dan menarik lebih ramai pembeli (atas dan bawah).



BULAN Ramadan adalah bulan yang penuh berkat dan mempunyai banyak keistimewaan di dalamnya yang tidak diperolehi di bulan-bulan yang lainnya dan dalam menunaikannya, persiapan Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tidak dilupakan bagi orang Islam umumnya dan bagi masyarakat Islam Brunei khususnya.

Banyak persiapan yang perlu dibuat untuk meraikan kemenangan selepas sebulan berpuasa di bulan Ramadan. Ini jelas, apabila orang ramai mula membuat persiapan diri, kelengkapan rumah dan sebagainya sebelum menjelang Hari Raya lagi.

Bagi pengusaha kedai-kedai jahit, jumlah pelanggan yang menempah pakaian begitu memberangsangkan dan tukang-tukang jahit begitu sibuk menyiapkan tempahan sehingga ada di antara mereka yang tidak sanggup lagi menerima tempahan yang baru.

Kedua seperti ini dimaklumi, apabila menjelang Aidilfitri. Justeru itu, kebanyakan pelanggan telah membuat tempahan lebih awal sebelum bulan Ramadan lagi untuk mengelakkan tempahannya tidak diterima.

Pada lazimnya, sesetengah tukang jahit terpaksa tidur lewat bagi menyiapkan tempahan pakaian yang dibuat bagi tidak menghampakan hati pelanggan kerana bimbang pakaian yang ditempah tidak dapat disiapkan sebelum Hari Raya nanti.

Bagi sesetengah wanita, penampilan diri adalah penting, nampak manis dan bergaya di Hari Raya adalah satu kemestian sehingga ada yang menempah pakaian sebanyak mungkin, dengan penampilan baju yang berhiaskan pelbagai aksesori.

Untuk yang tidak berkemampuan, hanya mampu membeli sepasang dua pakaian sahaja di kedai-kedai yang menjual pakaian. Tambah lagi, gedung-gedung perniagaan ketika ini mengadakan promosi Jualan Besar-Besaran Brunei (BGS) 2002 dan membuat potongan harga yang berpatutan pelbagai barangan termasuk pakaian untuk Hari Raya, perabot, hiasan dan sebagainya.

Dalam temu bual wakil PELITA bersama seorang ibu menyatakan persiapan Hari Raya tahun ini ala kadar sahaja kerana beliau mengambil inisiatif

yang lebih utama bagi persiapan dan persediaan persekolahan anak-anak awal tahun hadapan.

Selain persiapan diri, persiapan hiasan meja seperti kek, biskut dan kuih-muih juga tidak dilupakan bagi menjamu tetamu yang bertandang ke rumah.

Jika dikaji, sebilangan wanita dan suri rumah ada yang mengambil jalan

Wanita paling sibuk menyediakan persiapan Hari Raya

Rencana oleh Siti Aishah HS

nakan untuk membuat kuih sendiri kerana kos perbelanjaannya adalah lebih murah jika dibandingkan dengan membeli atau menempah.

Adapun bagi penjual kuih-muih, bulan Ramadan bukan sahaja memberi kesempatan untuk beribadat dan meli-

menempah kuih-muih di kedainya, mendapat sambutan yang menggalakkan walaupun di hari-hari biasa.

Tambah beliau, syarikatnya telah menempuh pelbagai cubaan dengan turun naiknya perniagaan selama 12 tahun yang lalu tapi oleh kerana

JIKA dikaji, sebilangan wanita dan suri rumah ada yang mengambil jalan mudah dengan hanya perlu mengeluarkan wang bagi membeli kek dan biskut yang sedia ada dijual tapi bagi mereka yang berjimat, kebolehan dan kepandaian yang ada digunakan dengan membuat kuih sendiri tanpa perlu mengeluarkan modal yang besar.

mudah dengan hanya perlu mengeluarkan wang membeli kek dan biskut yang sedia ada dijual tetapi bagi mereka yang berjimat, kebolehan dan kepandaian yang ada digunakan dengan membuat kuih sendiri tanpa perlu mengeluarkan modal yang besar.

Dalam pendekatan bersama seorang wanita menyatakan kepandaian yang ada hendaklah digu-

patandakan pahala tapi jelas terbukti memberi peniaga-peniaga ruang yang luas dalam peluang-peluang perniagaan dan memberi pulangan yang menguntungkan, lebih lagi dengan majoriti penduduk negara ini yang beragama Islam.

Bagi Dayang Haniz binti Zainal Abidin, seorang pengusaha kedai kek menyatakan sambutan orang ramai dalam

semangat yang padu, syarikat tersebut masih bertahan sehingga ke hari ini.

Apa pun persiapan Hari Raya yang akan menjelang, ternyata bulan Ramadan membukakan banyak keistimewaan dari segi ibadat bahkan memberikan peluang perniagaan yang menguntungkan dari pelbagai aspek kehidupan manusia sejagat.

ADAPUN bagi penjual kuih-muih, bulan Ramadan bukan sahaja memberi kesempatan untuk beribadat dan melipatgandakan pahala tapi jelas terbukti memberi peniaga-peniaga ruang yang luas dalam peluang-peluang perniagaan dan memberi pulangan yang menguntungkan.



KAUM wanita paling sibuk menyediakan pakaian anak-anak menjelang Hari Raya.



SEBAHAGIAN kaum wanita yang berkunjung ke gedung-gedung membeli-belah bagi mencari pakaian yang sesuai sempena Hari Raya Aidilfitri.



GERAI-GERAI menjual kuih-muih memberikan kemudahan kepada kaum wanita yang bekerja yang tidak berkesempatan membuat kuih-muih untuk Hari Raya.



ANTARA beraneka jenis biskut dan keropok yang boleh diperolehi dengan harga yang berpatutan.

e-kesihatan berikan maklumat berguna

BERAKAS. - Peresmian e-kesihatan mengenai dengan sistem informasi kesihatan kebangsaan merupakan suatu sistem kesihatan bagi orang ramai untuk mengetahui maklumat yang berhubung kait dengannya di samping memberi kemudahan untuk mengurus kesihatan masing-masing.

Peresmian yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa pada 18 Oktober lalu telah disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Awang Haji Abu Bakar.

Dengan terlaksananya sistem kesihatan tersebut sekurang-kurangnya dapat

Oleh
Abu Bakar HAR

meningkatkan kewaspadaan serta pengetahuan orang ramai dalam mencegah sebarang penyakit serta mengurus kesihatan yang lebih baik.

Menyentuh mengenai dengan teknologi maklumat di dalam perkhidmatan perubatan dan kesihatan ini Yang Berhormat Pehin menjelaskan bahawa penubuhannya telah bermula sejak tahun 70-an lagi iaitu dengan penubuhan sistem maklumat makmal.

Namun dengan kemajuan yang cepat khususnya

di bidang teknologi, nyata Yang Berhormat Pehin pelbagai sistem yang lain kini masih lagi dalam pelaksanaan mengikut peringkat seperti sistem rekod perubatan dan sistem pengurusan harta benda.

Katanya pada tahun 2003 Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha akan dibekalkan dengan sistem komunikasi dan arkib bergambar di mana dengan sistem tersebut para doktor akan mudah mendapatkan semula bayangan X-Ray melalui jaringan sistem omunikasi di dalam mana-mana kemudahan kesihatan di negara ini.

Penggunaan jaringan e-kesihatan tersebut mempunyai potensi untuk menyampaikan kaedah-



PENGARAH Urusan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani menyampaikan sumbangan Yayasan kepada salah seorang mangsa kebakaran Rumah Panjang Kampong Melayan.

kaedah baru mengenai pendidikan dan latihan dalam membantu perkhidmatan kesihatan seperti program pembelajaran jauh dan program pendidikan berterusan bagi pengendali cara kesihatan di samping program pendidikan kepada penjaga serta ibu bapa dalam mengurus kesihatan keluarga mereka tentang penyakit dan kecacatan.

Persidangan yang berlangsung selama empat

hari itu antara lain bertujuan meningkatkan kesedaran dan memperbaiki pengetahuan diantara pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan serta agensi-agensi kerajaan yang berhubung kait dengan sistem maklumat kesihatan kebangsaan di samping untuk mendidik dan meningkatkan pemahaman diantara beberapa buah institusi yang terlibat didalam pelaksanaan sistem maklumat kesihatan kebangsaan tersebut.

Penyertaan menggalakkan

Oleh
Abdullah Asgar
Samle Hj. Jait

BERAKAS, 21 November. - Penyertaan dalam pertandingan Menghafaz Ayat-Ayat Suci Al-Quran dan Surah-Surah pilihan semakin menggalakkan kepada 9.4 peratus di mana dari 277 penyertaan pada tahun lepas kepada 303 orang bagi tahun ini.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerna Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Md. Zain bin Haji Serudin yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1423 Hijrah telah menjelaskan perkembangan itu di majlis Sambutan Nuzul Al-Quran di Pusat Persidangan Antarabangsa, malam tadi.

Kata Yang Berhormat, peraduan kali ini telah diadakan secara format baru bagi supaya surah-surah dan ayat-ayat yang dihafaz oleh para peserta akan bertambah dari setahun ke setahun sehingga mereka dapat menghafaz 30 juz.

Format itu juga bagi memberi penyediaan diri dengan syarat-syarat pertandingan yang diadakan di luar negara memandangkan Negara Brunei Darussalam juga dijemput untuk menyertai pertandingan menghafaz seperti di Mekah, Saudi Arabia, Mesir, Jordan dan Dubai.

Tahun ini, kategori A dan B menyaksikan penambahan surah-surah seperti Surah Al-Ghuraj, Surah Al-Balad, surah Ad-Dukhan dan Surah Al-Mulk.

Bagi kategori C, di samping menghafaz dua juzuk daripada mana-mana 5 juzuk Al-Quran, para peserta juga dikehendaki membaca secara tilawah bagi maqra-maqra yang ditentukan.

Sementara bagi kategori D, peserta dikehendaki meng-

hafaz sebanyak 5 juzuk berbanding hanya 12 juzuk sahaja pada tahun lepas.

Pertandingan Menghafaz Ayat-Ayat Suci Al-Quran telah mula dikenalkan pada tahun 1991 bagi menggalakkan umat Islam di negara ini terutama pada belia, remaja dan kanak-kanak sentiasa berjinak-jinak mencintai Al-Quran melalui kaedah hafalan.

"Menghafaz Al-Quran diharap akan menjadi satu amalan yang berterusan disamping dapat membaca Al-Quran dengan sempurna dan lancar," jelas Yang Berhormat.

Menteri Hal Ehwal Ugama itu juga melahirkan rasa syukur di atas kejayaan qariah negara, Dayang Hajah Aminah binti Haji Abdul Manaf di Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Yang Berhormat berkata, kemenangan qariah negara itu merupakan satu catatan sejarah yang sangat manis kepada negara selepas kemenangan Awang Haji Mashud bin Haji Awang Dmail pada tahun 1977.

"Sebenarnya pembacaan Al-Quran di Negara Brunei Darussalam dengan kebijaksanaan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah terserlah kerana dalam tempoh 25 tahun, beberapa orang qari dan qariah negara telah berjaya menduduki di tempat kedua dan ketiga di peringkat Antarabangsa," jelas Yang Berhormat.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Awang Haji Abu Bakar semasa merasmikan e-kesihatan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA

14 keluarga terima sumbangan

ULU LABI, 18 November. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah sentiasa perhatian dalam memeduli kebajikan mereka yang kurang bernasib baik dan ditimpa kesusahan di negara ini.

Sehubungan itu seramai 14 buah keluarga peswaha padi sepenuh masa yang kehilangan harta benda dan tempat tinggal akibat kebakaran yang meranapkan sebuah Rumah Panjang Kampong Melayan, Mukim Bukit Sawat mendapat perhatian daripada pihak Yayasan dengan menghulurkan sumbangan kepada para

Oleh
Dk. Saidah PHOA

mangsa.

Sumbangan berupa wang berjumlah B\$14,700.00 dan keperluan makanan harian disampaikan oleh Pengarah Urusan Yayasan, Dato Paduka Awang Haji Abd. Ghani kepada 55 mangsa yang terlibat yang diadakan di kawasan berhampiran tempat kejadian.

Sumbangan kebajikan seumpama itu merupakan aktiviti berterusan Yayasan yang diunkayahkan dari

masa ke semasa dengan harapan akan dapat meringankan beban yang ditanggung oleh para mangsa.

Kejadian kebakaran itu yang berlaku awal bulan ini telah merubah kehidupan penghuni-penghuninya yang ketika ini ditempatkan di khemah sementara yang dibina berhampiran tempat kejadian yang disediakan oleh Jawatan Kuasa Bagi Kebakaran Rumah Panjang. Kini lebih dua minggu mereka tinggal di situ dan menjalani kehidupan seharian mereka dengan bersawah padi.

Persediaan awal bantu raih kejayaan bermakna

Oleh
Abdullah Asgar
Samle Hj. Jait

PERSEDIAAN yang dibuat hampir setahun dalam menghafaz surah-surah lazim membuahkan hasil kepada Awang Abdul Hadi bin Haji Duad yang menjuarai Kategori A.

Murid Mahad Islam itu menyertai bhabing menghafaz keseluruhan ayat-ayat lazim dari surah An-Naas, suarrah Adh-Dhuhaa termasuk surah Al-Ghaasyiyah, Al-Fajr, Ath-Thariq, Al-A'laa, Al-Buruj dan Al-Balad yang diumumkan sempena sambutan Nuzul Al-Quran 1423 Hijrah.

Beliau memberitahu PELITA BRUNEI setelah pengumuman dibuat di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), selain menghafaz surah-surah tersebut di rumah dan membacanya ketika sembahyang beliau juga mendapat tunjuk ajar dari guru-guru sekolahnya selain semasa menghadiri kelas tambahan.

Abdul Hadi, 11 tahun pelajar darjah lima mula menaruh minat dalam pembacaan Al-Quran sejak mula bersekolah agama dan kini mula berjinak-jinak menghafaz surah-surah lain dan di masa akan datang beliau cuba menghafaz satu juz dari kitab suci itu.

"Sokongan dan dorongan kedua ibu bapa juga menguatkan lagi semangat saya untuk menyertai pertandingan itu kerana mempunyai



AWANG Abdul Hadi

bakat dalam bidang hafalan aynn baik," katanya.

Sementara itu juara bagi Kategori B menghafaz surah-surah pilihan, surah Yassiin, Adh-Dukhaan, Al-Waqi'ah, Al-Jum'ah dan Al-Mulk, Dayang Syahirah binti Haji Salim pula berazam untuk menyertai pertandingan tersebut di tahun hadapan kerana minat yang mendalam untuk menjadi seorang Al-Fiaz.

"Keinginan saya menghafaz ayat-ayat Al-Quran bermula sejak berusia sembilan tahun dan di rumah sering berlawan dengan dua abang menghafaz surah-surah Al-Quran di sekolah," katanya.

Beliau yang memperolehi markah 91.5 peratus dan menuntut di Sekolah Agama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit memang meminati mata pelajaran Al-Quran dan kini sedang membuat persediaan bagi menghafaz satu juz



DAYANG Syahirah

Al-Quran.

Sementara juara bagi Kategori C, menghafaz dua juz Al-Quran daripada mana-mana juz pertama hingga secara telawah, Awang Abdul Qayum bin Haji Aminuddin pula menghafaz Al-Quran setiap hari semuka surat ketika berada di asrama dan di rumah serta di dalam keasli.

Beliau yang berusia 16 tahun, kini menuntut di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah dalam tingkatan enam bawah mengakui memang banyak saingan kerana di institut itu sendiri banyak penuntut yang sudah boleh hafal namun mereka tidak menyertai pertandingan.

Abdul Qayum juara yang memperolehi 92 peratus juga sering ditasmi oleh guru-guru Al-Hafiz di tempat ia belajar setia pahri yang memudahkan baginya memperbaiki hafalan secara tilawah.



AWANG Abdul Qayum

"Semata-mata ingin mencuba sejauh mana kebolehan saya menghafaz dari juz pertama hingga lima maka saya menyertai pertandingan ini dan ia jelas tidak mensiasikan usaha saya selama ini," katanya.

Beliau sebenarnya sudah boleh menghafaz lebih jauh dari itu namun bukan secara tilawah.

Jika diizinkan tambahnya, di tahun hadapan beliau akan cuba menyertai kategori yang lebih jauh iaitu menghafaz dari juz pertama hingga 5 dan akan terus berusaha bagi menghafaz semua juz dalam Al-Quran.

Jelasnya, beliau belum terfikir menyertai pertandingan di peringkat antarabangsa memandangkan peserta di peringkat itu harus boleh menghafaz 30 juz Al-Quran dan bergelar Al-Hafiz dan itulah menjadi cita-citanya apabila tamat pengajian nanti

Merebut ganjaran pahala

RAMADAN yang sudah hampir di penghujungnya kita lalui itu dipenuhi dengan pelbagai nikmat, rahmat dan ganjaran besar kepada orang beriman yang mengerjakan ibadat puasa dengan tekun dan sabar.

Sejajar dengan kelebihan yang terdapat di dalam bulan Ramadan ini sudah tentunya umat Islam di negara ini, malahan di seluruh pelusuk dunia amat menanti-nantikan akan kedatangan bulan kesembilan di dalam takwin Islam itu iaitu bulan Ramadan dengan penuh kegembiraan dan ketakwaan untuk merebut pelbagai ganjaran dalam melaksanakan setiap amalan atau kebajikan.

Apa yang kita fahami, setiap amalan kebaikan yang kita lakukan di dalam bulan yang penuh mubarak ini akan mendapat ganjaran yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wataala berbanding dengan bulan-bulan sebelumnya.

Menyemarakkan bulan yang penuh mubarak ini pelbagai kegiatan terutama kegiatan-kegiatan keagamaan sering dilakukan, bahkan diperbanyakkan semata-mata bagi merebut ganjaran yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wataala.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang bermaksud : "Rasulullah bersabda : Barang siapa yang berpuasa pada Ramadan semata-mata kerana imannya kepada Allah dan mengharapkan pahala daripada Allah, maka akan diampunkan dosa-dosanya

Oleh Aliddin HM

yang lalu."

Sebagai kelazimannya di negara ini yang mengamalkan falsafah Melayu Islam Beraja, sememangnya apabila tiba sahaja bulan Ramadan yang mubarak ini, apa juga kegiatan yang berbentuk sosial dan hiburan sudah tentunya akan diberhentikan buat seketika bagi menghormati kedatangan bulan yang mulia dan penuh keberkatan ini dan akan digantikan dengan pelbagai atur cara keagamaan seperti melakukan ibadat puasa di siang hari.

Dalam merebut fadilat yang tersembunyi itu, selain daripada mengerjakan ibadat puasa juga sering menjadi perhatian umat Islam untuk tidak melepaskan peluang yang datang hanya setahun sekali itu dengan begitu sahaja terutama dalam menyemarakkan bulan Ramadan yang mubarak ini dengan mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih yang hanya dikerjakan ketika datangnya bulan Ramadan.

Juga amalan yang sering menjadi perhatian umat Islam di bulan Ramadan ini ialah memperbanyakkan membaca Kitab Suci Al-Quran ataupun dikenali dengan bertadarus di mana di dalam bulan inilah Allah Subhanahu Wataala telah menurunkan Al-Quran kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan merupakan mukjizat yang paling agung kepada Baginda.

Peristiwa penting dan masyhur yang terjadi di dalam bulan Ramadan ialah Nuzul Al-Quran atau pun penurunan Al-Quran dan Kitab Suci ini mula diturunkan pada 17 Ramadan sebelum hijrah Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam.

Al-Quran Al-Karim adalah Kalamullah. Kata-kata Yang Maha Agung Maha Benar, bukan cakap siapa-siapa. Kitab suci ini merupakan mukjizat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang menjadi sumber rujukan dan panduan umat Islam.

Kelazimannya di negara ini, Nuzul Al-Quran merupakan salah satu hari yang termasuk di dalam hari-hari kebesaran Islam dan diraikan dengan majlis keagamaan bagi memperingati turunnya Kalamullah di muka bumi ini yang disampaikan kepada Nabi junjungan kita bagi panduan umat manusia di alam ini.

Sementara Majlis Bertadarus atau membaca ayat-ayat suci Al-Quran di bulan ini adalah suatu amalan yang tidak mahu dilepaskan begitu saja kerana apabila munculnya bulan kesembilan dalam kalendar Islam ini, pelbagai golongan masyarakat Islam di negara ini yang terdiri daripada pelbagai kementerian dan jabatan-jabatan serta pertubuhan atau persatuan mengadakan majlis seumpamanya sama ada secara perseorangan atau perkumpulan bagi menyemarakkan bulan yang penuh berkat ini.

Di negara ini, Majlis Bertadarus di sepanjang

bulan Ramadan ini sering dikendalikan secara bergilir-gilir di beberapa buah masjid dan surau di Daerah Brunei dan Muara, begitu juga di daerah-daerah lain di negara ini.

Majlis Bertadarus itu bermula dengan membaca Surah Al-Faatihah beraimai-ramai dan disusuli dengan membaca ayat-ayat suci Al-Quran daripada juz pertama secara bergilir-gilir sehinggalah khatam Al-Quran itu.

Setiap malam, masjid-masjid tidak kira masjid utama atau masjid kampung, surau-surau, balai-balai ibadat dan juga tidak kurang rumah-rumah orang perseorangan di seluruh tanah air akan berkumandanglah suara umat Islam bertasbeeh dan membaca ayat-ayat suci Al-Quran bagi memuja dan memuji kebesaran Allah Subhanahu Wataala.

Tradisi menyemarakkan dan membesarkan Ramadan pula setiap malam itu merupakan amalan orang-orang Brunei sejak zaman-berzaman sehinggalah ke hari ini. Fenomena ini timbul berkat orang-orang tua kita yang kuat beragama dan memimpin masyarakat muda untuk terus mengamalkan perkara sedemikian.

Maka tidak hairanlah, jika kita perhatikan pada setiap malam, masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat dipenuhi dengan penyertaan daripada golongan belia, muda remaja dan kanak-kanak sekolah dalam menyemarakkan lagi Majlis Bertadarus tersebut.

Sesungguhnya pengli-

batan dan penyertaan mereka itu amatlah bermakna dan ianya merupakan manifestasi yang jitu dalam usaha kita melahirkan masyarakat yang berilmu dan beriman, selain daripada mendidik jiwa mereka dengan sifat takwa kepada Allah Subhanahu Wataala.

Apa yang penting semoga penyertaan mereka beramai-ramai itu akan berterusan dan kita tidak mahu hanya di bulan Ramadan sahaja mereka bersembahyang dan membaca Al-Quran, selepas Ramadan berakhir maka berakhirnya juga penglibatan mereka. Hal seumpama itu harus dikikis pada diri para belia itu kerana mereka adalah menjadi penerus pembangunan bangsa, agama dan tanah air di masa depan dan menjadi masyarakat yang berguna dan bertanggungjawab terhadap survival bangsa dan negara.

Al-Quran bukan sahaja sebagai panduan umat Islam akan tetapi ianya juga merupakan nur (cahaya), hudai (petunjuk), syifa' (penawar) dan rahmat bagi orang-orang mukmin.

Pembacaan Al-Quran bukan sahaja tertumpu kepada lagu semata-mata tetapi yang lebih afdal dan penting ialah memahami serta menghayati isi dan maksud Al-Quran merupakan kewajipan yang utama kepada setiap umat Islam kerana semua yang terkandung dalam Kitab Suci Al-Quran itu merupakan ajaran yang lengkap yang merangkumi semua aspek kehidupan manusia.

Kita semua yakin ter-

hadap kebesaran Al-Quran yang mempunyai penuh hikmah dan rahsia yang boleh menjadi asas bagi menyelesaikan segala masalah manusia dan yang akan membawa kebahagiaan dunia dan akhirat.

Diriwayatkan bahawa Khalifah Umar Al-Khattab Radiallahuanhu yang terkenal dengan bengis dan kejam serta musuh ketat Islam, tiba-tiba berubah menjadi lembut hatinya kerana terpaut dengan bacaan Al-Quran. Apabila sampai kepada ayat 14 Surah Thaahaa, pemikiran bertukar lantas memeluk Islam. Ayat berkenaan yang tafsirnya : "Sesungguhnya Aku ini adalah Allah, tidak ada Tuhan yang hak selain Aku, maka sembahlah Aku dan dirikanlah salat untuk mengingat Aku."

Di bulan Ramadan yang mubarak ini kita dianjurkan memperbanyakkan membaca Al-Quran sehingga khatam (bertadarus). Bukan sahaja di dalam sembahyang maka di luar sembahyang tidak terikat dengan waktu dan tempat, sama ada melihat mushaf ataupun tidak di waktu malam atau di siang hari.

Ganjaran pahala amat besar seperti dijelaskan dalam hadis Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Hakim yang bermaksud : "Barang siapa yang membaca satu huruf dari kitab Allah (Al-Quran) maka ia mendapat pahala untuk tiap huruf satu kebajikan dan tiap-tiap satu kebajikan itu berlipat ganda sepuluh kali ganda, saya tidak

berkata alif, lam, mim, itu satu huruf tetapi alif satu huruf, lam satu huruf dan mim satu huruf."

Ad-Dailami juga ada meriwayatkan yang bermaksud : "Jika seorang telah mengkhatamkan Al-Quran, maka dibacakan doa-doa oleh enam puluh ribu Malaikat ketika khatam itu."

Marilah kita muliakan Al-Quran itu dan jadikanlah ianya bacaan dan amalan seharian jangan hanya di bulan Ramadan sahaja kita banyak membacanya, tetapi apabila bulan Ramadan berlalu, Al-Quran pun tidak disentuh atau dibaca. Mudah-mudahan iman kita meningkat serta kehidupan kita beroleh petunjuk hidayah dengan berkat Al-Quran Al-Karim.

Di samping juga marilah kita rebut peluang yang ada selagi badan sihat dan umur masih ada, kerana kelebihan yang terdapat di bulan Ramadan ini tidak terdapat dalam bulan-bulan yang lain seperti malam yang lebih baik daripada seribu bulan, maka kita perhebatkanlah bulan Ramadan ini dengan mengerjakan Sembahyang Sunat Tarawih, bertadarus Al-Quran, memperbanyakkan amal kebajikan. Mudah-mudahan segala amalan kita itu akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah Subhanahu Wataala jua. Moda-moga Allah akan memberikan rahmat dan hidayah-Nya di dunia dan di akhirat kepada kita serta bertambah kukuh lagi keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dan Rasul-Nya.

Etika kerja dalam Islam

BERAKAS, 18 November. - Etika kerja adalah suatu bentuk peraturan atau cara atau undang-undang yang dilakukan oleh sesebuah organisasi.

Sementara etika kerja dalam Islam adalah satu peraturan yang boleh diamalkan akan mendatangkan banyak hikmah kepada umumnya dan jika tidak mengamalkannya akan mendatangkan kerugian kepada dirinya mahupun kepada tempat ia bekerja.

Drs. Haji Ismuhadi, penceramah dari Pusat Da'wah Islamiyah menje-

Oleh Abu Bakar HAR

laskan perkara tersebut, sewaktu berceramah di hadapan pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan yang berlangsung di bangunan kementerian berkenaan dengan tajuk 'Etika Kerja Dalam Islam'.

Katanya etika merupakan satu peraturan dan dalam undang-undang Islam bila diikuti ia menjadi wajib, sunat, harus dan



PEGAWAI dan kakitangan Kementerian Pembangunan semasa mendengarkan ceramah bertajuk Etika Kerja Dalam Islam sempena bulan Ramadan yang penuh mubarak. - Gambar oleh Abdullah HAD.

haram.

Tambahnya dari segi Islam, seseorang yang tidak bekerja mengikut etika atau peraturan Islam akan mendatangkan kerugian bukan saja di masa hayatnya tetapi juga diper-

soalkan selepas matinya sebagai mana firman Allah Subhanahu Wataala yang kira-kira tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman takutilah oleh kamu akan Allah."

Kerana itu etika dalam

Islam adalah bersumberkan kepada Al-Quran dan Al-Quran itu merupakan panduan lengkap bagi seluruh manusia, jelasnya.

Antara perkara yang disentuh dalam ceramah itu termasuklah perkara niat di

mana menurut beliau, setiap pekerjaan mestilah dimulakan dengan niat.

Selain itu beliau juga menggariskan mengenai dengan sikap bekerjasama di mana kerja atau kegiatan yang dilaksanakan oleh

beberapa orang atau kelompok tidak akan mencapai matlamat atau tujuan tanpa adanya sikap kerjasama dan dengan adanya sikap tersebut tegasnya, barulah dapat mencapai matlamat yang dituju.

Gejala sosial remaja, belia diambil perhatian

BERAKAS, 14 November.

- Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain berkata, pihak kerajaan akan sentiasa memberi perhatian yang serius terhadap gejala sosial di negara ini yang mana para remaja dan pelajar adalah sasaran utamanya.

Dalam hal ini pihak kerajaan melalui jawatankuasa peringkat kebangsaan menangani isu sosial telah menyediakan beberapa pelan tindakan yang berbentuk pendidikan, pencegahan, penguatkuasaan dan pemulihan dalam usaha membanteras gejala berkenaan.

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menerangkan perkara tersebut di Majlis Penyampaian Derma kepada anak-anak yatim seluruh negara bagi tahun 1423 Hijrah/2002 Masihi di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Oleh
Abu Bakar HAR

Salah satu usaha tersebut kata Yang Berhormat ialah penyediaan laman web mengenai isu-isu sosial yang mengandungi berbagai-bagai maklumat yang berkaitan khususnya dalam meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai masalah sosial di negara ini.

Namun usaha tersebut tidak akan dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa adanya tindakan bersepadu dan berterusan daripada semua lapisan masyarakat khususnya orang ramai, ibu bapa keluarga dan ketua masyarakat, tegasnya.

Menyentuh mengenai nasib anak-anak yatim di negara ini Yang Berhormat berkata, mereka ini akan terus diberi perhatian bukan saja dari sumbangan kewangan tetapi juga memastikan mereka mendapat bimbingan dan pendidikan jasmani serta

rohani yang sempurna daripada penjaga-penjaga mereka khususnya di zaman yang mencabar ini.

Oleh itu anak-anak yatim perlulah menggunakan segala kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan dan terus gigih serta rajin menuntut ilmu pengetahuan agar menjadi warga negara yang berpendidikan tinggi berakhlak mulia dan berguna kepada bangsa, agama dan negara, katanya.

Majlis yang diadakan pagi itu merupakan satu manifestasi sikap pemedulian kerajaan dan masyarakat di negara ini terhadap nasib anak-anak yatim. Yang Berhormat berharap agar sikap pemedulian ini akan terus subur pada masa-masa akan datang bagi menandakan masyarakat di negara ini mengamalkan budaya tidak mengamalkan budaya tidak mengamalkan nilai kemasyarakatan yang murni dan luhur.

Dalam hal ini, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyeru keluarga terdekat kepada anak-anak

yatim berkenaan agar sama-sama memberi perhatian, pemedulian dan kasih sayang yang sewajarnya kepada golongan ini dalam sama-sama memata-matai dan menegur serta menasihati mereka bagi kepentingan masa depan mereka jua.

Seramai kira-kira 2,032 orang anak-anak yatim seluruh negara yang berumur 18 tahun ke bawah menerima derma masing-masing dari jumlah keseluruhan bernilai \$101,600.00.

Juga sama-sama menyumbangkan derma pagi itu ialah Bank Islam Brunei Berhad (IBB) yang disampaikan oleh Pengerusi bank berkenaan.

Majlis juga diselenggarakan dengan ceramah khas yang disampaikan oleh penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah yang berkisaran mengenai tanggungjawab pemedulian kepada anak-anak yatim khusus dari perspektif Islam, diikuti dengan bacaan tahlil dan doa arwah.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menyampaikan derma kepada anak-anak yatim. - Gambar oleh Halim HS.

Anak-anak yatim terima sumbangan pelbagai pihak

TUTONG, 20 November. - Penubuhan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim selaras dengan dasar dan tujuan iaitu bagi membantu anak yatim untuk mendapatkan asuhan, pimpinan dan pendidikan bagi menjadikan mereka sebagai generasi yang berilmu pengetahuan dan berkemahiran.

Pada tahun ini, dana terus mengukuhkan projek bantuan khusus dalam memeduli hal-ehwal pendidikan anak-anak yatim dengan memberikan sumbangan bantuan pembelian peralatan dan keperluan persekolahan kepada semua anak-anak yatim seluruh negara yang berdaftar dengan Sekretariat Dana.

Seramai 269 orang anak yatim yang berdaftar dengan dana di Daerah Tutong menerima sumbangan tersebut di Majlis Penyampaian Derma Anak-anak

Oleh
Haji Ahmad HS

Yatim Daerah Tutong yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong di sini.

Setiap anak yatim yang berusia 16 tahun ke bawah dan ke atas masing-masing menerima derma sejumlah \$250.00 iaitu \$50.00 sumbangan Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah, \$50.00 dari Bank Islam Brunei IBB dan sejumlah \$150.00 dari Tabung Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Majlis Penyampaian Derma dari Tabung Kebangsaan Negara Brunei Darussalam disempurnakan oleh Pegawai Daerah Tutong, manakala Ketua Pegawai Eksekutif Dana, Dato Paduka Haji Abdul Ghani menyampaikan bagi pihak Dana Pengiran Muda

Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim.

Menurut siaran akhbar Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiah (YSHHB), melalui projek ini, setiap anak yatim diberikan sumbangan dalam bentuk kupon yang bernilai \$50.00 untuk pembelian alat-alat tulis, buku-buku latihan dan kerja, pakaian sekolah, beg dan kasut sekolah.

Bagi memudahkan pembelian menggunakan kupon ini, pihak dana telah mengenal pasti 19 buah kedai pembelian peralatan berkenaan di seluruh negara.

Terdahulu dari itu, Majlis Bacaan Tahlil juga diadakan diketuai oleh Imam Masjid Hassan Bolkiah, Tutong, Awang Haji Abdul Aziz.

Majlis Penyampaian Derma dikendalikan bersama oleh Jabatan Daerah Tutong YSHHB.



PEGAWAI Daerah Tutong, Awang Haji Hepnie dan Ketua Pegawai Eksekutif Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-Anak Yatim, Dato Paduka Haji Abdul Ghani semasa menyampaikan sumbangan derma. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi HD.



Majlis Penutup Tedarus di Istana Nurul Iman, Nurul Izzah

Liputan oleh Samle Hj. Jait dan Hj. Ahmad HS
Gambar-gambar oleh Halim HS dan Ramli Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 November. - Majlis Bertedurus sepanjang bulan Ramadan di Istana Nurul Iman yang berlangsung setiap malam berakhir dengan Majlis Khatam Al-Quran.

Majlis dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz, Yang Dipertua Adat Istiadat Negara, malam tadi.

Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz mengetuai pembacaan Surah Al-Faatihah bagi memulakan majlis.

Kemudian majlis disusuli dengan bacaan surah-surah khatam yang didahului oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid seterusnya mengetuai pembacaan tahlil, semen-

tara Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya membaca doa tahlil.

Majlis berkenaan juga diserikan dengan Majlis Dikir dan Marhaban oleh Pegawai-pegawai Masjid yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon yang seterusnya membaca doa dikir.

Doa selamat telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Berangkat dan hadir di majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet, timbalan-timbalan menteri, setiausaha-setiausaha tetap dan pengiran-pengiran peranan.

Dengan berlangsung majlis berkenaan, menandakan berakhirnya Majlis Bertedurus membaca ayat-ayat suci Al-Quran yang diadakan setiap malam sempena bulan Ramadan di Istana Nurul Iman bagi tahun 1423 Hijrah.



MAJLIS Penutup Tedarus di Istana Nurul Iman (atas) dan Istana Nurul Izzah (bawah).



Liputan oleh Abdullah Asgar dan Haji Ahmad HS
Gambar-gambar oleh Masri Osman Hj. Masmaleh HMA

JERUDONG, 21 November. - Majlis Bertedurus sepanjang bulan Ramadan di Istana Nurul Izzah yang berlangsung setiap malam berakhir dengan Majlis Khatam Al-Quran.

Majlis dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibu Ba'asith, malam tadi.

Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz mengetuai pembacaan Surah Al-Faatihah bagi memulakan majlis.

Kemudian majlis disusuli dengan bacaan surah-surah khatam yang didahului oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid seterusnya mengetuai pembacaan tahlil, sementara Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang

Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya membaca doa tahlil.

Majlis berkenaan terus diserikan dengan Majlis Dikir dan Marhaban oleh Pegawai-pegawai Masjid yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon yang seterusnya membaca doa dikir.

Doa selamat telah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Berangkat dan hadir di majlis itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pengiran Cheteria, menteri-menteri kabinet, timbalan-timbalan menteri, setiausaha-setiausaha tetap dan pengiran-pengiran peranan.

Dengan berlangsungnya majlis tersebut, menandakan berakhirnya Majlis Bertedurus membaca ayat-ayat suci Al-Quran yang diadakan setiap malam sempena bulan Ramadan di Istana Nurul Izzah bagi tahun 1423 Hijrah.

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 November. - Majlis Bertedurus sepanjang bulan Ramadan di Balai Penghadapan Bukit Kayangan yang berlangsung setiap malam berakhir dengan Majlis Khatam Al-Quran.

Majlis dilangsungkan di hadapan Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibu Ba'asith, malam tadi.

Mufti Kerajaan, Yang Dimuliakan Lagi Dihor-

Oleh Abdullah Asgar

mati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz mengetuai pembacaan Surah Al-Faatihah bagi memulakan majlis.

Kemudian majlis disusuli dengan bacaan surah-surah khatam yang didahului oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan

Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain.

Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid seterusnya mengetuai pembacaan tahlil, sementara Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya membaca doa tahlil.

Majlis berkenaan terus diserikan dengan Majlis


Dikir Marhaban oleh Pegawai-pegawai Masjid yang diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Haji Awang Hamidon yang seterusnya membaca doa dikir.

Doa selamat telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid.

Berangkat dan hadir di majlis tersebut ialah Yang Amat Mulia Pengiran-pen-

giran Cheteria, menteri-menteri kabinet, timbalan-timbalan menteri, setiausaha-setiausaha tetap dan Pengiran-pengiran peranan.

Dengan berlangsungnya majlis berkenaan, menandakan berakhirnya Majlis Bertedurus membaca ayat-ayat suci Al-Quran yang diadakan setiap malam sempena bulan Ramadan di Balai Penghadapan Bukit Kayangan bagi tahun 1423 Hijrah.



MAJLIS Penutup Tedarus di Balai Penghadapan Bukit Kayangan. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izzi.

MAJLIS KEAGAMAAN



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan ketika menghadiri Majlis Bertedurus di Masjid Kampong Pandan, Kuala Belait.



SETIAUSAHA-SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri semasa menghadiri Majlis Bertedurus di Masjid Mohamed Bolkiah, Kampong Serusop. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Majlis Tedarus JPM

MAJLIS-MAJLIS Bertedurus kelolaan Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya terus menyemarakkan lagi kedatangan bulan Ramadan tahun ini.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair dan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya mengetuai majlis berkenaan di Masjid Kampong Serusop, Jalan Muara pada 18 November.

Rombongan yang terdiri dari pegawai dan kakitangan dari Jabatan Kehakiman, Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Majlis-

Oleh
Abdullah Asgar
dan Samle HJ

majlis Mesyuarat dan Jabatan Peguam Negara.

Penduduk kampung di sekitarnya turut hadir bagi memeriahkan majlis yang diselenggarakan dengan majlis berbuka puasa dan sembahyang fardu Maghrib.

Sementara itu pada 16 November bertempat di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampong Mentiri, Jabatan Perdana Menteri dan jabatan-jabatan di bawahnya terus mengadakan Majlis Bertedurus.



YDM Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid semasa menyampaikan derma. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya mengetuai majlis yang sama.

Rombongan yang terdiri pegawai dan kakitangan dari Suruhanjaya Perkhid-

matan Awam, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Jabatan Audit meneruskan pembacaan Al-Quran dari juzuk 16 hingga 20.

Penduduk RPN Kampong Mentiri juga hadir bagi memeriahkan majlis yang diselenggarakan dengan Majlis Berbuka Puasa.



MAJLIS Bertedurus Jabatan Perdana Menteri yang diadakan di Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampong Mentiri. - Gambar oleh Mohd. Zul-Izli HD.

Majlis Tedarus Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri

Oleh
Dk. Hjh. Saidah PHOA

PANDAN, 16 November. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya terus menyemarakkan masjid di seluruh negara dengan mengadakan Majlis Bertedurus sepanjang bulan Ramadan ini.

Rombongan terdiri dari lebih 100 pegawai dari kementerian berkenaan yang diketuai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan berada di Masjid Kampong Pandan di sini.

Majlis berkenaan diselenggarakan dengan penyerahan wakaf berupa seunit alat penyedut habuk dan lebih 10 naskah Surah Yaasin daripada Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Jabatan Daerah Belait dan Jabatan Bandaran Kuala Belait



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan menyampaikan wakaf kepada Imam Masjid Kampong Pandan, Awang Haji Sarbini bin Haji Abdul Rahman.

dan Setia kepada masjid itu yang disampaikan oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan kepada Imam Masjid berkenaan, Awang Haji Sarbini

bin Haji Abdul Rahman.

Antara yang hadir di majlis itu, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Abdul

Rahman; Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun dan Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Adnan bin Haji Hanafiah.



MAJLIS Bertahlil di Kubah Makam Diraja yang dianjurkan oleh Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah (atas) dan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei (bawah). - Gambar oleh Hamadi HM.



Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN, 22 November. - Bekas anggota perajurit negara mengadakan Majlis Bertahlil khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit, di Kubah Makam Diraja hari

Oleh Samle HJ

ini.

Majlis berkenaan bersempena sambutan Hari Ulang Tahun Penubuhan Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei Ke-15.

Timbalan Menteri Per-

tahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith hadir bagi mengetuai majlis berkenaan.

Askar Simpanan Melayu Diraja Brunei menyambut hari ulang tahun ke-15 penubuhannya pada 27 November.

SUKAN

Negara sertai Kejohanan Bola Keranjang Sekolah-Sekolah Asia

Oleh
Hj. Ahat HI

BERAKAS, 21 November. - Serombongan 11 orang pemain bola keranjang sekolah-sekolah negara ini berserta tiga pegawai telah berlepas ke Chendu, Republik Rakyat China bagi menyertai Kejohanan Bola Keranjang Sekolah-sekolah Asia.

Sejurus sebelum berlepas rombongan tersebut telah menerima bendera kebangsaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei yang disampaikan oleh Pengarah Belia dan Sukan, Dato Paduka Haji Talib bin Haji Berudin kepada ketua rombongan Awang Ali bin Haji Ismail.

Sebelum berlepas, ketua rombongan ketika ditemui menyatakan skuad negara telah menjalani latihan selama dua bulan selain mengadakan beberapa perlawanan bersama Pasukan SUKMA,



SKUAD bola keranjang ke Kejohanan Bola Keranjang Sekolah-Sekolah Asia sebelum berlepas ke Chendu, Republik Rakyat China. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Skim JBS dan pemain-pemain gabungan bekas ASEAN School.

Menurutnya, dalam kesemua perlawanan ujian itu skuad yang diketuainya berjaya memenangi kese-

mua perlawanan.

Dengan pencapaian itu, katanya, barisan tersebut akan cuba mempamerkan permainan yang terbaik dengan memberikan saingan sengit dalam kejo-

hanan itu nanti.

Kejohanan yang bermula dari 24 hingga 1 Disember itu disertai oleh sembilan negara Asia dan Negara Brunei Darussalam diundi dalam Kumpulan

'B' bersama Republik Singapura, Sri Lanka dan tuan rumah Republik Rakyat China, manakala di dalam Kumpulan 'A' terdiri India, Malaysia, Hong Kong, Thailand dan Macau.



PENGARAH Belia dan Sukan, Dato Paduka Haji Talib menyerahkan bendera negara kepada ketua rombongan Awang Ali bin Haji Ismail. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Sedia program pembelajaran mengenai radio amatur

GADONG, 19 Oktober. - Kelab Amatir Radio Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam disiarkan supaya menyediakan program pembelajaran dan kegiatan yang berterusan mengenai radio amatur kepada ahli-ahli pengakap.

Selain daripada itu, kelab tersebut juga diseru untuk sama-sama memantau dan memberikan galakan, tegur nasihat kepada ahli-ahli pengakap, supaya tidak menyalahgunakan kemudahan tersebut.

Pengarah Telekom, Awang Buntar bin Osman ketika menyarakkan perkara itu semasa melancarkan Jambori Di Udara (JOTA) Ke-45 di Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap di sini juga mengingatkan ahli-ahli pengakap supaya menggunakan kemudahan tersebut dengan betul mengikut prosedur yang ditetapkan.

"Oleh kerana penubuhan kelab serta penglibatannya di dalam radio amatur ini merupakan sebahagian daripada kegiatan perhubungan pengakap, maka, amat bersesuaianlah tanggungjawab pengawalan serta pemantauan terhadap aktiviti ini diberikan kepada Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam supaya kelab ini dan kegiatannya tidak disalah-

gunakan oleh pihak-pihak lain bagi kepentingan pribadi," katanya.

Terdahulu sebelum itu, beliau menjelaskan Jabatan Telekom Brunei telah diamanatkan untuk mengendalikannya perlesenan bagi mereka yang berminat untuk beroperasi menggunakan radio amatur dan setakat ini sebanyak 556 lesen telah dikeluarkan oleh jabatan berkenaan.

Pengguna yang tidak berlesen tambahnya, boleh dijatuhi hukuman penjara selama lima tahun dan denda sebanyak B\$24,000.00 dan alat-alat perhubungan itu boleh dirampas sebagaimana yang dinyatakan dalam Akta Telekom Bab 54 cerai (1) Seksyen 38 dan cerai (2) Seksyen 42.

"Kadar lesen yang dikenakan bagi pemegang lesen pada masa ini adalah berdasarkan jumlah unit radio yang dilesenkan iaitu \$25.00 setiap unit untuk setahun. Lesen hendaklah diperbaharui setiap tahun," tegasnya.

Sementara itu, Timbalan Ketua Pesuruhjaya Pengakap yang juga Pengerusi JOTA Ke-45, Awang Haji Badar bin Haji Ali berkata matlamat utama penubuhan Kelab Radio Amatir adalah bagi memberikan pengetahuan asas keradioan kepada pengakap-pengakap selain

memberi peluang mereka bercakap secara langsung dengan rakan di seluruh dunia melalui radio.

Selain daripada itu

katanya, kelab tersebut juga memberi tunjuk ajar prosedur perhubungan dengan menggunakan kod-kod yang telah ditentukan.

ATUDB sertai kejohanan Payung Terjun Australia

BERAKAS, 23 November. - Serombongan 13 orang anggota dan pegawai dari Angkatan Tentera Udara Diraja Brunei (ATUDB) telah berlepas menyertai Kejohanan Payung Terjun Ke-7 Tentera Australia di Waga-Waga, New South Wales dari 25 November hingga 6 Disember.

Rombongan yang diketuai oleh Leftenan Kolonel Tawi bin Abdullah itu akan menyertai acara ketetapan di udara dan kerjasama udara berpasukan.

Menurut Kapten Mohd. Yusof Mustafa, pasukan tersebut telah menjalani persiapan latihan sejak bulan Oktober lepas dan yakin barisan ini akan memperlihatkan pencapaian yang menggalakkan.

Menurutnya, 11 penerjun yang dipilih ke kejohanan itu kebanyakannya mempunyai pengalaman yang luas di bidang payung terjun melalui beberapa penyertaan kejo-

hanan di luar negeri.

Turut sama memperkuatkan pasukan itu, ialah tiga penerjun yang berpengalaman yang terdiri dari PW 2 Annuar, Staf Sarjan Suhaili dan Sarjan Ibrahim yang masing-masing mempunyai rekod penerjuna 1,000 ke atas, katanya.

Dengan kehadiran tiga penerjun yang berpengalaman dan latihan-latihan intensif hampir dua bulan katanya, peluang ATUDB untuk mencatatkan kejayaan adalah cerah.

Sejurus sebelum berlepas, Majlis Penyerahan Bendera Kebangsaan telah berlangsung di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bersama Pemangku Pemerintah ATUDB, Kolonel (U) Haji Mohammad bin Haji Saidin menyerahkan bendera kepada ketua rombongan Leftenan Kolonel Tawi bin Abdullah.



KELIHATAN Pengarah Telekom, Awang Buntar bin Osman berkomunikasi melalui radio amatur sejurus selepas melancarkan Jambori Di Udara (JOTA) Ke-45 bagi Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Ramli Tengah.



SKUAD payung terjun ATUDB di Majlis Penyerahan Bendera sejurus sebelum bertolak ke Australia. - Gambar Oleh Masri Osman



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima mengadap Duta Besar Republik Slovak, TYT Milan Lajclak (atas kiri) dan Pesuruhjaya Tinggi Republik Demokratik Sosialis Sri Lanka, Puan Yang Terutama Chitranganee Wagiswara di Istana Nurul Iman. Berita lanjut di muka I - Gambar oleh Ramlee Tengah.

Kutipan zakat diagih kepada yang berhak

BERAKAS, 28 November. - Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain berkata hasil kutipan zakat fitrah dan zakat harta yang diserahkan kepada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) digunakan untuk melaksanakan program-program pengagihan zakat zakat.

Program-program yang dilaksanakan itu tambahannya antaranya ialah pengagihan kepada ansaf fakir/miskin dan muaf bagi persediaan menghadapi Hari Raya dan musim persekolahan yang akan menjelang.

Yang Berhormat menjelaskan perkara itu di Majlis Penyampaian Bahagian Wang Zakat kepada Asnaf Fakir/Miskin bagi Daerah Brunei dan Muara yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Menurut Yang Berhormat, zakat itu mempunyai tujuan dan hikmahnya yang tersendiri iaitu untuk membersihkan orang-orang kaya dari perasaan bakhil (karit) dan membersihkan orang-orang fakir miskin dari perasaan dendam dan hasad dengki terhadap orang kaya.

Zakat juga, kata Yang Berhormat membersihkan

Oleh Haji Ahat HI

harta daripada perkara-perkara yang boleh merosakkan seperti sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud: "Sesiapa yang menunaikan zakat hartanya nescaya hapuslah segala apa yang juga merosakkan harta."

Menurut siaran akhbar berkata seramai 6,724 orang fakir/miskin dan muaf termasuk penerima bantuan bulanan menerima bantuan menjelang Hari Raya pada tahun ini. Ketua keluarga menerima wang berjumlah \$900.00 dan di-

berikan secara dua kali, sekali sebelum Hari Raya iaitu sebanyak \$500.00 dan sekali lagi diberikan bulan Disember sebanyak \$400.00 bagi tujuan membantu mereka dalam menyediakan keperluan persekolahan tanggungan mereka.

Manakala tanggungan akan menerima bantuan sebanyak \$450.00 yang mana ianya juga diserahkan secara dua kali sebelum Hari Raya sebanyak \$250.00 dan sejumlah \$250.00 lagi bulan Disember, tambah siaran itu lagi.

"Bagi asnaf muaf pula, ketua keluarga menerima \$250.00 dan penerima bantuan bulanan ada-

lah sama sebagaimana penerima asnaf fakir miskin iaitu ketua keluarga menerima sebanyak \$900.00 dan tanggungan sebanyak \$450.00 dan juga diserahkan sebanyak dua kali," jelas siaran akhbar itu lagi.

Sementara itu jumlah agihan bahagian wang zakat bagi fakir miskin ialah sebanyak \$2,935,350.00 bagi asnaf muaf ialah sebanyak \$840,700.00.

Jumlah keseluruhan agihan bahagian wang zakat kepada fakir/miskin dan muaf bagi seluruh negara tahun ini sebanyak \$3,776,050.00.

Laporkan perbuatan meminta-minta

Dari muka I

hendaklah dihukum penjara sehingga 5 tahun dengan 8 kali sebatan atau dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$10,000.00 atau keduanya sekali.

Sehubungan dengan ini, kementerian berkenaan dalam siaran akhbar hari ini, memohon kerjasama orang ramai sekiranya terserempak atau berhadapan dengan kejadian yang serupa supaya akan dapat menasihatkan peminta-peminta berkenaan menghubungi

Jabatan Pembangunan Masyarakat di talian hotline 380444 atau 381555 atau menghubungi cawangan jabatan berkenaan di daerah-daerah atau berjumpa dengan penghulu dan ketua kampung di mukim masing-masing di mana mereka akan dapat merundingkan perkara ini dengan pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat untuk menentukan dan mendapatkan sebarang khidmat nasihat atau maklumat sama ada pihak yang berkenaan benar-benar menghadapi kesulitan dan kesempatan hidup dan memerlukan bantuan.

Dilantik sebagai Pengarah Pentadbiran Am, Kewangan PDB

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Disember. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Mohiddin, Pegawai Pentadbir Kanan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dilantik sebagai Pengarah Pentadbiran Am dan Kewangan, Pasukan Polis Diraja Brunei.

Menurut siaran akhbar Jabatan Perdana Menteri hari ini, lantikan Awang Haji Mohd. Salleh selaku Pengarah Pentadbiran Am dan Kewangan, Pasukan Polis Diraja Brunei berkuat kuasa mulai hari Ahad, 26 Ramadan 1423, bersamaan dengan 1 Disember 2002.

Menangani pandemik HIV/AIDS

BANDAR SERI BEGAWAN. - Tahun ini Kempen AIDS Sedunia menumpukan kepada isu stigma dan diskriminasi. Tema yang dipilih ialah 'Stigma dan Diskriminasi: Hidup dan Terus Hidup' (Stigma and Discrimination: Live and Let Live). Tahun ini adalah tahun pertama kempen yang akan berjalan selama dua tahun (2002 - 2003).

Kempen ini memberikan penekanan terhadap isu penting dalam menangani pandemik HIV/AIDS dengan tujuan untuk menghapuskan stigma dan diskriminasi. Stigma dan diskriminasi merupakan

dua penghalang utama terhadap keberkesanan langkah-langkah pencegahan jangkitan HIV dan penjagaan pesakit AIDS.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar menyatakan perkara itu dalam perutusan sempena Hari AIDS Sedunia.

Menurut Yang Berhormat, Pertubuhan Kesihatan Sedunia menganggarkan bahawa seramai 40 juta orang dewasa dan kanak-kanak di seluruh dunia telah dijangkiti oleh HIV/AIDS pada penghujung tahun 2001. Dari jumlah tersebut lima juta orang adalah terdiri daripada mereka yang baru dijangkiti oleh HIV/AIDS. Pada tahun lepas sahaja tiga juta orang telah meninggal dunia akibat HIV/AIDS.

Di Negara Brunei Darussalam sehingga hari ini, seramai 22 orang warga tempatan telah dilaporkan menghidap jangkitan HIV/AIDS, 72.7 peratus dari jumlah ini adalah terdiri daripada lelaki dan 77.3 peratus belaku di kalangan mereka yang berumur di antara 20 - 49 tahun. Sebahagian besar jangkitan berlaku melalui

hubungan seks. Dari jumlah tersebut 12 orang telah meninggal dunia akibat HIV/AIDS ini.

Stigma adalah satu penghalang yang memudaratkan ia boleh menyebabkan seseorang merasa malu, kemurungan, mengasingkan diri, merasa hilang harga diri dan merasa bersalah. Perasaan takut dan bimbang terhadap diskriminasi boleh menghalang mereka yang terlibat daripada mendapatkan rawatan bagi AIDS dan menghalang mereka daripada mengakui status HIV mereka secara terang-terangan. Stigma yang dikait-

kan dengan jangkitan HIV ini mungkin akan berterusan dan melibatkan generasi mereka yang akan datang iaitu anak-anak mereka.

Stigma dan diskriminasi boleh berlaku disebabkan oleh kurang pengetahuan dan budaya masyarakat setempat. Dengan penekanan terhadap stigma dan diskriminasi melalui kempen meningkatkan pengetahuan dan kesedaran mengenai HIV/AIDS, insya-Allah ianya akan dapat menghapuskan rintangan-rintangan terhadap langkah-langkah pencegahan HIV/AIDS dan penjagaan yang efektif.

BERHATI-HATI DAN TINGKATKAN KEWASPADAAN SEMASA MEMANDU DI MUSIM PERAYAAN HARI RAYA

دربیتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

ESOK atau lusa umat Islam di Negara Brunei Darussalam akan menyambut Hari Raya Aidilfitri. Penglihatan anak bulan Syawal akan dilakukan petang ini di tempat-tempat yang telah ditentukan. Hari Raya adalah hari yang ditunggu oleh setiap umat Islam di dunia ini sebagai tanda bahawa ibadah puasa telah sempurna dilakukan. Sememangnya kita pada masa ini terutama sekali kanak-kanak dan para belia remaja sudah di dalam 'mood' Berhari Raya. Kerana hari ini hari 'final' bagi membuat persiapan. Sejak beberapa minggu lalu, orang-orang kitani sibuk membuat pelbagai persiapan yang diperlukan dalam menyambut Hari Lebaran yang dirayakan setahun sekali itu. Gedung-gedung perniagaan, pusat-pusat membeli-belah menjadi tumpuan orang ramai untuk mendapatkan 'idaman hati' atau barang-barang yang diperlukan. Pendek kata kesibukan itu terasa di sana sini di seluruh pelusuk tanah air.

Hari Raya merupakan hari kebesaran umat Islam, hari mulia, hari kemenangan umat Islam dalam menghadapi perjuangan hawa nafsu yang begitu hebat. Hari Raya Aidilfitri sememangnya wajar diraikan dan dibesarkan dengan selayaknya. Walau bagaimanapun ini tidak bermakna bahawa kita 'berhabis-habisan' untuk berbelanja dengan sanggup berhutang demi untuk melayan kehendak hati dan hawa nafsu yang tidak ada penghujungnya. Memadailah kita menyambutnya dengan sikap kesederhanaan adalah dituntut dan digalakkan dalam Islam. Apa yang penting dalam menghadapi hari yang baik ini, kita banyakkkan bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala.

Sewajarnya orang-orang kitani perlulah sentiasa mengamalkan sikap sederhana dan berjimat cermat dalam perbelanjaan menjelang Hari Raya. Tegasnya kita janganlah terlalu boros untuk berbelanja sehingga tidak menengangkan masa depan keluarga, terutama sekali dalam menyediakan perbelanjaan anak-anak sekolah yang lebih afdal dan perlu diutamakan. Kerana selepas ini, kesibukan kita beralih pula kepada persiapan persediaan. Jangan kita sampai seperti kata pepatah orang tua-tua 'melangui kasau' disebabkan oleh sikap 'berabis' dalam Berhari Raya.

BERMAAF-MAAFAN

Di samping kita bersuka ria merayakan kemenangan itu, kita juga dituntut oleh agama Islam untuk bermaaf-maafan dengan ikhlas di antara satu sama lain sambil kunjung-mengunjungi kaum keluarga dan sahabat handai dalam suasana yang mesra lagi harmoni. Kerana hari itu adalah semulia-mulia hari untuk kita menghulurkan

maaf dan memperkukuhkan lagi hubungan kekeluargaan dan silaturahmi terutama sekali keluarga jauh yang jarang 'dikunjungi' disebabkan kesibukan tugas masing-masing.

Pada hakikatnya di Hari Raya, kita digalakkan ziarah-menziarahi rumah kaum keluarga dan sahabat handai serta jiran terdekat untuk bermaafan atas segala kesalahan. Inilah sebenarnya rahsia yang terselindung di sebalik Hari Raya itu. Ia lebih bertujuan untuk memupuk semangat muhibah dan meningkatkan rasa kekitaan, bertoleransi dan bersatu padu dan bukannya berpecah belah serta acuh tak acuh terhadap masyarakat di sekeliling kita. Sebenarnya Hari Raya lebih mendidik jiwa kita untuk lebih pemurah dan dermawan dan tolong-menolong. Sebab itu, di hari yang mulia ini kita juga dituntut untuk menghulurkan sedekah terutama sekali kepada orang yang kurang kemampuan.

Maka pada kesempatan yang mulia ini, kita hendaklah sama-sama menjernihkan hati dan ikhlas untuk bermaaf-maafan di atas dosa akibat menyakitkan orang atau saudara kita sama ada sengaja atau tidak.

JUNJUNG ZIARAH

Rakyat dan penduduk negara ini amat bertuah kerana setiap tahun berpeluang dan berkongsi kegembiraan junjung ziarah kepada raja kita yang dikasihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat-kerabat diraja di Istana Nurul Iman selama tiga hari bermula dari Hari Raya Kedua.

OLEH FIRDAUS HJ

Sayugia selaku rakyat dan penduduk negara ini supaya tidak akan melepaskan peluang untuk berkunjung ke Istana Nurul Iman bagi menjunjung ziarah ke hadapan majlis baginda.

Perkara seperti ini jarang berlaku di luar negara, seorang pemimpin 'membuka' Istana untuk kunjungan rakyatnya. Tetapi kita di Negara Brunei Darussalam amat beruntung. Ini memperlihatkan tidak ada jurang antara institusi raja dan rakyat. Malahan perkara ini menambah dan mengukuhkan lagi hubungan pemimpin dengan yang dipimpin. Ini secara langsung akan mengukuhkan lagi institusi raja dan rakyat yang telah berakar umbi di bumi bertuah ini.

MENYAMBUK HARI RAYA

Dalam masa kita Berhari Raya dan bersuka ria nanti, kita hendaklah sentiasa berwaspada agar ianya tidak terkeluar dari batas-batas Islam. Juadah dan makanan serta minuman yang dihidangkan kepada tetamu biarlah terdiri daripada makanan yang baik dan halal menurut pandangan agama. Janganlah diselitkan dengan benda-benda yang haram terutama sekali minuman keras dan seumpamanya.

Begitu juga tidak patut dan tidak harus Hari Raya itu dirayakan dengan pesta-pesta yang bersifat haram seperti tari-menari dan aktiviti yang bertentangan dengan ajaran Islam dan undang-undang negara. Kerana dalam menyambut Hari Raya, yang popular di kalangan orang kitani ialah permainan mercun dan bunga api yang berbahaya. Malah ada setengah orang kitani menganggap bahawa kalau tidak bermain mercun tidak meriah dan 'tidak sah Hari Raya'.

Permainan mercun dan bunga api yang berbahaya adalah salah di sisi undang-undang negara. Jika sabit kesalahan hukuman yang menanti adalah amat berat. Jadi dari itu, hindarkan keluarga kita dari permainan tersebut. Bahayanya sudah cukup terbukti boleh mengakibatkan kecederaan serius dan

kebakaran dan bermacam-macam lagi jenis kejadian yang tidak diinginkan. Apakah kitani mahu hari yang bergembira ini bertukar menjadi duka. Sesungguhnya kita tidaklah mahu sebarang kejadian yang tidak diinginkan berlaku terhadap diri kita dan keluarga kita.

Dalam Islam sendiri, kita dituntut dan disuruh menghidupkan suasana tersebut dengan bertakbir dan bertahmid serta membanyakkkan selawat.

MENGHULUR BANTUAN

Bagi masyarakat kita, Hari Raya juga merupakan satu kesempatan



ANAK-ANAK yatim tidak dilupakan dalam sama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri.

untuk menanamkan semangat perasaan insaf di mana dalam saat begini juga kita masih mengingat orang-orang yang telah kembali ke rahmatullah khususnya saudara-mara atau kaum keluarga. Dalam masyarakat kita ini terbukti dengan amalan-amalan yang sudah lazim dilakukan sejak zaman-berzaman iaitu Majlis Bertahlil dan membaca Doa Arwah, membaca Surah Yasiin, membaca Al-Quran dan membersihkan tanah-tanah perkuburan. Alhamdulillah, masyarakat kita tetap prihatin mengenai perkara ini. Jika kita perhatikan umat Islam di seluruh pelusuk tanah air berduyun-duyun menziarahi tanah perkuburan, suatu amalan

Hari Raya lambang kemegahan Islam

yang sudah menjadi tradisi sebatan dalam kehidupan masyarakat orang-orang Brunei.

Dalam pada itu, di hari yang mulia ini, masyarakat kita juga prihatin terhadap mereka yang tidak bernasib baik serta golongan yang tidak berkemampuan seperti anak-anak yatim, mereka yang tidak berdaya, orang-orang cacat dan orang-orang tua tidak pernah dilupakan. Menghulurkan derma dan bantuan sudah menjadi amalan berkebiasaan masyarakat kita sejak dahulu lagi sebagai tanda simpati kepada mereka. Dengan cara pemaduan seperti itu, mereka tidak merasa diri mereka disisihkan dari masyarakat, malah dapat sama-

sama merayakan dan menikmati kegembiraan di Hari Raya. Derma Hari Raya kepada mereka mencurah-curah dihulurkan oleh agensi-agensi kerajaan, swasta dan orang-orang perseorangan. Amalan menghulurkan derma sudah menjadi 'kemestian' sebelum menjelangnya Hari Raya.

ASPEK KESELAMATAN

Satu hal yang perlu diberi perhatian yang amat berat ialah mengenai aspek-aspek keselamatan terutama sekali memandu di jalan raya. Jauhkan diri sikap terlalu 'iski' berlumba-lumba atau memandu terlalu laju untuk menuju sesuatu destinasi dan 'me-

nyambat-nyampati' kunjung-mengunjungi ke rumah sanak-saudara. Janganlah hendaknya kegembiraan itu bertukar menjadi kedukaan.

Selain itu apabila hendak meninggalkan rumah, pastikan semua pintu-pintu dan tingkap-tingkap dalam keadaan yang berkunci. Takut-takut nanti akan muncul tetamu yang tidak diundang. Begitu juga elakkan dari menyimpan tangga dan perkakas-perkakas yang berguna, kerana dikhawatirkan akan mengundang perkara yang tidak diinginkan seperti kecurian dan seumpamanya. Pastikan juga semua alat-alat elektrik seperti seterika, kipas angin dan alat penghawa dingin dimatikan sebelum meninggalkan rumah. Perkara seumpama ini perlu diberikan perhatian sewajarnya bagi mengelakkan sebarang kecelakaan seperti kata pepatah Melayu 'malang tidak berbau'.

Sambutlah Hari Raya dalam keadaan yang harmoni dan mesra. Bersederhana dan berjimat cermat. Elakkan pembaziran. Wujudkanlah ukhwah Islamiah, tingkatkan perpaduan, keamanan dan keselamatan. Yang utama rayakanlah hari yang mulia dengan bersyukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala. Semoga Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini akan mengukuhkan lagi hubungan silaturahmi dan muhibah di kalangan umat Islam di negara ini, kerana Hari Raya merupakan lambang kemegahan Islam.

Sastera & Budaya

Pengaruh Islam dalam perkembangan Adat Istiadat Melayu Brunei

Oleh Ak. Suharman Pg. Tuah

APABILA kita memperkatakan tentang adat, kita sebenarnya menyentuh mengenai kebudayaan. Perkataan kebudayaan adalah berasal dari gabungan perkataan: 'budi dan daya' di mana budi letaknya di hati, manakala daya terletak dalam perbuatan, kelakuan atau tindakan.

Kebudayaan itu diertikan sebagai cara hidup manusia, yang mengandungi nilai yang tercipta daripada hasil budi yang disukai, disenangi, diamalkan, dihormati dan dipercayai oleh sesuatu masyarakat yang mana menumbuhkan peradaban, atau biasa disebut dalam bahasa Inggeris civilization. Peradaban ini mempunyai banyak kaitan dengan adat yang dicipta oleh masyarakat itu sendiri.

Perkataan adat sudah tidak asing lagi dalam kehidupan kita seharian. Jikalau kita lihat dalam kamus, adat sebenarnya berasal dari perkataan Arab dan diertikan sebagai kebiasaan, lembaga, resam, peraturan dan hukum. Adat ialah keseluruhan bentuk kelakuan (behaviour) yang diwarisi turun-

temurun (tradition) oleh satu kumpulan, dan ini berbeza dari kelakuan biasa orang perseorangan. Adat merupakan warisan yang dihormati oleh masyarakat, baik yang lama ataupun baru. Adat yang diubah suai atau dibiasa itu kebiasaannya banyak dipengaruhi oleh kepercayaan, corak hidup dan agama dan lagi adat adalah peraturan hidup atau sukat-sukat sebagai garis pandu keperibadian yang mengawal kebaikan dan kesempurnaan sesuatu masyarakat. Istiadat pula dapat diertikan sebagai kegunaan dan cara sesuatu adat itu dipakai.

Temasya berkumpul beramai-ramai itu ada hubungannya dengan sesuatu objek yang dibuat dengan mengikut adat yang berperaturan yang biasa dijalankan masa ini pada lazimnya disebut 'Adat Istiadat'. Menurut Sultan Omar Ali Saifuddin III, Adat Istiadat atau 'Dalam Majlis Beristiadat' sebagai indah laila kata misalan 'adalah mengandungi adab,' dan perkara-perkara yang mengembangkan atau membina pada mencukupkan atau melengkapkan 'adat istiadat itu baik dari segi alatan-alatan perhiasan, gelaran dan susunan mereka yang menghadiri satu-satu majlis yang beradat atau beristiadat'.

Apabila kita memandang pada keadaan masyarakat, kita ikuti bahawa perkembangan hidup manusia adalah menurut kebiasaan alam semula jadi iaitu melalui proses kelahiran (birth), membesar atau tumbuh (growth), perkembangan (development).

Wujudnya dan berkembangnya sesuatu adat bermasyarakat adalah seiring dengan kewujudan dan perkembangan masyarakat itu sendiri. Ini bermakna adat dan masyarakat tidak dapat diceraikan kerana ianya adalah kait mengait di antara satu dengan lain.

Islam dalam bahasa Arab ertinya tunduk dan patuh terhadap perintah di mana agama yang diajarkan oleh Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berdasarkan Al-Quran dan hadis. Islam telah mencorakkan kehidupan orang Melayu termasuklah corak hidup orang Brunei. Brunei sebagai negara Islam, negara Melayu dan negara beraja menepati hakikat bahawa pada mulanya penduduk dan rakyatnya terdiri daripada bangsa Melayu yang diperintah oleh raja Islam. Dalam Salasilah Raja-Raja Brunei, Sultan Brunei yang pertama memeluk agama Islam ialah Sultan Muhammad I. Maka dari sini sudah membuktikan bahawa negara ini mempunyai pemerintah yang beragama Islam. Agama Islam menjadi ideologi orang Melayu yang ada di Brunei dan menjadikan panduan dalam setiap yang hidup.

Rencana akan lebih memfokuskan adat perkahwinan orang Melayu Brunei dan adat istiadat penggelaran ciri, bagaimana kedua-dua adat istiadat ini telah dipengaruhi oleh Islam dan sedikit menyentuh mengenai alat-alat kebesaran diraja yang juga telah diresapi oleh Islam itu sendiri.

CIRI GELARAN DI BRUNEI

Salah satu adat istiadat diraja ialah Majlis Pengurniaan Ciri Gelaran. Ciri merupakan sebagai suatu surat pengisytiharan diraja untuk mengurniakan sesuatu gelaran kepada seseorang. Memang tidak dapat dinafikan pengaruh kebudayaan Hindu wujud, ini adalah disebabkan Brunei dulunya di bawah kekuasaan Srivijaya dan Majapahit. Namun kesan pengaruh Hindu hanya berkesan melalui adat sahaja iaitu terutama pada ciri gelaran di Brunei yang kebanyakannya menggunakan bahasa Sanskrit.

Setelah kedatangan Islam, unsur-unsur Islam telah memasuki ke dalam ciri tanpa menyingkirkan bentuk asal dalam bahasa Sanskrit yang masih digunakan sampai sekarang. Antara ciri-ciri yang terdapat mempunyai beberapa perbezaan yang bukan dari

terasul yang bermula dengan bahasa Arab seperti perkataan 'utika' digantikan dengan perkataan 'mahkota' dan selepas perkataan 'ayuta' ditambah lagi dengan perkataan 'singgahsana'.

Seseorang yang bakal dianugerahi gelaran terlebih dahulu diselidiki dan dibuat penelitian mengenai asal-usulnya, budi pekertinya, ilmu pengetahuan dunia dan akhiratnya, kebajikan dan ketaatannya terhadap Raja dan negara. Ini sudah cukup terbukti syarat-syarat yang dikenakan adalah unsur-unsur agama Islam.

Sebagai contoh melalui ciri menggelar Pengiran Mohammad Tajuddin ibnu Sultan Mohammad Jamalul Alam menjadi wazir iaitu Pengiran Digadong Sahibul Mal. Perkataan Sahibul Mal sudah dapat dikira bahawa bahasa Arab juga dipakai malah melalui bacaan ciri gelaran juga dapat dilihat pujian syukur terhadap Allah dan Rasul juga disertakan. Sebagai contoh sebahagian kandungan ciri itu:-

Dengan nama Tuhan

Yang Maha Melihat

Yang Maha Menerangi Alam

Yang Maha Cekap Perkasa

Yang Berjaya Menguasai Alam

Oh Tuhan Yang Maha Kaya.

Maka dari sebahagian kandungan ciri ini terdapat kata-kata pemujaan terhadap Tuhan. Menerusi kandungan tersebut dapat dibuktikan kandungan mempunyai kesan Islam.

Salah satu adat istiadat yang banyak dipengaruhi oleh agama Islam ialah adat perkahwinan. Antara adat istiadat yang selalu diamalkan oleh orang-orang Melayu Brunei ialah istiadat bersuruh, istiadat menghantar tanda pertunangan, istiadat masuk berbedak dan istiadat bersanding.

Apabila kita mengatikan istiadat menghantar tanda pertunangan, ia juga dikenali sebagai menghantar berian. Al Quran meru-

pakan salah satu barang hantaran dan lebih diutamakan dari barang hantaran lain. Ini terbukti bahawa pengaruh agama Islam telah wujud. Bagi pihak keluarga lelaki yang menerima balasan tanda pertunangan ini, pada sebelah malam akan menjemput sanak saudara keluarga perempuan dalam Majlis Berzikir.

Majlis Berzikir adalah lambang yang jelas menunjukkan pengaruh Islam dan selalu diamalkan oleh orang-orang Brunei. Malah dalam istiadat masuk berbedak juga disusuli pembacaan dikir bagi melancarkan adat istiadat ini. Selain itu juga dalam istiadat perkahwinan ada acara-acara yang tidak dipakai lagi. Ini selaras dengan pengaruh Islam yang meresap dalam adat istiadat Brunei. Sebagai contoh dalam istiadat berambil-ambilan di mana pengantin lelaki dan perempuan tidak dibenarkan tidur. Kononnya siapa yang tertidur maka pengantin tersebut akan pendek umur dan ditimpa bala. Ini sudah dianggap syirik malah bertentangan dengan Islam, maka dari itu telah dihapuskan dan tidak lagi diamalkan. Dari sini jelas sekali bahawa mana-mana adat yang bertentangan dengan Islam adalah dihapuskan.

Salah satu acara yang tidak lagi diadakan ialah dalam istiadat mulih tiga hari di mana pengantin perempuan akan mengeluarkan gangsa yang berisi dengan bunga lapik pinang, yang bertujuan untuk melihat kesucian si isteri. Pada zaman dahulu sekiranya si isteri tidak dara, maka terjadilah persengketaan kedua-dua belah pihak dan diakhiri dengan pencerai-ai. Dalam Islam, perkara ini adalah diharamkan kerana ia dapat menimbulkan perpecahan dan huru-hara dalam keluarga kedua-dua belah pihak serta mengaibkan pihak isteri. Kini, adat seperti ini, tidak lagi begitu diamalkan malah hampir pupus.

Dalam adat istiadat perkahwinan ada juga majlis-majlis tertentu tidak lagi diamalkan oleh penduduk sekarang. Antara majlis itu ialah seperti

berikut:

(a) Majlis Bermalam

Pada zaman dahulu, majlis ini adalah lanjutan dari adat penghantaran tanda pertunangan. Bakal pengantin lelaki diminta bermalam selama tiga malam di rumah tunangnya pada bila-bila masa. Begitu juga bagi bakal pengantin perempuan akan membalas adat bermalam di rumah bakal pengantin lelaki selama tiga atau tujuh malam. Majlis ini tidak lagi diamalkan mungkin disebabkan untuk mengelakkan dari timbulnya fitnah di antara kedua-dua bakal pengantin dan ini adalah juga selaras dengan ajaran Islam.

(b) Majlis Pengawalan Rumah Sebelum Perkahwinan

Pengawalan rumah yang dimaksudkan ialah untuk melindungi keliling rumah pengantin. Bomoh atau pawang akan dijemput untuk mengawal keluarga pengantin daripada sebarang angkara khianat yang dilakukan oleh orang yang mempunyai niat jahat atau niat tidak baik terhadap pengantin. Majlis ini sudah tidak dipakai lagi pada zaman sekarang kerana ia adalah terangan bertentangan dengan agama Islam.

(c) Majlis Pemeliharaan Pengantin

Majlis ini ialah salah satu adat yang diamalkan pada zaman dahulu. Majlis ini diadakan untuk mengawal atau menjaga pengantin lelaki dan pengantin perempuan dari terkena ilmu sihir orang yang mungkin menaruh dendam dan iri hati. Tiga atau tujuh orang pawang dijemput untuk memandikan pengantin dengan air langir. Maka dari buih langir yang digunakan akan dapat mengetahui nasib pengantin tersebut.

Dari majlis-majlis yang disebutkan di atas tadi sudah jelas terbukti mempunyai tentangan dalam ajaran Islam malah majlis-majlis tersebut hanyalah membazir wang dan masa sahaja. Maka dari sini nyatalah bahawa kebanyakan adat istiadat perkahwinan telah dipengaruhi oleh perkemba-

ngan Islam, mana-mana adat yang bertentangan dengan syariat dan ajaran Islam adalah dihapuskan dan tidak lagi diamalkan.

PAKAIAN DI MAJLIS PERKAHWINAN

Pakaian orang Brunei pada zaman dulu adalah berbeza dengan zaman sekarang. Bagi lelaki apabila menghadiri majlis perkahwinan atau majlis beristiadat akan memakai seluar, berbaju 'bergulam-bir' yang tangannya 'mengantam' dan 'bersinjang' dan 'berdastar'. Ada terdapat perbezaan pakaian pada zaman sekarang di mana bagi lelaki yang menghadiri majlis perkahwinan akan berpakaian cara Melayu dan bersongkok.

Bagi pakaian perempuan yang menghadiri majlis pada zaman dahulu pula akan memakai pakaian 'seperampun' iaitu sama baju dengan kain dan kebayaannya menggunakan rambut dengan sanggul lintang yang dihiasi dengan bunga atau sisir atau 'bunga goyang'. Pada zaman sekarang bagi pakaian perempuan akan memakai baju kurung dan kebanyakannya memakai tudung. Ini membuktikan pengaruh Islam juga wujud jika dilihat dari segi pakaian ketika menghadiri majlis-majlis tertentu. Malah bagi pengantin perempuan ada juga yang memakai tudung dalam majlis perkahwinan.

Ada juga kalangan masyarakat Melayu hari ini yang sedar akan kehendak agama mereka iaitu dengan melakukan persandingan di dalam bilik tertutup dengan hanya dihadiri oleh kaum kerabat atau mahramnya sahaja. Ini merupakan sikap yang patut dipuji bagi menunjukkan adanya kesedaran beragama yang sihat. Perubahan yang ketara pada pengantin lelaki pada zaman sekarang kebanyakannya tidak lagi memakai gelang di tangan mahupun di kaki.

PERANAN PENGAGUN

Dalam masyarakat Melayu Brunei, pengagun merupakan salah seorang yang menjadi tunggak dalam adat perkahwinan. Pengagun berperanan

untuk menjaga, mengajar, mendidik bakal pengantin dan dipertanggungjawabkan ke atas pelbagai upacara perkahwinan. Pada zaman dahulu pengagun ditugaskan mengajar pengantin cara mandi berhadap, mengajar pembentukan akhlak dan tanggungjawab dalam kehidupan berumah tangga. Berlainan pada zaman sekarang pengagun tidak lagi mengajar hal-hal tersebut disebabkan bakal pengantin sudah diberi kursus perkahwinan.

Pada dulunya pengagun akan membedakan bakal pengantin dengan bedak lutut bagi tujuan membuang sial. Kemudian bedak lutut yang digunakan akan dibungkus dengan kain hitam dan dibuang ke sungai bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diinginkan. Namun pada zaman sekarang bedak lutut hanyalah untuk menyerikan wajah bakal pengantin. Ini sudah membuktikan bahawa Islam sudah mempengaruhi. Selain itu pengagun juga akan membacakan doa memohon ke hadirat Ilahi agar pengantin sentiasa di dalam lindungan Allah dan majlis perkahwinan berjalan dengan lancar. Maka dapat dilihat bahawa penglibatan dalam majlis perkahwinan Melayu Brunei masih lagi diperlukan walaupun tugas pengagun banyak yang telah dikurangkan pada zaman sekarang.

Dalam aspek penyediaan jamuan perkahwinan, sanak saudara, jiran tetangga dan lainnya akan menolong untuk menyediakan jamuan tersebut. Konsep tolong-menolong dan memucang-mucang telah wujud selaras dengan Islam di mana menggalakkan orang Islam untuk sentiasa tolong-menolong di antara satu dengan yang lain. Kalau dilihat pada zaman dahulu apabila ada orang mengadakan majlis perkahwinan, sebulan sebelum majlis perkahwinan pihak lelaki akan sibuk menebang buluh bagi membuat pantaran untuk

MARILAH Kita tanamkan sifat takwa kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan sebenar-benar takwa, dengan cara dan jalan ini kita akan selamat dan berbahagia di dunia mahupun di akhirat iaitu dengan mengerjakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala apa-apa jua larangan-Nya.


Kita telah pun memasuki hari-hari terakhir di bulan Ramadan. Kehangatan kedatangan bulan Syawal semakin kuat dirasakan. Setentunya kita selaku umat Islam merasa gembira dengan kedatangan 1 Syawal itu nanti dan kemungkinan besar sebahagian kita telah pun membuat persiapan-persiapan untuk menyambut kedatangan Aidilfitri ini, dari berbagai segi terutama keperluan-keperluan rumah, pakaian, makanan dan minuman. Semuanya ini adalah semata-mata untuk merayakan Hari Raya agar sentiasa dalam suasana kegembiraan.

Sememangnya agama Islam tidak ada halangan dengan segala persiapan yang dilakukan asalkan sahaja ianya tidak bertentangan dengan lunas-lunas ajaran Islam. Yang penting kita amalkan sifat kesederhanaan yang dianjurkan oleh Islam dan menjauhi sifat berlebih-lebihan yang akibatnya menimbulkan salah satu punca berlakunya berbagai-bagai penyakit hati seperti riya, hasad dengki, takbur, pembaziran dan sebagainya.

Jangan kita cemarkan segala latihan rohani yang kita amalkan sepanjang bulan Ramadan ini dengan persiapan Hari Raya dengan perkara yang dilarang Allah Subhanahu Wataala.

Hakikatnya menyambut Hari Raya ialah untuk merayakan kejayaan dan kemenangan kita di medan perjuangan melawan hawa nafsu, memperbaharu azam, mengukuhkan tali persaudaraan antara sesama Muslim dan mensyukuri nikmat dan petunjuk Allah Subhanahu Wataala sebagai tanda syukur.

Cara merayakan yang sepatutnya kita lakukan ialah pada sejak berakhirnya petang Ramadan, malam menjelang Hari Raya sehingga selesai Khutbah Hari Raya pada 1 Syawal ialah dengan bertakbir, bertah-



mid, bertasbih sebanyak-banyaknya.

Perlu diambil perhatian bahawa di saat kita berada di ambang pintu masuk Hari Raya, janganlah kita lupa dan lalai akan rukun Islam yang keempat iaitu zakat. Kita kaum Mus-

ZAKAT FITRAH MELENGKAPKAN IBADAH PUASA

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam diriwayatkan Abu Hafs bin Syahin yang bermaksud: "Ibadat Puasa Ramadan itu tergantung antara langit dan bumi dan tidak dapat diangkat melainkan dengan membayar Zakat Fitrah."

Zakat Fitrah mahupun zakat harta memainkan peranan penting dalam memberi kesedaran kepada umat Islam akan hubungannya dengan Allah Subhanahu Wataala dengan masyarakat. Dari pada rahmat Allah kepada hamba-Nya ia adalah sebagai penutup kepada kecacatan-kecacatan yang berlaku dalam kita mengerjakan ibadat puasa. Tetapi apa yang lebih penting lagi, ianya sebagai penghubung yang memecahkan jurang perbezaan di antara si kaya dan si miskin. Memang patut bagi orang-orang Islam yang kaya dan mempunyai rezeki yang lebih tidak hanya diwajibkan mengeluarkan Zakat Fitrah sahaja. Tetapi mereka juga diwajibkan berzakat harta kekayaannya yang dihasilkan melalui perniagaan, pertanian dan lain-lain lagi yang diwajibkan oleh syarak, kerana dari harta-harta yang banyak itu

terdapat hak golongan-golongan yang disebutkan oleh Al-Quran termasuk orang-orang fakir dan miskin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah At-Taubah ayat 60 yang tafsirannya:

"Sesungguhnya zakat-zakat itu, hanyalah untuk orang-orang fakir, orang-orang miskin, amil-amil (pengurus-pengurus zakat), para muallaf yang dipujuk hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, orang-orang yang berhutang untuk jalan Allah dan orang-orang yang sedang dalam perjalanan sebagai suatu ketetapan yang diwajibkan Allah. Dan Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana."

Sudah semestinya nikmat-nikmat yang dikurniakan Allah Subhanahu Wataala kepada kita itu dipergunakan ke jalan yang diredai Allah Subhanahu Wataala, jauh dari sifat kemegahan yang sering melalaikan manusia daripada patuh kepada perintah dan larangan Allah Subhanahu Wataala. Bertepatan lagi di Hari Raya yang akan menjelma, kita seharusnya

merasa insaf dengan keadaan mereka yang kurang bernasib baik dan bersyukur di atas pemberian Allah Subhanahu Wataala kepada kita semua. Cara kita merayakan Aidilfitri itu kelak akan membuktikan apakah puasa kita selama sebulan itu berjaya atau tidak. Semoga Allah Subhanahu Wataala menerima segala amal kebajikan kita dan menutupi segala kecacatan yang terdapat di dalamnya.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah At-Takaatsur dari ayat 1 hingga 8 yang tafsirannya:

"Bermegah-megahan telah melalaikan kamu sampai kamu masuk ke dalam kubur. Janganlah begitu, kelak kamu akan mengetahui (akibat perbuatanmu itu). Dan janganlah begitu kelak kamu akan mengetahui. Janganlah begitu, jika kamu mengetahui dengan pengetahuan yang yakin. Nescaya kamu benar-benar akan melihat Neraka Jahannam. Dan sesungguhnya kamu benar-benar akan melihatnya dengan Ainal Yakin. Kemudian kamu pasti akan ditanya pada hari itu tentang kenikmatan (yang kamu megah-megahkan di dunia itu)."

وقت سبهيخ، امساك، شوروق دان ضحي

وقت 2 سبهيخ، امساك، شوروق دان ضحي باكي دائره بروني دان موارا مولاي دوي هاري رابو، 29 رمضان، 1423 برسان دغن 4 ديسمبر، 2002 هيغك كهاري ثلاث، 5 شوال، 1423 برسان دغن 10 ديسمبر، 2002 اداله سفرت دباوه اين:-

هجرة	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساك	صبح	شوروق	ضحي	مسيحي
رمضان									ديسمبر
29	12.12	3.34	6.06	7.21	4.42	4.52	6.14	6.39	4
30	12.12	3.34	6.07	7.21	4.42	4.52	6.14	6.39	5
فرال									
1	12.12	3.34	6.07	7.21	4.43	4.53	6.15	6.40	6
2	12.13	3.35	6.07	7.22	4.43	4.53	6.15	6.40	7
3	12.13	3.35	6.08	7.22	4.44	4.54	6.16	6.41	8
4	12.14	3.36	6.08	7.23	4.44	4.54	6.16	6.41	9
5	12.14	3.36	6.08	7.23	4.44	4.54	6.17	6.42	10

وقت 2 سبهيخ باكي دائره توتوغ دغه سانو مينيت دان دائره بلايت دغه تيگ مينيت، سبهيخ فرض جمعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام دمولاي دوي فوكل 12.45 تهايري.

PERLU diambil perhatian bahawa di saat kita berada di ambang pintu masuk Hari Raya, janganlah kita lupa dan lalai akan Rukun Islam yang keempat iaitu zakat. Kita kaum Muslimin yang ada kemampuan diwajibkan mengeluarkan Zakat Fitrah bagi diri sendiri dan keluarga yang di bawah tanggungan kita iaitu anak-anak dan isteri. Kewajipan Zakat Fitrah ini adalah untuk melengkapi ibadat puasa kita agar diterima oleh Allah Subhanahu Wataala.



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bismillah, Walhamdu-
lillah Wassalatu Wassala-
mu 'Ala Rasulillah,
Wa'ala Aalihie Wasah-
bihie Waman Walah.

KUALITI ATAU
KUANTITI?

ANTARA perkara yang perlu diberi perhatian dalam amalan bersedekah adalah kualiti atau mutu barang yang disedekahkan. Jadi, apakah ciri-ciri yang memenuhi kualiti yang dikehendaki di sini?

Terdapat tiga perkara yang mesti dipenuhi untuk menjadikan pemberian sedekah itu berkualiti: Pertama, mestilah barang yang disedekahkan itu dari kategori yang bagus, yang baik.

Sebagaimana yang disebutkan terdahulu, bahawa bersedekah merupakan ibadat untuk merapatkan hubungan kita dengan Allah Yang Maha Luas pemberian-Nya, untuk mensyukuri segala nikmat yang di-anugerahkan kepada kita, adalah tidak layak jika apa yang dipersembahkan kepada-Nya terdiri dari benda-benda yang kita sendiri tidak sudi menerimanya.

Oleh itu, kalau hendak memberi sedekah biarlah dari jenis yang kita sendiri senang hati jika kita yang menerimanya, bukannya dari jenis yang kita sendiri tidak senang hati jika kita yang menerimanya, malahan hanya menerimanya kerana terpaksa, kerana menjaga hati pemberinya.

Allah Subhanahu Wataala melarang memberikan sedekah dengan benda yang

tidak baik, sebagaimana firman-Nya yang tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya (lalu kamu dermakan atau kamu jadikan pemberian zakat), padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu (kalau diberikan kepada kamu), kecuali dengan memejamkan mata padanya. Dan ketahuilah sesungguhnya Allah Maha Sayu, lagi sentiasa terpuji." (Surah Al-Baqarah, ayat 267).

Kedua, dan yang penting sekali ialah sedekah itu daripada sesuatu yang halal yang tidak bercampur dengan perkara syubhah.

Diriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, beliau berkata, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya: "Tidak seseorang itu memberikan sedekah dari harta yang baik - dan Allah tidak akan menerimanya kecuali yang baik - melainkan Allah Yang Maha Pengasih akan menerima sedekah itu dengan tangan kanan-Nya, sekalipun sedekah itu hanya berupa sebiji kurma. Lalu di tangan Allah Yang Maha Pengasih sedekah itu bertambah-tambah sehingga menjadi lebih besar daripada gunung, sebagaimana di antara kamu memelihara (membesarkan) anak kudanya

SEDEKAH : Kualiti Atau Kuantiti, Mana Yang Lebih Utama?

atau anak untanya." Hadis riwayat Bukhari, Muslim, At-Tirmidzi, An-Nasa'ie dan Ibnu Majah).

Al-Imam An-Nawawi salah seorang ulama terkemuka dalam Mazhab Syafi'e telah menjelaskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan "At-Taib" (yang baik) di dalam hadis di atas ialah sesuatu yang halal.

Di dalam hadis yang lain, Abu Hurairah Radiallahuanhu meriwayatkan, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud: "Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu baik (suci, bersih dari segala kekurangan), dan Dia tidak menerima kecuali yang baik. Dan Allah memerintahkan kepada orang-orang yang beriman dengan apa yang Dia perintahkan kepada para Rasul."

Allah berfirman tafsirnya: "Wahai Rasul-rasul! Makanlah dari benda-benda yang baik-baik lagi halal dan kerjakanlah amal-amal saleh; sesungguhnya Aku Amat Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan." (Surah Al-Mukminun, ayat 51).

Allah berfirman lagi tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah dari benda-benda yang baik (yang halal) yang telah Kami berikan kepada kamu." (Surah Al-Baqarah, ayat 172).

Kemudian Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyebutkan tentang seorang yang mengadakan perjalanan jauh, yang kusut rambutnya lagi berdebu, dia menadahkan kedua tangannya ke langit, seraya berdoa: "Ya Tuhanku! Ya Tuhanku!", sedangkan makanannya dari yang haram, minumannya dari yang haram, pakaiannya dari yang haram dan diberi makan dengan yang haram, lalu bagaimana doanya itu diperkenankan? (Hadis riwayat Muslim dan At-Tirmidzi).

Dalam mengulas hadis di atas, Al-Imam An-Nawawi menegaskan bahawa ianya memberi galakan atau dorongan

supaya apa yang dinafkahkan atau dibelanjakan itu hendaklah dari benda yang halal, dan melarang dari menafkahkan benda-benda yang tidak halal. Dan apa jua yang diminum, dimakan, dipakai dan seumpamanya hendaklah dari benda yang halal semata-mata yang tidak ada keraguan atau syubhah padanya.

Dari ulasan di atas, dapatlah diambil pengajaran bahawa membelanjakan harta di jalan Allah itu salah satunya ialah dengan jalan bersedekah. Oleh itu, adalah sewajarnya benda yang disedekahkan itu daripada yang halal semata-mata, tanpa bercampur dengan elemen-elemen yang meragukan atau syubhah. Ini merupakan tuntutan Allah dan Rasul-Nya sebagaimana jelas di dalam hadis-hadis yang disebutkan tadi; sesungguhnya Allah itu tidak akan menerima kecuali sesuatu yang baik, sesuatu yang halal.

Ketiga, ianya terdiri dari barang yang disayangi oleh pemberi sedekah.

Sunat hukumnya bagi seseorang mengeluarkan sedekah atau derma daripada benda-benda yang disukainya. Ini jelas sebagaimana firman Allah Taala yang tafsirnya: "Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi." (Surah Ali 'Imran, ayat 92).

Sebenarnya di sinilah juga merupakan ujian yang berat bagi orang yang mengaku dirinya beriman. Seorang yang tidak sanggup mengeluarkan, membelanjakan atau mendermakan sesuatu yang amat disayangi atau disukainya belumlah mencapai taraf keimanan yang tinggi, belumlah dikatakan mempunyai jiwa yang baik.

Ketiga-tiga komponen yang kita sebutkan di atas adalah perlu ada pada jenis mata benda yang disedekahkan untuk dikategorikan sebagai sedekah berkualiti. Ada

pun kuantiti atau sedikit dan banyak sesuatu pemberian itu bukanlah menjadi ukuran.

Oleh itu, tidak semestinya pemberian itu dengan jumlah bilangan yang banyak, malahan sunat bagi seseorang bersedekah atau menderma walaupun dengan bilangan yang sedikit. Tidak perlu malu untuk bersedekah atau menderma dengan jumlah yang kecil atau dengan sesuatu makanan umpamanya, kerana yang demikian itu amat bernilai di sisi Allah Subhanahu Wataala, sebagaimana firman-Nya yang tafsirnya: "Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)." (Surah Az-Zalzalah, ayat 7).

Di dalam sebuah hadis shahih, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya: "Takutlah kamu akan api Neraka walaupun dengan separuh buah kurma." (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim).

Hadis di atas memberi dorongan untuk bersedekah walaupun dengan mata benda yang sedikit bilangannya, sekalipun bersedekah dengan separuh buah kurma, kerana yang demikian itu sungguhpun ianya sedikit tetapi mampu untuk menyelamatkan tuannya daripada api Neraka.

PERKARA YANG
MEROSAKKAN
SEDEKAH

Antara elemen terpenting dalam amalan bersedekah adalah keikhlasan. Bersedekah biarlah terbit daripada hati nurani yang bersih, ikhlas untuk membantu orang lain. Oleh itu, perlunya ada etika pada diri orang yang bersedekah atau menderma, antaranya jangan mengungkit-ungkit dan menyakiti orang yang menerima sedekah atau derma.

Apabila seseorang mengungkit-ungkit kembali pemberian sedekah yang telah dihulurkannya, nyatalah bahawa dia tidak memberi dengan keikhlasan, tidak memberi dengan hati yang bulat

Bilangan 148
Bahagian Akhir

kerana Allah.

Sebagai contoh, seorang yang telah menghulurkan derma untuk mendirikan masjid, lalu dia diminta sekali lagi untuk memberi bantuannya. Tiba-tiba di-ungkit-ungkit pemberian yang dahulu: "Mengapa datang lagi, bukankah tempo hari saya sudah menderma." Pada hal kalau dia mahu, kalau dia ikhlas beberapa kali memberi derma pun tidak menjadi masalah.

Begitu juga halnya dengan menyakiti orang yang diberi, kelakuan seperti ini tidak sekali-kali menunjukkan keikhlasan si pemberi. Biarpun dia menghulurkan sedekah tetapi diiringi dengan kata-kata yang boleh memalukan dan menyinggung perasaan orang yang diberi, pemberian itu tidak mendatangkan apa-apa ganjaran, malahan boleh mendatangkan dosa.

Para ulama bersepakat mengatakan bahawa perbuatan mengungkit-ungkit kembali sedekah, derma atau sumbangan yang telah diberikan dan menyakiti orang yang menerima pemberian tersebut adalah haram hukumnya, dan merosakkan pahala amal sedekahnya itu. Hal ini telah diperuntukkan dalam Al-Quran, sebagaimana firman Allah Wataala yang tafsirnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan membangkit-bangkit dan (kelakuan yang) menyakiti, seperti (rosaknya) pahala amal sedekah) orang yang membelanjakan hartanya kerana menunjuk-nunjuk kepada manusia (riya), dan ia pula tidak beriman kepada Allah dan Hari Akhirat." (Surah Al-Baqarah, ayat 264).

da Allah dan Hari Akhirat."

(Surah Al-Baqarah, ayat 264).

Perkara mengungkit-ungkit pemberian sedekah atau derma dan menyakiti hati orang yang diberi sedekah atau derma, termasuk dalam golongan orang yang rendah akhlak. Orang seperti ini tidak sadar dan insaf bahawa kekayaan dan rezeki yang dikurniakan Allah kepadanya, tidaklah ada ertinya kalau dia terputus hubungan dengan masyarakat, kerana antara tujuan bersedekah, menderma, menghulur sumbangan merupakan jalan penghubung dan pengerat sesama manusia.

Sifat riya atau sifat menunjuk-nunjuk juga boleh menjadi punca rosaknya sesuatu pemberian sedekah. Sedekah tidak ada apa-apa nilai jika ianya dihulurkan hanya untuk mendapat pujian orang, hanya untuk memberitahu orang bahawa dia seorang yang pemurah, padahal jika tidak dilihat orang dia tidak akan mengeluarkan sedekah. Oleh itu, ikhlas merupakan kunci kejayaan untuk mendapat ganjaran daripada amalan bersedekah.

Sebagai suatu kesimpulan, segala apa yang dikeluarkan atau diberikan dengan niat mendekatkan diri kepada Allah Taala, sama ada ianya dinamakan sebagai sedekah, derma, sumbangan atau seumpamanya, adalah penting untuk diperhatikan aspek kualiti benda atau barang yang diberikan itu. Pendek kata, kualiti adalah menjadi ukuran bukannya kuantiti. Allah Maha Mengetahui segala apa yang kita dermakan atau sedekahkan, sebagaimana firman-Nya yang tafsirnya: "Dan suatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah Mengetahuinya." (Surah Ali 'Imran, ayat 92).

WALLAHUAKLAM

HARI Raya Aidilfitri merupakan hari kemenangan kepada umat Islam setelah berjaya menyempurnakan ibadat puasa dengan penuh ketakwaan dan kesabaran. Kenikmatan berhari raya sebenarnya hanya dapat dirasakan oleh mereka yang berpuasa Ramadan sahaja (hari bagi mereka yang telah berpuasa hati berjaya melawan hawa nafsu godaan) yang mana mereka melaksanakan ibadat puasa itu semata-mata kerana tunduk dan patuh kepada perintah Allah Subhanahu Wataala, dan tidak ada makna Hari Raya bagi mereka yang tidak berpuasa dengan sengaja tanpa sebab-sebab yang dibolehkan syarak.

Sesungguhnya kegembiraan Berhari Raya itu bukanlah diukur dan bergantung kepada kehebatan pakaian atau hiasan serta banyaknya makanan pada hari raya itu, tetapi ianya terletak kepada sejauh mana bertambahnya ketakwaan dan keimanan seseorang itu. Kedatangan Aidilfitri hendaklah kita sambut dengan ucapan takbir, bertahmid dan bertahlil yang mana memecah kesunyian dan melerapkan sayatan-sayatan yang terkutuk. Ucapan takbir yang kita kumandangkan pada malam Hari Raya itu mengandungi dua makna iaitu menyambut kedatangan Syawal yang mulia dan menunjukkan kesedihan dan keharuan kita melaksanakan kepergian bulan Ramadan yang mubarak.

Dalam kita merayakan Aidilfitri ini kita hendaklah membersihkan hati dan memperbaiki hubungan sesama Muslim. Kita kiki segala dendam dan kebencian, kita jauhkan iri hati dan dengki, kita gantikan dengan perasaan muhabbah (saling kasih-mengasihi sesama Muslim). Kita hulurkan tangan untuk bermaaf-maafan dan kita bina hubungan persaudaraan yang kukuh berlandaskan persaudaraan Islam. Dalam kemeriahan kita menyambut dan menikmati Hari Raya, janganlah kita melupakan kepada orang-orang yang tidak berkemampuan dan orang-orang

Menyambut Hari Raya Aidilfitri menurut Islam

yang kekurangan yang hanya mampu menitis air mata di bawah gema takbir. Kita syukuri nikmat yang Allah kurniakan kepada kita dengan memberi bantuan dan binalah ukhwah Islamiyah yang sejati.

Di samping itu janganlah kita lupa akan batas-batas ketentuan Allah iaitu berlaku sederhana dan jangan berlebih-lebihan. Islam tidak melarang kaum Muslimin menyediakan makanan dan kuali yang lazat serta menghias rumah asalkan tidak melebihi batas-batas yang sepatutnya menurut kemampuan, janganlah sampai kepada peringkat membazir. Janganlah kita sambut kedatangan 1 Syawal dengan pesta hiburan, kebisingan dan keriuhan serta kesibukan menyediakan persediaan Hari Raya hingga kita tidak berkesempatan untuk bertakbir dan bertahmid memuji keagungan Allah.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menyarankan agar umat Islam menyambut

Hari Raya ini sebagaimana sabda Baginda yang diriwayatkan oleh Al-Imam Al-Thabarani yang bermaksud: "Hiasilah Hari Raya-Hari Raya kamu dengan takbir, tahlil, tahmid dan taqdis (mengingati dan mengagungkan Allah Subhanahu Wataala)."

Dalam bulan Syawal yang mulia ini beberapa keistimewaan pula dituntut oleh Islam dalam amalan kebajikan seseorang, terutama sekali apa yang diketahui oleh kita ialah puasa enam iaitu puasa enam hari dalam bulan Syawal, sebagaimana sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim yang bermaksud: "Barang siapa berpuasa bulan Ramadan kemudian ia berpuasa pula enam hari pada bulan Syawal, adalah seperti berpuasa sepanjang masa."

Ganjaran yang begitu tinggi nilainya diberikan Allah pada puasa ini dapatlah difahamkan bahawa kebanyakan manusia tidak dapat melakukannya. Ini adalah

منوجوكر رمضان الله

Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

berkaitan rapat dengan keadaan sekeliling yang lebih mencabar keimanan seseorang yang menunaikan puasa di waktu ini. Dengan itu seseorang yang berpuasa enam akan menghadapi persaingan hebat dengan keadaan dan suasana yang terang mencabar keimanan. Sewajarnya bagi mereka yang berjaya menahan cabaran ini menerima ganjaran paling tinggi di sisi Allah Subhanahu Wataala iaitu pahala berpuasa sepanjang masa.

REMAJA

RAMADAN yang penuh dengan keberkatan akan meninggalkan kita tidak lama lagi, namun banyak perkara harus kita hayati sepanjang kita melalui bulan Ramadan ini bukan setakat kita berpuasa menunaikan ibadah Rukun Islam yang ketiga namun kita mestilah mendalami apakah pengajaran besar yang terkandung di dalamnya. Di bulan ini terlalu banyak keberkatan dan nilai murni jika dihayati oleh setiap remaja belia pasti ia akan memberikan suatu rangsangan peribadi yang sangat menakjubkan. Sepanjang bulan Ramadan banyak pengajaran dan etika diri dapat dibentuk apatah lagi dalam mempersiapkan diri setiap remaja belia untuk menjadi aset yang berguna dan berdisiplin tinggi. Cuba kita hayati bersama di bulan Ramadan yang telah kita lalui ini kita diajar untuk menjadi hamba Allah yang dapat merasakan keinsafan diri terhadap mereka yang kurang bernasib baik, berbanding di tempat lain mereka kelaparan dan haus dahaga untuk mendapatkan makanan bagi menampung keperluan hidup seharian. Melalui berpuasa kita dilatih untuk mewujudkan sikap lebih berjimat cermat. Dengan berlapar seharian suntuk kita dapat merasakan penderitaan yang dirasakan oleh mereka yang kepayahan makan, dan dari sini akan terbentuk sikap diri yang prihatin dan rasa bertanggungjawab terhadap mereka yang memerlukan.

MEMBENTUK JATI DIRI

Sekali gus ini akan melatih diri remaja belia untuk lebih peka terhadap masyarakat sekeliling. Pengurusan waktu juga sangat indah terbentuk dalam suasana Ramadan ini,

bermula dengan makan sahur, berpuasa, salat, membaca Al-Quran, berbuka puasa dan menunaikan terawih dan witr, bertahajud semuanya menuju ke arah pengurusan waktu yang kemaskini dan terarah kepada suatu matlamat hidup perhambaan kepada Allah Yang Maha Berkuasa. Jika semua ini dijaga dengan rapi dan dilaksanakan dengan sempurna pembentukan jiwa dan diri remaja akan melahirkan seorang yang berkualiti dan mempunyai disiplin diri yang sangat tinggi. Cubalah bayangkan semua keperluan yang kita nyatakan tadi jika dihayati dengan sebaiknya akan memperkuatkan hubungan kita kepada Allah Subhanahu Wataala.

Jika ini ada pada diri setiap remaja belia insya Allah ia dapat dijadikan benteng yang dapat mengawal diri dari perlakuan yang tidak elok dan sempurna. Gejala lekap akan dapat dihilangkan, membuang masa akan dapat dikurangkan, taat mengerjakan salat akan dapat ditunaikan, mengetahui peranan terhadap keperluan masyarakat akan dapat dilaksanakan dan banyak lagi akan dapat dilakukan dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin dengan izin dan rahmat Allah.

Banyak hikmah yang sangat tinggi nilainya sepatutnya menjadi pakaian seharian kita apatah lagi kalau ini dimanfaatkan sebaiknya oleh kalangan remaja belia kita. Tidak dapat dinafikan bulan Ramadan inilah bulan pembentukan disiplin diri yang sangat kukuh diasuh dan sangat indah dihayati. Pelbagai disiplin diri terkandung di dalam masa menunaikan ibadah ini.

Bukan setakat menahan diri dari kelaparan, namun lebih jauh dari itu ia mengajak kita untuk muhasabah diri bagaimana sepatutnya kita membentuk kehidupan ini dengan lebih kemas dan sempurna. Dari berlapar, menahan diri dari perkara-perkara yang membatakn puasa hingga kepada menghiasi bulan Ramadan dengan pembacaan Al Quran, Salat Terawih, Tahajud, Tasbeih dan banyak lagi merupakan

hikmah yang memberikan pengajaran besar dalam membentuk diri peribadi kita.

BERDIKARI

Di saat ini juga kita melihat ketrampilan ramai remaja belia yang mencari rezeki dengan menjaja kuih-muih dan juadah berpuasa begitu menggalakkan yang sekali gus mengajar kita untuk berdikari dalam erti kata mencari rezeki yang halal di bulan yang penuh keberkatan melalui berniaga. Semua yang kita saksikan dan rasakan apatah lagi yang kita jalani merupakan kesan dari disiplin pembawaan di bulan yang penuh dengan kerahmatan ini.

Jika ini dapat dilaksanakan apatah lagi diri setiap remaja belia maka kita yakin akan terbentuk sikap diri yang sangat menarik dan bernilai tinggi. Semua kita merasakan dalam era yang ada sekarang cabaran yang terpaksa dilalui oleh kalangan remaja belia sangatlah getir, ia bukan sahaja pada perkara kecil malahan kepada soal-soal kehidupan yang lebih besar.

Arus perubahan dan keinginan remaja masa kini, terlalu mendesak untuk mengundangi kita berfikir bersama-sama. Pelbagai kenehan dan tiruan dapat kita lihat sendiri terutama sekali mengenai gaya mereka, fesyen rambut, pakaian, keolahan dan bermacam-macam lagi.

CABARAN PERUBAHAN

Ada kalanya perubahan mendadak ini mengundangi kita untuk menilai semua perubahan dan keadaan yang berlaku. Rata-rata yang terlibat secara langsung dengan pengaruh ini ialah kalangan remaja. Kenapa mereka menjadi sasaran, bukanlah merupakan persoalan yang akan diselesaikan, akan tetapi bagaimana ketahanan yang ada pada diri mereka. Terdapat banyak perkara yang menyumbang kepada mudahnya pengaruh ini meresap dan melekat di setiap diri individu remaja yang terkena serpihan pengaruh perubahan ini. Misalnya dalam menentukan arus kehidupan, memilih corak dan stail kehidupan, persiapan diri yang tidak dilengkapi de-

Oleh H.A. Manap

ngan pendidikan Islami, dan juga suka mengikut hati dan kehendak perasaan tanpa menilai natijah dari perangai terikut-ikut itu. Jika ini terkumpul maka akan kuat kehendak untuk menjadi pak turut kepada keadaan yang berligar.

Sebaliknya jika terdapat unsur persiapan diri yang kuat yang menjadi benteng, maka akan kukuh dan kental jiwa dari mudah terpengaruh oleh gejala perubahan sosial yang berlaku di sekeliling kita ini. Justeru mereka yang berjaya mengharungi kehidupan dan mampu bertahan dari pelbagai cabaran adalah tergolong mereka yang cemerlang. Banyak orang mahukan menjadi orang yang cemerlang, jadi orang cemerlang maknanya mempunyai kualiti diri yang tinggi nilainya. Bolehkah kita mencipta kecemerlangan itu? Mencipta kecemerlangan bukanlah merupakan suatu perkara yang mudah untuk dilakukan.

Ia memerlukan kecekapan daya fikir dan kemahiran yang tangkas untuk mencapai matlamat cemerlang. Oleh kerana kecemerlangan itu merupakan suatu yang berharga tentulah bagi mencapai ke arahannya memerlukan banyak perkara.

MEMBINA IMEJ DIRI

Orang cemerlang adalah mereka yang mampu bertahan dari arus perubahan dan nilai-nilai dan pengaruh sosial yang negatif. Kerana ketahanan yang kuat terbentuk dari disiplin yang kukuh dan berkualiti makanya apa pun arus perubahan berlaku ianya tidak sedikit pun menjejaskan perubahan diri. Berpuncu dari keadaan inilah akan terbentuk imej diri yang berwibawa dan berkualiti. Imej merupakan faktor penting dalam berperanan untuk mewujudkan kecemerlangan diri seseorang. Imej itu sendiri dapat dibentuk melalui kehendak naluri peribadi pemakainya.

Oleh kerana imej merupakan laluan kecemerlangan maka ia secara sendiri terbentuk dalam dua

Mempertahankan remaja dari nilai cedukan

keadaan iaitu imej positif dan imej negatif. Dua keadaan ini saling pengaruhi dan mempengaruhi antara diri seseorang dan orang lain.

Membentuk imej positif dapat mewujudkan penerimaan masyarakat, mudah dihargai sekali gus mendapatkan pengesahan dan memantapkan diri seseorang. Sementara imej negatif pula mempunyai rantaian yang mewujudkan penolakan masyarakat, tidak dihargai, tidak diiktiraf masyarakat. Imej positif ini merupakan tanggapan awal bagi diri seseorang. Orang lain akan membuat penilaian dari ketrampilan awal yang kita tonjolkan.

Kerana itu ia akan melibat bagaimana diri seseorang tersebut menghadapi keadaannya. Misalnya yang akan tampil ke hadapan untuk lebih ketara ialah bagaimana ketrampilan dirinya, nilai harga dirinya setinggi mana, adakah juga merupakan seorang yang bersih, sopan, penyantun, memiliki unsur pergaulan yang berwibawa dan menarik.

Lebih jauh dari itu fizikal dan kesihatan juga diambil kira dalam usaha menampilkan diri ini, bagaimana pendiriannya berlaku, adakah kesabaran merupakan pakaian kehidupannya atau adakah seseorang itu sentiasa tenang dan tidak gopoh dalam menghadapi sesuatu keadaan yang tiba-tiba meledak tanpa diundang. Sama ada keadaan rumit ataupun sebaliknya.

RESIPI CEMERLANG

Resipi untuk mewujudkan imej yang cemerlang sememangnya banyak untuk diadun, ia banyak bergantung bagaimana bijak seseorang itu mengendalikan kehidupannya. Keimanan dan ketakwaan perlu diberikan perhatian yang serius dan tidak diambal ringan. Cara berpakaian dan pemilihannya juga tidak kurang untuk diambil kira. Misalnya warna, stail, pengolahan diri, memilih kawan yang sesuai, cara berkomunikasi yang menarik, memahami suasana sekeliling dan kehendak semasa juga merupakan resipi yang

boleh menunjang ke arah kecemerlangan diri seseorang itu. Kerana itu pembentukan imej merupakan modal untuk mewujudkan kecemerlangan diri, apatah lagi bagi diri setiap remaja belia.

Jika kita berjaya melahirkan yang positif dan kreatif, insya Allah akan tercipta kecemerlangan asalkan kita mampu mewujudkan cara dan persembahan diri yang menarik dan berwibawa. Imej juga merupakan mesej awal yang dipancarkan dalam memberikan isyarat kepada orang ramai, kawan-kawan dan sebagainya. Kerana seseorang yang dilihat melalui penampilan awal pertemuannya akan banyak dinilai melalui apa yang ada pada dirinya. Jika ia mampu memperlihatkan nilai yang tinggi dan memancarkan kewibawaan nescaya nilai dan kualiti diri itulah yang menjadi sandaran asas pada penilaian orang yang ditemui, akan tetapi jika sebaliknya maka tanggapan sejauh mana kredibiliti diri yang ditemui itulah tahap yang menjadi asas dan sandaran nilai.

Imej yang menarik akan lahir dari bagaimana bijaknya seseorang menilai keadaan sekeliling yang diadun dengan ilmu dan kemahiran yang ditambah dengan sikap diri mahu belajar dan mudah menerima teguran secara terbuka, insya Allah kalau ini dijana kita pasti menjadi orang yang cemerlang dengan imej yang menarik dan berwibawa. Jika sebaliknya kita akan melihat kalangan remaja belia kita akan menjadi mangsa kepada nilai diri yang tidak berkualiti dan merupakan sasaran yang mudah menerima pengaruh.

PERANAN KITA TERHADAP REMAJA BELIA

Bagaimanakah kita dapat berperanan dalam membantu remaja belia untuk kembali kepada jati diri sebenarnya? Kita perlu sama-sama bergerak dan berperanan dalam menangani isu-isu sosial yang berlaku di kalangan remaja dan belia.

Tentulah kita 'bukan setakat' menjadi passenger tetapi juga sebagai 'decid-

ing factor' yang membawa kepada perubahan sosial yang positif. Memang banyak yang akan merasakan bahawa tidak ada salahnya kalau kita cuma menceduk dari suasana perubahan kehidupan yang dialami oleh mereka yang mengamalkan nilai-nilai yang tidak seimbang dengan kita. Justeru itu pemahaman keliru timbul bagaimana hala tuju perlu dibina. Islam datang membawa perubahan dan perkembangan yang sungguh indah. Islam mendidik kalangan remaja sebagai 'role model' yang sangat kukuh dan mantap.

Banyak contoh-contoh menarik di kalangan remaja dan belia di zaman baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang menjadi 'role model' dan teladan yang mengagumkan. Mereka kukuh dan kental dalam menghadapi cabaran besar di hadapannya, tidak mudah goyah dalam mengharung pertarungan demi 'survival' syiar Islam yang dibawa dan dipimpin oleh Baginda Rasulullah. Sesuai dengan kedatangan Rasulullah dan Baginda mengakui sendiri dalam sabdanya:

"*Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.*"

Ya, akhlak yang mulia itulah yang dijadikan pakaian umat Islam dahulu dan sekarang. Dan itulah yang akhirnya menjadi budaya umat Islam yang disegani oleh dunia di zaman awal Islam dan hingga kini. Kini, kita mula menghadapi dilema dengan kekhuatiran bila generasi remaja dan generasi belia kita menjauhkan diri dari memahami dan menghayati secara mendalam nilai-nilai murni dan keindahan akhlak Islam itu sendiri, tidak mahu mengamalkan ajaran Islam secara total dan berakhlak Islam sepenuhnya.

Justeru kalau kita mahu melihat generasi belia remaja yang cemerlang, kita perlu kembali kepada nilai-nilai murni dan indah yang terdapat dalam Islam itu sendiri. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, merupakan contoh teladan yang sangat indah untuk dicontohi yang

merupakan contoh pada keseluruhan kehidupan yang meliputi segenap perkara yang menggariskan nilai-nilai tinggi dan kualiti yang terbaik untuk kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Firman Allah yang tafsirnya: "*Sesungguhnya pada diri Rasulullah itu contoh teladan yang baik.*" Firman Allah lagi, "*Apa-apa yang dibawakan oleh Rasulullah maka ambillah.*"

Rasulullah adalah model utama yang mesti dicontohi, kemudian para sahabat. Setelah itu para tabie, ulama-ulama dan orang-orang salih. Kita yakin jika kita semua melihat kepada ini tentu kita akan berjaya melahirkan generasi belia, yang cemerlang dengan sebaiknya. Semuanya ada pada diri kita untuk menggerakkan pencapaian ini, semuanya bergantung kepada bagaimana cara kita mengambil iktibar dan menghayati kehidupan ini. Kerana itu bulan Ramadan yang akan berlalu biarlah menjadi pendorong dan pembentuk diri ke arah yang lebih baik dan sempurna.

Kita perlu menjadikan sebagai bulan yang membentuk nilai dan akhlak diri yang karimah, biarlah segala pengajaran yang terkandung di dalamnya menjadi asas dalam menjadikan kita remaja belia mampu melalui kehidupan dengan lebih baik dan sempurna yang bersendikan kekuatan beragama dan mempunyai nilai penghayatan yang berkualiti tinggi.

Jika ini dapat diciptakan dalam diri setiap kita maka akan lahir generasi remaja belia yang kukuh dan menjadi aset penting untuk dikembangkan menjadi pelaburan yang akan menguntungkan agama, masyarakat dan negara kita.

Akhirnya jika kita kembali menghayati dan memahami secara mendalam betapa indah dan murninya contoh yang ada di dalam Islam dan yang dibawa oleh Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, tentu kita akan merasakan kemanisan dan kelazatan iman yang terbentuk daripadanya.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Hari Raya lambang perpaduan

SETELAH melepasi tempoh masa berpuasa Ramadan sebulan lamanya, hari yang bakal menjelang tiba dan sentiasa dinantikan ketibaannya oleh seluruh umat Islam ialah Hari Raya atau Hari Lebaran di bulan Syawal. Bahang untuk menyambut suasana Hari Raya lazimnya akan dapat dirasai di saat-saat minggu terakhir bulan Ramadan lagi. Manakala, kerianan bagi menyambut Hari Lebaran pula hanya akan lebih bermakna sekiranya kita dapat menyempurnakan ibadah puasa sebulan penuh lamanya.

Umat Islam seluruhnya merayakan sambutan Hari

Raya dengan suasana sewajarnya seperti yang dianjurkan serta digariskan oleh landasan Islam. Bahkan cara merayakan Hari Raya dibolehkan untuk diseragamkan mengikut amalan, tradisi serta budaya masing-masing asalkan sama sekali tidak bercanggah serta terpesong daripada akidah dan syariah. Oleh demikian, tidak dapat dinafikan memang ada jurang perbezaan agak besar dari pelbagai sudut terutama cara sambutan Hari Raya diraikan kerana melibatkan berlainan bangsa yang seagama.

Namun kini, perbezaan cara sambutan dalam merayakan Hari Raya bukan lagi merupakan satu per-

kara remeh-temeh yang harus kita persoalkan. Sebaliknya, perlu diterapkan bahawa setiap kali tiba musim keraian Hari Raya di bulan Syawal merupakan anugerah iaitu sebagai lambang perpaduan seluruh ummah yang turut mengundang bersama seribu satu macam kelebihan dan kebaikan.

Pendek kata, Hari Raya yang juga merupakan simbol kemenangan umat Islam sejagat iaitu setelah mengharungi bermacam-macam dugaan dan pahit getir ketika melaksanakan amalan ibadah puasa adalah lebih menjuruskan kepada balasan serta kurniaan Allah Subhanahu Wataala kepada para

hamba-Nya yang salih. Ini adalah kerana tiba sahaja Hari Raya senario kunjung-mengunjungi sanak-saudara, jiran tetangga, rakan taulan, insan seagama tetap berlangsung malahan telah menjadi satu amalan. Situasi sedemikian membuktikan sambutan Hari Raya sama seperti keraian hari kebesaran lain, lebih-lebih lagi yang seagama walaupun berlainan bangsa atau sebaliknya tetap menitikberatkan konsep perpaduan semata-mata.

Bagi umat Islam seluruhnya iaitu merangkumi di merata-rata pelusuk tempat setiap kali sambutan Hari Raya diraikan nilai-nilai luhur dan murni

terdapat dilihat. Meski pun Hari Raya merupakan salah satu daripada hari-hari kebesaran dalam takwim Islam khusus diraikan selepas sempurnanya puasa di bulan Ramadan, kemeriahan menyambut Hari Raya turut dikongsi bersama dengan orang yang bukan seagama. Dengan erti kata lain, sambutan Hari Raya mendasari etika kerukunan manusia sejagat.

Senario sedemikian lazimnya kelihatan tiba menjelang 1 Syawal. Rata-rata bagi individu yang berkemampuan tidak lupa mengadakan majlis-majlis kesyukuran dengan menjemput kenalan mahupun jiran-jiran. Tidak mengira

bangsa atau agama. Di sinilah, betapa hari kebesaran sambutan Hari Raya diraikan bukan sekadar untuk menjamu para tetamu yang datang berkunjung dengan pelbagai juadah atau hidangan. Sebaliknya, Hari Raya diraikan berlandaskan konsep amal ibadah iaitu untuk mengeratkan hubungan tali persaudaraan dan tali silaturahmi. Bahkan, setiap kali sambutan Hari Raya diraikan banyak kebaikan dan keberkatan yang diperolehi di antaranya berupaya mendekatkan yang jauh serta merapatkan dan memanipulasi lagi hubungan sedia terjalin.

Dari itu, setiap kali tibanya Hari Raya sebagai lambang kemenangan dalam melaksanakan puasa di bulan Ramadan sewajarnya ditekadkan nilai-nilai sebenar makna Hari Raya. Hari Raya lebih daripada sekadar merayakan satu bentuk perayaan bermusim bahkan sebaliknya Hari Raya merupakan titik-tolak perpaduan ummah sejagat dalam menjaga keluhuran syiar Islam di sepanjang zaman.

Maseri Haleh Kalthum binti Haji Akif,
No. 54, Jalan Pangkalan Pinang, Kampong Penanjong, TA 2741.
No. k/p : 263080

Eratkan hubungan silaturahmi

HARI RAYA disambut setahun sekali setelah satu bulan lamanya kita berpuasa. Hari Raya adalah merupakan hari kemenangan bagi umat Islam yang telah berjaya menunaikan Rukun Islam yang ketiga iaitu berpuasa Hari Raya disambut dengan gembiranya oleh semua umat Islam dan untuk menyatakan rasa syukur ke hadirat Allah Subhanahu Wataala sembahyang sunat Hari Raya secara berjemaah diadakan di setiap masjid-masjid dan surau-sarau. Salam bersalaman dan

bermaafan dan ziarah-menziarahi adalah merupakan tradisi turun-temurun yang sering dilakukan oleh semua golongan.

Terbuka untuk semua golongan masyarakat tidak kira kecil besar, tua dan muda serta bangsa dan agama. Di Hari Raya inilah dapat mengeratkan tali silaturahmi di antara semua umat Islam.

Hari Raya adalah lambang perpaduan sesama ummah. Pada masa ini perpaduan sesama ummah dapat dibentuk dalam suasana berhari raya. Di

antara perpaduan yang dapat dilihat dalam suasana hari raya ialah kemesraan sesama ummah, beramah mesra di antara satu sama lain dan sebagainya.

Perpaduan yang dinyatakan dapat dilihat apabila menziarahi kubur kaum keluarga yang telah kembali ke rahmatullah. Di mana pada masa inilah kita bersempak dan bermuafakat dan bersama-sama membacakan Surah Yaasiin dan Surah Al-Faatihah untuk disedekahkan kepada mereka yang telah pergi. Kesepakatan dan kemuafakatan inilah lambang keteguhan dan perpaduan yang sememangnya telah sedia wujud di dalam

diri setiap insan.

Kunjung mengunjungi dan ziarah-menziarahi dapat mempereratkan lagi tali silaturahmi yang sememangnya telah sedia terjalin baik. Di samping mengeratkan tali silaturahmi dapat bertemu muka dengan sanak-saudara dan pada masa ini adalah masa yang sesuai untuk memperkenankan kepada para generasi baru, siapa kaum keluarga mereka?

Ada juga yang akan menjemput semua sanak-saudara, handai taulan hadir ke rumah terbuka yang disediakan oleh tuan rumah. Ini adalah bagi kemudahan kaum keluarga untuk ber-

kunjung dan berziarah di antara satu sama lain, di samping dapat mengenali dan berkenalan dengan ahli keluarga di pihak yang lain. Perhubungan yang sememangnya sudah sedia erat semakin bertambah erat dengan adanya kunjungan seumpama ini.

Perpaduan yang dimaksudkan bukan sahaja untuk umat Islam sahaja tetapi juga dengan masyarakat yang berlainan agama. Dari amalan dan tradisi yang sering kita amalkan inilah yang dapat mempereratkan lagi tali silaturahmi di antara kita. Perpaduan sebeginilah yang diharapkan oleh agama kita iaitu ugama Islam, ber-

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Hari Raya Lambang Perpaduan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

satu padu dalam segala hal dan dalam erti kata ringkas sama dijinjing, berat sama dipikul.

Hari Raya merupakan lambang perpaduan bagi semua umat Islam yang telah menjalankan ibadah puasa selama satu bulan lamanya. Hari Raya merupakan hari kemenangan bagi semua umat Islam.

Yang jauh didekatkan dan yang didekatkan dekatkan lagi agar perhubungan persaudaraan, kekeluargaan dan persahabatan akan lebih bertambah erat.

Kamsiah binti Haji Kahar,
No. 60, Simpang 40, Kampong Sungai Akar, BC 3915.
No. k/p : 252597

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Perbelanjaan Persekolahan - Buat Pembelian Lebih Awal'. Tarikh tutup 14 Disember 2002.
2. 'Musim Persekolahan Semua Serba Baru'. Tarikh tutup 21 Disember 2002.
3. 'Kerana Generasi Baru Masuk Alam Persekolahan'. Tarikh tutup 28 Disember 2002.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

Ziarah-menziarahi mengeratkan kekeluargaan

UMAT Islam di seluruh dunia termasuk Negara Brunei Darussalam akan menyambut dan merayakan hari lebaran, Hari Raya Aidilfitri. Walaupun ianya hanya datang sekali dalam setahun, Hari Raya Aidilfitri merupakan sambutan yang diraikan secara besar-besaran oleh umat Islam di Negara Brunei Darussalam. Sekalipun lambaian dan kegembiraan Aidilfitri kita terasa, namun umat Islam di negara ini tetap terus berlumba-lumba mengagungkan dengan merebut peluang mengerjakan amal ibadah serta amalan kebajikan di bulan Ramadan ini. Yang pasti, Ramadan yang mubarak akan melabuhkan tirainya setelah menguji umat Islam berlajar dan berdagang kerana menjalani ibadah puasa.

Seperti kelazimannya di negara ini, Hari raya Aidilfitri akan diraikan bermula satu Syawal dengan sambutan

an yang cukup meriah dan penuh kesyukuran. Laungan takbir dan tahmid memuji kebesaran Allah akan kedengaran di malam dan pagi Syawal selaku menyingkap tirai sambutan. Maka ketika inilah masanya peluang kita memohon kemaafan terutama kepada kedua orang tua, keluarga serta sahabat handai, di samping dihalalkan makan dan minum di siang hari. Hari Raya Aidilfitri merupakan nikmat dan kurnia dari Allah Subhanahu Wataala kepada hamba-Nya. Ianya adalah hari kemenangan bagi umat Islam setelah selesai menjalani ibadah puasa di bulan Ramadan. Selain itu, Hari Raya Aidilfitri adalah wadah bagi mengukuhkan perpaduan ummah iaitu umat Islam khususnya, bahkan ianya ialah dari perpaduan untuk semua lapisan peringkat baik golongan bangsawan mahupun rakyat jelata. Malah satu cara bagi masyarakat per-

asaan setia kawan perpaduan itu ialah golongan yang berada akan dapat membantu meringankan beban orang-orang yang melarat. Hal ini dapat dilihat melalui tuntutan syarak yang merupakan salah satu daripada Rukun Islam yang lima iaitu zakat sama ada zakat fitrah mahupun zakat harta. Pahala puasa Ramadan tidak akan diangkat ke langit untuk diperlihatkan Allah melainkan apabila seseorang yang berpuasa itu mengeluarkan zakat.

Dalam memeriahkan suasana Hari Raya Aidilfitri, sudah menjadi adat kebiasaan atau tradisi kita menyambut dengan ziarah-menziarahi, kunjung-mengunjungi dan bermaafan kepada sahabat handai, kaum kerabat, rakan taulan dan jiran tetangga sebagai tanda persaudaraan serta mengeratkan dan menguatkan lagi ikatan silaturahmi. Ziarah merupakan amalan yang dituntut dan

dianjurkan oleh Islam untuk mengukuhkan perpaduan dan menjalinkan kasih sayang antara satu sama lain. Alangkah indahnya jika ziarah itu dilakukan semata-mata untuk memenuhi tuntutan agama dan menghidupkan amalan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Suasana Hari Raya lebih meriah lagi apabila setiap orang mengikuti dan menjaga ada serta akhlak ketika berziarah supaya wujud suasana baik dan harmoni. Amalan maaf bermuafakan juga bukan hanya menanti bila Hari Raya akan tetapi sewajarnya dilakukan dengan seberapa segeranya demi mengukuhkan ikatan persaudaraan agar terus menjadi erat dan mesra.

Di samping itu dalam kita menjalani suasana Hari Raya Aidilfitri, janganlah sampai kita terlupa untuk menunaikan kewajipan-kewajipan asasi kita terutama kewajipan terhadap Allah Subhanahu

Wataala. Kerana terlalu asyik berkunjung ke rumah saudara-mara dan menonton hiburan maka kita terlupa untuk menunaikan ibadah sembahyang. Hal ini bukanlah satu perkara yang mustahil malah ianya pernah berlaku. Tepuk dada jangan tanya selera tapi tanyalah pada hati.

Sehubungan itu, kita haruslah mengisi kerianan Hari Raya Aidilfitri itu dengan berbilang-banyak bersyukur. Hendaknyalah keberkatan bulan Ramadan dan kemeriahan Aidilfitri akan terus menjadikan kita sentiasa tabah, waspada dan tekun menghadapi cabaran-cabaran hidup di masa mendatang.

Haji Shahwardy bin Haji Hamdan,
No. 872, Kampong Sungai Belukut, Km 9, Jalan Kota Batu, BD 2117.
No. k/p : 264155

ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1423H/BERSAMAAN 2002M

ADALAH dimaklumkan kepada umat Islam di Negara Brunei Darussalam bahawa :

1. Menurut Mazhab Syafie, zakat fitrah hanya sah dikeluarkan daripada makanan yang biasa dimakan oleh penduduk sesebuah negeri itu. Di Negara Brunei Darussalam beras adalah makanan yang biasa dan asasi dimakan oleh penduduknya.
2. Ada dua jenis beras yang menjadi makanan biasa dan asasi bagi penduduk Negara Brunei Darussalam iaitu Beras Wangi dan Beras Siam. Kedua-dua harga beras ini telah ditetapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
3. Menurut Mazhab Hanafi, sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan nilai wang.
4. Oleh kerana ada dua jenis beras yang menjadi makanan biasa dan asasi bagi penduduk di negara ini, maka Zakat Fitrah bagi tiap-tiap seorang Islam di negara ini bagi tahun 1423H bersamaan 2002 M ialah 2 kilo 268 gram atau dengan nilai wang seperti berikut :
(i) jika Beras Wangi \$2.84 (ii) jika Beras Siam \$1.93
(Dengan nilai wang ini bertaklid kepada Mazhab Hanafi).
5. Adalah harus yakni sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan salah satu kategori beras (Beras Wangi atau Beras Siam).
6. Dalam pada itu, sesiapa juga yang suka dari kalangan mereka yang memakan Beras Siam dan lebih-lebih lagi yang menjadi makanan biasanya ialah Beras Wangi adalah afdal baginya mengeluarkan Zakat Fitrahnya itu dengan Beras Wangi berdasarkan ukuran mutu bagi satu qaul adalah pada harganya, iaitu sebagai berlemah lembut dan tanda belas kasihan kepada orang-orang miskin.
7. Zakat Fitrah wajib dikeluarkan mulai masuk matahari akhir bulan Ramadan (malam Hari Raya Aidilfitri) hingga imam mendirikan Sembahyang Sunat Hari Raya. Dalam pada itu adalah harus Zakat Fitrah dikeluarkan sebelum waktu tersebut iaitu dari awal bulan Ramadan (puasa).

ADALAH dimaklumkan kepada umat Islam di Negara Brunei Darussalam bahawa :

1. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksud "Tidak dikenakan ke atasmu apa-apa (Zakat) sehingga sampai dua puluh dinar. Jika kamu memiliki dan sampai halnya, maka padanya (Zakat) setengah dinar." (Hadis riwayat Abu Daud dan Baihaqi). "1/2 dinar itu adalah 1/40 (2.5%) daripada 20 dinar. Berdasarkan kiraan sekarang 20 dinar (mitsqal) emas itu bersamaan dengan 85 gram emas."
2. Jumhar ulama fiqh telah mengatakan wajib zakat pada matawang (banknote). Banknote tersebut telah menggantikan matawang emas dan perak yang digunakan oleh orang-orang Arab terdahulu dalam berurus niaga sebelum kedatangan Islam. Matawang emas dikenali sebagai dinar dan matawang perak sebagai dirham.
3. Mengenai dengan kadar zakat harta (wang simpanan), maka Majlis Ugama Islam Brunei telah menetapkan bahawa kadar nisab zakat harta (wang simpanan) sekarang adalah \$1,759.50 iaitu berdasarkan 85 gram harga pasaran emas 21 karat berharga \$20.70 satu gram (85 gram emas x \$20.70 = \$1,759.50). Kadar nisab ini bermula pada 14 Syaaban, 1413H bersamaan 21 Oktober, 2002M.
4. Memandangkan nilai emas boleh berubah dari masa ke semasa dengan sebab perubahan turun naik harga emas di pasaran, maka kadar nisab zakat harta (wang simpanan) akan berubah mengikut pasaran harga emas. Perkara mengenai perubahan kadar nisab zakat harta (wang simpanan) ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa oleh pihak Majlis Ugama Islam Brunei.
5. Zakat harta bagi matawang (wang simpanan) wajib dikeluarkan setahun sekali (mengikut kiraan Hijrah) oleh setiap orang Islam yang telah mencukupi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

BAYARAN ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1423H BERSAMAAN 2002M (NILAIAN BERAS)

BIL.	RAMAI ORANG	ZAKAT FITRAH YANG WAJIB DIKELUARKAN	
		KILO	GRAM
1.	Seorang	2	268
2.	2 orang	4	536
3.	3 orang	6	804
4.	4 orang	9	72
5.	5 orang	11	340
6.	6 orang	13	608
7.	7 orang	15	876
8.	8 orang	18	144
9.	9 orang	20	412
10.	10 orang	22	680
11.	11 orang	24	948
12.	12 orang	27	216
13.	13 orang	29	484
14.	14 orang	31	752
15.	15 orang	34	20
16.	16 orang	36	288
17.	17 orang	38	556
18.	18 orang	40	824
19.	19 orang	43	92
20.	20 orang	45	360
21.	21 orang	47	628
22.	22 orang	49	896
23.	23 orang	52	164
24.	24 orang	54	432
25.	25 orang	56	700
26.	26 orang	58	968
27.	27 orang	61	236
28.	28 orang	63	504
29.	29 orang	65	772
30.	30 orang	68	40

BAYARAN ZAKAT FITRAH BAGI TAHUN 1423H BERSAMAAN 2002M (NILAIAN WANG)

BIL.	RAMAI ORANG	ZAKAT FITRAH YANG WAJIB DIKELUARKAN	
		BERAS SIAM	BERAS WANGI
1.	Seorang	\$1.93	\$2.84
2.	2 orang	\$3.86	\$5.68
3.	3 orang	\$5.79	\$8.52
4.	4 orang	\$7.72	\$11.36
5.	5 orang	\$9.65	\$14.20
6.	6 orang	\$11.58	\$17.04
7.	7 orang	\$13.51	\$19.88
8.	8 orang	\$15.44	\$22.72
9.	9 orang	\$17.37	\$25.56
10.	10 orang	\$19.30	\$28.40
11.	11 orang	\$21.23	\$31.24
12.	12 orang	\$23.16	\$34.08
13.	13 orang	\$25.09	\$36.92
14.	14 orang	\$27.02	\$39.76
15.	15 orang	\$28.95	\$42.60
16.	16 orang	\$30.88	\$45.44
17.	17 orang	\$32.81	\$48.28
18.	18 orang	\$34.74	\$52.12
19.	19 orang	\$36.67	\$55.96
20.	20 orang	\$38.60	\$59.80
21.	21 orang	\$40.53	\$63.64
22.	22 orang	\$42.46	\$67.48
23.	23 orang	\$44.39	\$71.32
24.	24 orang	\$46.32	\$75.16
25.	25 orang	\$48.25	\$79.00
26.	26 orang	\$50.18	\$82.84
27.	27 orang	\$52.11	\$86.68
28.	28 orang	\$54.04	\$90.52
29.	29 orang	\$55.97	\$94.36
30.	30 orang	\$57.90	\$98.20

KADAR BAYARAN ZAKAT HARTA (WANG)

HARTA	BAYARAN ZAKATNYA
\$1,759.50	\$43.98
\$2,000.00	\$50.00
\$3,000.00	\$75.00
\$4,000.00	\$100.00
\$5,000.00	\$125.00
\$6,000.00	\$150.00
\$7,000.00	\$175.00
\$8,000.00	\$200.00
\$9,000.00	\$225.00
\$10,000.00	\$250.00
\$20,000.00	\$500.00
\$30,000.00	\$750.00
\$40,000.00	\$1,000.00
\$50,000.00	\$1,250.00
\$60,000.00	\$1,500.00
\$70,000.00	\$1,750.00
\$80,000.00	\$2,000.00
\$90,000.00	\$2,250.00
\$100,000.00	\$2,500.00
\$200,000.00	\$5,000.00
\$300,000.00	\$7,500.00
\$400,000.00	\$10,000.00
\$500,000.00	\$12,500.00
\$600,000.00	\$15,000.00
\$700,000.00	\$17,500.00
\$800,000.00	\$20,000.00
\$900,000.00	\$22,500.00
\$1,000,000.00	\$25,000.00
\$2,000,000.00	\$50,000.00
\$3,000,000.00	\$75,000.00
\$4,000,000.00	\$100,000.00
\$5,000,000.00	\$125,000.00

Kadar Timbangan Zakat Emas bermula = 85 gram emas

Kadar Timbangan Zakat Perak bermula = 595 gram perak

NOTE :

* Kadar nisab zakat harta yang dinyatakan di atas adalah bermula pada 14 Syaaban, 1423 bersamaan dengan 21 Oktober 2002.

* Kadar nisab zakat harta ini akan berubah dari masa ke semasa mengikut pasaran harga emas. Perkara ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa oleh pihak Majlis Ugama Islam Brunei

KERAMAIAN AMIL-AMIL DAN KAWASAN-KAWASAN BAGI SELURUH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1423H-2002M

DAERAH-DAERAH	KERAMAIAN AMIL	KAWASAN
BRUNEI/MUARA	152 ORANG	79
BELAIT	22 ORANG	12
TUTONG	38 ORANG	29
TEMBURONG	16 ORANG	10
JUMLAH	228 ORANG	130

NOTE :

Kawasan Brunei/Muara terbahagi kepada (3) bahagian iaitu :-

BAHAGIAN	AMIL	KAWASAN
1. Bandar Seri Begawan -	12 orang	5
2. Kampong Ayer -	23 orang	16
3. Luar Bandar & Pendalaman -	117 orang	58
JUMLAH :	152 orang	79

Lihat muka 8

NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

Dari muka 7

BAGI KAWASAN BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI

Bil.	Kawasan	Nama Amil	Tempat Membayar
1.	Bolkiah Kem dan Sekitarnya (yang bukan terdiri daripada ABDB dan keluarganya).	YM Pehin Khatib Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abd Hamid	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
2.	Istana Edinburgh	YM Pehin Khatib Haji Emran bin Haji Kunchang	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
3.	Jalan Perayaan		
4.	Jalan Merdeka		
5.	Jalan Bahagia		
6.	Jalan Rakis		
7.	Perumahan Pegawai-Pegawai Kerajaan Airport Lama	YM Pehin Khatib Awang Haji Metassan bin Haji Tahir.	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
8.	Kedai-Kedai BSB		
9.	Jalan Residency	YM Mudim Awang Haji Metassim bin Haji Metussin.	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
10.	Barrek Hospital		
11.	Pusar Ulak		
12.	Jalan Maharaja Lela		
13.	Batu 1 Jalan Tutong hingga simpang	YM Mudim Awang Haji Amran bin Haji Mohd. Salleh.	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
14.	Istana Darul Hana		
15.	Jalan Telepok		
16.	Jalan Melabau		
17.	Jalan Temenggong		
18.	Dari simpang Jalan Gadong hingga Jambatan Gadong	YM Mudim Awang Haji Mat Salleh bin Haji Damit.	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
19.	Jalan Kumbang Pasang	YM Mudim Awang Haji Ahmad Kasra bin Haji Ibrahim	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
20.	Jalan Ong Sum Ping		
21.	Jalan Jawatan Dalam	-do-	Di Masjid Omar Ali Saifuddin
22.	Jalan Mabohai		
23.	Jalan Sekolah		
24.	Jalan Dato Marsal		
25.	Workshop JKR		
26.	Jalan Lintang		
27.	Jalan Simpang Sekolah	-do-	-do-
28.	Jalan Padang		
29.	Jalan Dato Taib		
30.	Jalan Dato Isa		
31.	Jalan Tasek		
32.	Jalan Tasek Lama hingga Terrace Hotel		
33.	Jalan Stoney	-do-	-do-
34.	Jalan Dato Ibrahim		
35.	Jalan Istana Darussalam		
36.	Kg. Pengiran Pemancha Lama		
37.	Kg. Sungai Kedayan A dan B		
38.	Kampung Kianggeh dan sekitarnya		
39.	Kg. Ujong Tanjong		
40.	Kg. Kuala Sg. Peminyak	-do-	-do-
41.	Kg. Ujong Bukit		
42.	Kg. Limbongan		
2.	BANDAR SERI BEGAWAN 'B' Mengandungi: a) Simpang Istana Darul Hana hingga ke Kilometer 6 Jalan Tutong. b) Kg. Telanai c) Kg. Medewa	Awang Haji Ibrahim bin Mohd Salleh (Ketua Kampung Medewa/Telanai)	Di rumah Amil
3.	BANDAR SERI BEGAWAN 'C' Mengandungi: a) Istana Nurul Iman b) Istana Darul Hana dan sekitarnya c) Hijau Baiduri d) Kg. Bandong	YMPehin Bendahari Haji Awang Abu Bakar bin Pehin Orang Kaya Udana Laila Dato Paduka Haji Omar	Di Surau Istana
4.	BANDAR SERI BEGAWAN 'D' Mengandungi: a) Balai Bomba Bandar Seri Begawan Brunei (Khas untuk Pegawai dan Kakitangan serta keluarganya)	YM Awang Hj Tamin bin Yusof (Penguasa Perkhidmatan Bomba)	Surau Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Lapangan Terbang Lama Berakas, Brunei
5.	a) Polis Diraja Kawasan Gadong dan kawasan Polis Simpanan (Ibu Pejabat Polis Diraja Gadong) b) Polis Diraja (Ibu Pejabat Polis Diraja Daerah Brunei-Muara dan keluarga mereka sahaja) c) Kawasan Polis Kawalan Diraja	YM Awang Haji Abdullah bin Haji Karim, (Imam Surau Polis, Gadong) Hj. Jabidin bin Hj. Dullah -do-	Di Surau Polis Gadong - do - -do-

BAGI KAWASAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA

Bil.	Kawasan	Nama Amil	Tempat Membayar
1.	a) Kg. Bakut Pengiran Siraja Muda 'A' b) Kg. Bakut Pengiran Siraja Muda 'B' c) Kg. Bakut Berumpit	Pengiran Bakar bin Pg Ahmad. (Ketua Kampung Bakut Siraja Muda 'A')	Di Rumah Amil
2.	a) Kampung Bukit Salat b) Kampung Sumbiling Lama	Awang Haji Osman bin Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Haji Musa (Ketua Kampung Sumbiling Lama/ Bukit Salat)	Di Rumah Amil
3.	Masjid Kampung. Tamoi a) Kg. Pengiran Bendahara Lama b) Kg. Pengiran Tajuddin Hitam c) Kg. Tamoi Tengah d) Kg. Tamoi Hujung e) Kg. Pengiran Kerma Indera Lama.	Awang Haji Daud bin Hj. Abd Kadir (Imam Masjid Kampung Tamoi) Awang Haji Sabtu bin Haji Abdullah. (Imam Masjid Kampung Tamoi) Awang Haji Abd Rahman bin Yunus (Guru Ugama Kontrak)	Di Masjid Kampung Tamoi
4.	a) Kg. Burong Pinggai Ayer b) Kg. Singkirap	Awang Haji Kamis bin Nasir (Bilal Masjid Pehin Datu Imam Haji Abdul Mokti)	-do-
5.	Kg. Lurong Dalam	Awang Haji Abu Bakar bin Haji Chuchu (Ketua Kampung)	-do-

Bil.	Kawasan	Nama Amil	Tempat Membayar
6.	a) Kg. Sungai Pandan 'A' b) Kg. Sungai Pandan 'B'	*Awang Bahrom bin Pgh. Haji Abdullah Sani (Bilal Balai Ibadat Kg. Sungai Pandan)	Di Balai Ibadat Kg. Sungai Pandan
7.	a) Kg. Pandai Besi 'A' b) Kg. Pandai Besi 'B'	Pengiran Haji Ayub bin Pg. Sulaiman (Ketua Kampung)	Di Rumah Amil.
8.	a) Kg. Pekan Lama b) Kg. Pengiran Setia Negara	Pengiran Hj Halus bin Pg. Haji Kadar (Ketua Kampung)	Di Rumah Amil
9.	Kampung Lurong Sikuna	Awang Haji Ahmad bin Haji Bujang (Ketua Kampung)	Di Rumah Amil
10.	Kampung Saba: a) Kg. Saba Darat 'A' b) Kg. Saba Darat 'B' c) Kg. Saba Laut d) Kg. Saba Tengah e) Kg. Saba Ujong	*Awang Haji Mohd Afdzillah bin Haji Mohd Yusof (Imam Bali Ibadat Kg. Saba) Awang Haji Junaidi bin Haji Yahya (Bilal Balai Ibadat Kg. Saba)	Di Balai Ibadat Kampung Saba
11.	a) Kg. Pekilong Muara b) Kg. Setia Pahlawan	Awang Hj Meraji bin Penglima Raja Dato Paduka Hj Mohiddin (Ketua Kampung)	Di Rumah Amil
12.	Kg. Peramu	Awang Haji Chuchu bin Jambol @ Haji Awang (Ketua Kampung)	Di Rumah Amil
13.	a) Kg. Sungai Siamas b) Kg. Ujong Kelinik	Awang Haji Mohammad bin Haji Halim (Ketua Kampung Sungai Siamas)	Di Rumah Amil
14.	Kg Sungai Kebun	Awang Haji Hassan bin Haji Lusin (Imam Masjid Al Muhtadee Billah) Awang Haji Jopri bin Haji Abidin. (Imam Masjid Al Muhtadee Billah) *Awang Haji Mazlan bin Haji Maimon (Imam Masjid Al Muhtadee Billah)	Di Masjid Al-Muhtadee Billah Kampung Sungai Kebun -do- -do-
15.	a) Kg Setia 'A' b) Kg Setia 'B' c) Kg. Lupak Luas d) Kg. Tarap Bau Dan Kawasan Sekitarnya	Awang Haji Sungoh bin Suru (Imam Masjid Pehin Perdana Wangsa Hj. Muhammad) *Awang Haji Malik bin Bakar (Imam Masjid Pehin Perdana Wangsa Hj. Muhammad)	Di Masjid Pehin Perdana Wangsa Haji Muhammad, Kg. Setia -do-
16.	a) Kg. Bolkiah 'A' b) Kg. Bolkiah 'B'	Awang Airwan bin Haji Malik (Imam Masjid Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiah, Kg. Bolkiah 'A') *Awang Ramlee bin Haji Ladis (Imam Masjid Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiah, Kg. Bolkiah 'A')	Di Masjid Yayasan Sultan Haji Hassan Bolkiah, Kg. Bolkiah 'A' -do-

KAWASAN PENDALAMAN DAN LUAR BANDAR DAERAH BRUNEI/MUARA

Bil.	Kawasan	Nama Amil	Tempat Membayar
1.	Kg. Bunut Kilometer 8, Jalan Tutong	Awang Haji Juffie bin Haji Mega (Imam Masjid Kg. Bunut) *Awang Abidin bin Haji Metarsad (Imam Masjid Kg. Bunut)	Di Masjid Kampung Bunut - do -
2.	Kg. Tasek Meradun	*Awang Haji Maidin bin Haji Kassim (Ketua Kampung)	Di Rumah Amil
3.	Bengkung: a) Kg. Bengkurong b) Kg. Burong Lepas c) Kg. Sinarubai	*Pg Haji Mahmud bin Pg Haji Othman (Imam Masjid Bengkurong)	Di Masjid Kampung Bengkurong -do-
4.	Kilanas: a) Kg. Kilanas b) Kg. Jangsak	Awang Haji Sham bin Haji Amin. (Imam Masjid Kg. Kilanas) Awang Haji Abd. Ghafar bin Hj. Abd. Ghani (Imam Masjid Kg. Kilanas)	Di Masjid Kg. Kilanas -do-
5.	Kg. Tanjong Bunut	Awang Haji Asmat bin Haji Tuah. (Imam Surau Kg. Tanjong Bunut) Awang Haji Salleh bin Haji Sabli (Imam Surau Kg. Tanjong Bunut)	Di Surau Kampung Tanjong Bunut -do-
6.	Kampung Jangsak dan Sekitarnya	Awang Haji Suhaimi bin Hj. Md. Noor. (Imam Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassan Bolkiah) *Awang Haji Sh. Edham bin Haji Sh. Nekman (Imam Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassan Bolkiah)	Di Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassan Bolkiah -do-
7.	Sengkung 'A': a) Kg. Pasai 1 b) Kg. Pasai 2 c) Kg. Mengawang d) Kg. Limpuan e) Kawasan Simpang Jln. Jerudong hingga Jambatan Sungai Sengkung f) Kawasan Simpang Jalan Mulaut hingga Simpang 87 g) Jln. Ban 2A hingga Simpang 31 h) Jln. Ban 2A hingga Simpang 37 i) Jln. Ban 3A hingga Simpang 43 j) Jln. Ban 3A - Simpang 254 hingga Simpang 59 k) Jln. Sungai Tampoi mulai Simpang 59 hingga 91 l) Pusat Tahanan Jerudong	Awang Haji Kamaluddin bin Haji Abd. Rahim (Imam Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkung) *Awang Haji Hanafiah bin Haji Mahmud (Imam Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkung) *Awang Haji Anuar bin Haji Mohd Yusoff (Imam Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkung)	Di Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkung -do- Lihat muka 9

Lihat muka 9

NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

Bil.	Kawasan	Nama Amil	Tempat Membayar	Bil.	Kawasan	Nama Amil	Tempat Membayar
	Dari muka 8						
	e) Kg.Selayun f) Kg.Tagap g) Kg.Sg.Tampoi Hulu h) Kg.Sg.Tampoi Hilir i) Kg.Bukit Tajau j) Jln.Tagap Jerudong k) Jln.Jerudong l) Jln.Selayun Jerudong	Awang Haji Musa bin Haji Tahir (Pelapis Bilal Masjid Sultan Sharif Ali, Sengkuring)	- do -			Yang Mulia, Mudim Awang Haji Suhaili bin Haji Kalong	- do -
						Yang Mulia, Mudim Awang Haji Tamin bin Haji Putting	- do -
						Yang Mulia, Mudim Awang Haji Abd Latif bin Haji Saman	- do -
						Yang Mulia, Mudim Awang Haji Safar bin Hj. Laji @ Kifley	- do -
8.	Kg. Tanjung Nangka	Pengiran Haji Abd Malik bin Pg. Besar (Ketua Kampung)	Di Rumah Amil	23.	Rimba: a) Kg. Rimba b) Kg. Gadong Estate c) Kg. Perpindahan Rimba	Awang Haji Sisa bin Haji Ahmad (Ketua Kampung)	Di Rumah Amil
9.	Kg. Mulaut	Awang Haji Ghafar bin Haji Menuddin (Imam Surau Kg. Mulaut) *Awang Mahuddin bin Haji Salleh (Imam Surau Kg. Mulaut)	Di Surau Kampung Mulaut -do-	24.	Tungku: a) Kg. Tungku b) Kg. Katok c) Kg. Perpindahan Rakyat Jati Kg Tungku	Awang Haji Hassan bin Haji Apong (Kakitangan Kementerian Pendidikan)	Di Rumah Amil
10.	Kg. Jerudong dan Sekitarnya	Awang Zulkifli bin Haji Murad. (Imam Masjid Al-Ameerah Hajjah Maryam) Awang Haji Hassan bin Haji Taha (Imam Masjid Al-Ameerah Hajjah Maryam) Awang Haji Kamaruzaman bin Hj Jakar (Imam Masjid Al-Ameerah Hajjah Maryam)	Di Masjid Al-Ameerah Al- Hajjah Maryam, Kg. Jerudong -do- -do-	25.	Kg. Mata-Mata Gadong	*Pg Haji Abd Razak bin Pg Metassan (Imam Balai Ibadat Kg.Mata-Mata Gadong) Awang Jamal bin Munap (Bilal Balai Ibadat Kg.Mata-Mata Gadong)	Di Balai Ibadat Kg. Mata-Mata Gadong -do-
11.	a) Kampung Katimahar b) Kampung Kulapis c) Kampung Lugu	Awang Haji Md Tahir bin Haji Tudin. (Imam Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kg. Katimahar) Awang Haji Isa bin Haji Saban (Bilal Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kg. Katimahar)	Di Masjid Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddin, Kg. Katimahar -do-	26.	Kg. Beribi	Awang Haji Abd Wahab bin Hj. Md. Daud (Imam Masjid Kg. Beribi) *Awang Haji Omar bin Haji Ismail (Imam Masjid Kg. Beribi)	Di Masjid Kg. Beribi -do-
12.	Panchor Murai: a) Kg. Panchor Murai b) Kg. Batong c) Kg. Imang	* Awang Haji Ismail bin Abd. Wahab (Imam Masjid Kampung Panchor Murai)	Di Masjid Kampung Panchor Murai	27.	Universiti Brunei Darussalam dan Sekitarnya.	Awang Haji Jamudin bin Haji Dollah. (Imam Masjid Universiti Brunei Darussalam) Awang Haji Abd Warith bin Hj.Raini. (Imam Masjid Universiti Brunei Darussalam)	Di Masjid Universiti Brunei Darussalam -do-
13.	Masin: a) Kg. Masin b) Kg. Bebatik	Awang Haji Ibrahim bin Haji Mohammed (Imam Masjid Kampung Masin) Awang Shukry bin Abdullah (Bilal Masjid Kampung Masin)	Di Masjid Kampung Masin -do-	28.	Kg. Perpindahan Mata-Mata: a) Kg. Perpindahan Kg Sumbiling Baru b) Kg. Perpindahan Kg. Sultan Lama c) Kg. Perpindahan Kg. Pulau Baru- Baru	Awang Haji Mahri bin Haji Metussin. (Imam Masjid Kg. Perpindahan Mata-Mata) *Haji Masir bin Haji Mohammad (Imam Masjid Kg. Perpindahan Mata-Mata)	Di Masjid Kampung Perpindahan Mata-Mata -do-
14.	Pengkalan Batu: a) Kg. Pengkalan Batu b) Kg. Parit c) Kg. Batu Ampar	Awang Haji Mohd. Jani@ Jabbar bin Hj.Abd. Majid (Imam Masjid Kampung Pengkalan Batu) Awang Haji Putting bin Haji Md.Noor (Imam Masjid Kampung Pengkalan Batu)	Di Masjid Kampung Pengkalan Batu -do-	29.	Kawasan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Bolkiah Kem (Untuk Angkatan Bersenjata dan keluarga mereka sahaja)	Awang Haji Hitam bin Haji Ismail (Imam Surau, ABDB Bolkiah Kem) Awang Haji Osman bin Brahim (Bilal Surau, ABDB Bolkiah Kem) Haji Awang Damit bin Haji Jaluddin. (Bilal Surau, ABDB Bolkiah Kem)	Di Surau Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem -do- -do-
15.	Limau Manis: a) Kg. Limau Manis b) Kg. Kuala Lurah c) Kg. Batang Perhentian d) Kg. Bukit e) Kg. Wasan	Pg.Haji Metasin bin Pg. Haji Kula (Imam Masjid Kg.Limau Manis) *Awang Saiful Azmi bin Haji Sarbini (Imam Masjid Kg.Limau Manis)	Di Masjid Kampung Limau Manis -do-	30.	Perpindahan Berakas: a) Kg. Jaya Bakti b) Kg. Jaya Setia c) Kg. Burong Pinggai Berakas.	Awang Haji Md. Kanderishah bin Haji Takong (Imam Masjid Sufri Bolkiah) Awang Haji Awang bin Haji Metussin. (Imam Masjid Sufri Bolkiah)	Di Masjid Sufri Bolkiah -do-
16.	Kg. Bebuloh	Awang Azwan bin Abdullah Yuju (Guru Agama)	Pusat Kegiatan Agama Kampung Bebuloh	31.	Kawasan Masjid Lambak: a) Kg. Lambak 'A' b) Kg. Lambak 'B'	* Awang Haji Yahya bin Haji Arshad (Bilal Masjid Kg. Lambak) Awang Haji Jawawi bin Haji Mohd Taib (Guru Agama Terlatih)	Di Masjid Lambak -do-
17.	Kg. Junjungan	Awang Haji Hayrul bin Hj.Hakim (Imam Masjid Kampung Junjungan) *Awang Haji Tuah bin Ladi (Bilal Masjid Kampung Junjungan)	Di Masjid kg. Junjungan -do-	32.	Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Kg. Lambak Kiri.	Awang Haji Hamdani bin Omar. (Ketua Kampung)	Di Rumah Amil
18.	Lumapas: a) Kg. Lumapas 'A' b) Kg. Lumapas 'B' c) Kg. Panchor d) Kg. Kilugus	*Awang Haji Banin bin Haji Banang (Imam Masjid Kg.Lumapas) Awang Haji Daud bin Gagah (Bilal Masjid Kg. Lumapas)	Di Masjid Kampung Lumapas -do-	33.	Kg. Perpindahan Lambak Kanan	Pg Haji Haslin bin Pg. Haji Ali. (Pegawai Agama) Awang Haji Ali bin Haji Timbang Al- Hafiz (Imam Masjid Perpindahan Lambak Kanan) Awang Haji Mahalee bin Haji Besar (Imam Masjid Perpindahan Lambak Kanan) * Awang Haji Shahminan bin Haji Awg Tengah (Bilal Masjid Perpindahan Lambak Kanan)	Di Masjid Perpindahan Lambak Kanan -do- -do- -do-
19.	Kasat: a) Kg. Kasat b) Kg. Buang Sakar	Awang Haji Makshud bin Haji Malik (Imam Masjid Kampung Kasat) *Awang Shahminan bin Haji Matzin (Bilal Masjid Kampung Kasat)	Di Masjid Kampung Kasat -do-	34.	Kawasan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Berakas Kem (Untuk Angkatan Bersenjata dan keluarga mereka sahaja)	Awang Haji Ahmad bin Tuah. (Imam Surau ABDB, Berakas Kem) *Awang Hj Ahmad bin Hj Mokhtar. (Guru Agama Berakas Kem)	Di Surau ABDB, Berakas Kem -do-
20.	Putat: a) Kg. Putat b) Kg. Baong	Awang Haji Hamrin bin Haji Mangshor (Imam Masjid Kampung Putat) Awang Haji Rungging bin Haji Malik (Imam Masjid Kampung Putat)	Di Masjid Kampung Putat - do -	35.	Masjid Mohammad Bolkiah: a) Kg. Serusop dan termasuk kawasan Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan b) Kawasan Polis Lapangan Terbang dan sekitarnya c) Kg. Pancha Delima	Awang Haji Muslim bin Haji Abd Razak (Imam Masjid Mohammad Bolkiah) Pg. Haji Mohd. Ismail bin Pg. Haji Tuah (Imam Masjid Mohammad Bolkiah) *Awang Haji Mohd Ashraf bin Haji Bujang (Bilal Masjid Mohammad Bolkiah)	Di Masjid Mohammad Bolkiah -do- -do-
21.	Menunggol: a) Kg. Menunggol b) Kg. Riong c) Kg. Gadong Batu	*Awang Haji Ibrahim bin Haji Othman (Imam Masjid Kampung Menunggol) Awang Haji Salihi bin Haji Tarif (Bilal Masjid Kampung Menunggol)	Di Masjid Kg. Menunggol -do-				
22.	Kawasan Jame' Asr Hassanil Bolkiah: a) Kg. Kiarong b) Kg. Kiulap c) Kawasan Pengkalan, Gadong d) Kawasan Barrek Letrik dan sekitarnya e) Kawasan Maktab Duli Pg. Muda Al-Muhtadee Billah	Yang Dimuliakan, Pehin Khatib Awang Haji Mat Jaya bin Hj Ibrahim Yang Dimuliakan, Pehin Khatib Awang Hj Mustafa bin Haji Murad Yang Dimuliakan, Pehin Khatib Awang Haji Suhaili bin Hj Metali Al Hafiz	Di Jame' Asr Hassanil Bolkiah - do - - do -				

NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

Dari muka 9

Bil.	Kawasan	Nama Amil	Tempat Membayar	Bil.	Kawasan	Nama Amil	Tempat Membayar
36.	Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal: a) Kawasan Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal dan sekitarnya b) Kg. Delima Satu c) Kg. Delima Dua	Awang Hj Abd. Rahman bin Haji Md. Taib (Imam Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal) *Awang Haji Abdullah bin Haji Tahir (Imam Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal)	Di Surau Maktab Teknik Sultan Saiful Rijal -do-	53.	Kg. Sungai Matan	Awang Sufri bin Haji Kalong (Guru Ugama)	Di Rumah Amil
37.	Anggerek Desa: a) Kg. Anggerek Desa b) Kg. Pulaie c) Kg. Delima Satu Pg. Siraja Muda d) Kg. Orang Kaya Besar Imas	Awang Haji Burhanuddin bin Haji Damit (Imam Masjid Kg. Pulaie) *Awang Haji Rosli bin Haji Bolaji (Imam Masjid Kg. Pulaie)	Di Masjid Kg. Pulaie	54.	Kawasan Masjid Kampong Serdang a) Kg. Serdang b) Kg. Sungai Belukut	*Awang Haji Talipudin bin Haji Bungsu (Imam Masjid Kg. Serdang) Awang Ali Noor bin Haji Yahya (Bilal Masjid Kg. Serdang)	Di Masjid Kg. Serdang -do-
38.	Kampong Madang dan Sekitarnya	Pg. Haji Ali bin Pg. Maun (Ketua Kampong)	Di Rumah Amil	55.	Kampong Pudak	Awang Haji Zari bin Haji Karim (Imam Masjid Kg. Pudak)	Di Masjid Kg. Pudak
39.	Kampong Manggis I dan II	Awang Haji Mohd. Limbang bin Lamudin (Ketua Kampong)	Di Rumah Amil	56.	a) Kg. Pelambayan b) Kg. Dato Gandi	Awang Haji Sumardi bin Haji Mohammad (Imam Masjid Kg. Pelambayan) Awang Haji Alias bin Haji Ibrahim (Bilal Masjid Kg. Pelambayan)	Di Masjid Kg. Pelambayan -do-
40.	Sungai Hanching: a) Kg. Sungai Hanching b) Kg. Sungai Tilong c) Kg. Sungai Akar d) Kawasan Pusat Latihan Polis Diraja Jalan Muara	Pg. Haji Hafizzuddin bin Pg. Haji Bakar (Imam Masjid Kg. Sungai Hanching) *Awang Haji Sari bin Nasir (Imam Masjid Kg. Sungai Hanching)	Di Masjid Kampong Sungai Hanching -do-	57.	Kawasan Masjid Kampong Pintu Malim: a) Kg. Pintu Malim b) Kg. Sungai Lampai c) Kg. Kota Batu	Awang Haji Ali Yusof bin Haji Arshad (Imam Masjid Kg. Pintu Malim) Awang Haji Latif bin Haji Ariff (Bilal Masjid Kg. Pintu Malim)	Di Masjid Kg. Pintu Malim -do-
41.	Kampong Salambigar dan Sekitarnya	Awang Haji Abd. Halim bin Haji Bungsu (Imam Masjid Kg. Salambigar) *Haji Zahid bin Haji Mohd Zain (Imam Masjid Kg. Salambigar)	Di Masjid Kg. Salambigar -do-	58.	Subok: a) Kg. Subok b) Kg. Belimbing	Awang Haji Salleh bin Haji Murah (Imam Masjid Kg. Belimbing, Subok) *Awang Norjal bin Sisa (Bilal Masjid Kg. Belimbing, Subok)	Di Masjid Kg. Belimbing, Subok -do-
42.	Tanah Jambu: a) Kg. Tanah Jambu b) Kg. Salar	Awang Abd. Azis bin Haji Md. Yassin (Imam Masjid Kg. Tanah Jambu) Awang Haji Amron bin Awang (Imam Masjid Kg. Tanah Jambu)	Di Masjid Kg. Tanah Jambu -do-	* Amil yang baru dilantik bagi kawasan tersebut			
43.	Kampong Kapok	Awang Haji Samad bin Jamaludin (Imam Masjid Kampong Kapok) Awang Haji Jalil bin Haji Putera (Bilal Masjid Kampong Kapok)	Di Masjid Kampong Kapok -do-	KAWASAN DAN MUKIM DAERAH BELAIT			
44.	Muara: a) Kg. Sabun b) Kg. Serasa c) Kawasan Rumah Pegawai-Pegawai Kerajaan Tanjong Pelumpong d) Kawasan Balai Polis Muara e) Kawasan Balai Bomba Muara f) Kg. Masjid Lama	Awang Haji Serbini bin Kula (Imam Masjid Setia Ali Muara) *Awang Haji Ridi bin Midi (Imam Masjid Setia Ali, Muara)	Di Masjid Setia Ali, Muara -do-	1.	Dari Jalan Setia Pahlawan hingga Tanjong, Kuala Belait	Awang Haji Zainal @ Abu Bakar bin Idris (Imam Masjid Mohammad Jamalul Alam) Awang Ahmeddani bin Haji Abd Rahman (Imam Masjid Mohammad Jamalul Alam) *Awg Haji Abd Malik bin Bakar (Merbut Masjid Mohammad Jamalul Alam)	Di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait - do - - do -
45.	Kg. Perpindahan Serasa Muara	Awang Haji Hamdan bin Haji Bakar (Imam Masjid Perpindahan Serasa) *Awang Rosli bin Haji Ladis (Bilal Masjid Perpindahan Serasa)	Di Masjid Kg. Perpindahan Serasa, Muara -do-	2.	Dari Jalan Setia Pahlawan hingga Roundabout KM 6, Kuala Belait	*Awang Haji Sharbini bin Abd Rahman (Imam Masjid Perpindahan Kg. Pandan, Belait) Awang Mohd. Said bin Hj. Mohd. Yassin (Imam Masjid Perpindahan Kg. Pandan, Belait) Awang Mohd. Alias bin Bakar (Bilal Masjid Perpindahan Kg. Pandan, Belait) Awang Mohd Zakaria bin Roseta (Bilal Masjid Perpindahan Kg. Pandan, Belait)	Di Masjid Kg. Pandan Belait -do - -do-
46.	Kawasan Angkutan Laut Diraja Brunei Muara (untuk Angkutan Laut Diraja dan keluarga mereka sahaja)	Mohd. Khairul Azmi bin Haji Salleh (Imam Surau ATLDB, Muara Kem) *Zakaria bin Hj Jalil (Imam Surau ATLDB, Muara Kem)	Di Surau Angkutan Laut Diraja Muara Kem -do-	3.	Dari Kg. Sungai Teraban hingga Sungai Tujoh, Kuala Belait	Awang Haji Omarali bin Haji Hussin (Imam Masjid Kg. Sg. Teraban) Md. Sophian bin Rosli. (Bilal Masjid Kg. Sg. Teraban)	Di Masjid Kg. Sungai Teraban -do-
47.	Kg. Sungai Buloh	*Pg. Haji Abd Razak bin Pg. Haji Tengah (Imam Masjid Kg. Sungai Buloh) Ak. Haji Mohd. Lizam bin Pg. Haji Merali (Bilal Masjid Kg. Sungai Buloh)	Di Masjid Kg. Sungai Buloh -do-	4.	Dari Anduki hingga Lorong Satu, Seria	Mohd. Zulhilmi bin Mohd. Jefri (Imam Masjid Pekan Seria)	Di Masjid Pekan Seria
48.	Kg. Batu Marang	Awang Haji Asnan bin Haji Saman (Imam Masjid Kg. Batu Marang) Awang Tohara bin Ongsang (Imam Masjid Kg. Batu Marang)	Di Masjid Kg. Batu Marang -do-	5.	Dari Lorong Dua hingga Lorong Lima, Seria	Awang Haji Ibrahim bin Haji Daud (Imam Masjid Pekan Seria)	Di Masjid Pekan Seria
49.	Kg. Mentiri	Awang Haji Aji bin Hj Abd Rahman (Imam Masjid Kg. Mentiri) Awang Ongsang bin Shawal (Imam Masjid Kg. Mentiri)	Di Masjid Kg. Mentiri -do-	6.	Dari Lorong Enam hingga Roundabout KM6, Belait	Awang Hj. Pardi bin Hj. Tobi (Imam Masjid Pekan Seria)	Di Masjid Pekan Seria
50.	Kg. Perpindahan Mentiri	*Pg. Rusman bin Pg. Haji Shahbudin (Imam Masjid Kg. Perpindahan Mentiri) *Awang Faizil Rosemady bin Mohammad (Bilal Masjid Kg. Perpindahan Mentiri)	Di Masjid R.P.N. Mentiri -do-	7.	Dari Sungai Kayu Ara hingga B.L.N.G, Lumut	*Awang Haji Ibrahim bin Haji Dollah (Imam Masjid Zainab, Lumut) Awang Abu Bakar bin Haji Hassan (Pelapis Bilal)	Di Masjid Zainab, Lumut -do- -do-
51.	Kg. Sungai Besar	*Pg. Haji Marzuki bin Pg. Haji Abd Rahman (Imam Masjid Kg. Sungai Besar) Awang Sanip bin Haji Nasar (Bilal Masjid Perpindahan Serasa) *Awang Haji Samsul bin Haji Abd Latif (Guru Ugama Telatih)	Di Masjid Kg. Sungai Besar -do- -do-	8.	Dari Sempadan Belait /Tutong hingga B.L.N.G, Lumut	Awang Zawawi bin Haji Nordin. (Imam Masjid Kampong Sungai Liang) *Awang Haji Mohd Yusof bin Haji Mahmud (Imam Masjid Kampong Sungai Liang)	Di Masjid Kampong Sungai Liang
52.	a) Kg. Sungai Bunga b) Kg. Pulau Baru-Baru	Pg. Mohd Fadzillah bin Pg. Mahmud (Bilal Masjid Kg. Sungai Bunga) Awang Haji Asbullah bin Haji Ahmad (Bilal Masjid Kg. Sungai Bunga)	Di Masjid Kg. Sungai Bunga -do-	9.	Mukim Bukit Sawat & Kawasan Pendalaman 'A'	*Awang Haji Abd Hamid bin Haji Abas (Imam Masjid Al Mashor, Kg. Sg. Mau, Ulu Belait) Awang Haji Masri bin Haji Junaidi (Bilal Masjid Al Mashor, Kg. Sg. Mau, Ulu Belait)	Di Masjid Al Mashor, Kampong Sungai Mau, Ulu Belait -do-
				10.	Kawasan Bukit Sawat & Kawasan Pendalaman 'B'	Awang Ahmad bin Haji Othman (Imam Masjid Kg. Bukit Sawat)	Di Masjid Kg. Bukit Sawat, Ulu Belait
				11.	Mukim Labi, Ulu Belait.	*Awang Mohd Endy bin Masri (Pmk. Imam Masjid Kg. Labi) *Awang Soffian bin Bidin (Pmk. Bilal Masjid Kg. Labi)	Di Masjid Kg. Labi, Ulu Belait
				12.	Kawasan Balai Bomba Labi/Sungai Liang/Seria dan Belait	Pg. Rosli bin Pg. Haji Ahmad (Pegawai Bomba)	Di Surau Balai Bomba Seria

* Amil yang baru dilantik bagi kawasan tersebut

Lihat muka 11

NAMA-NAMA AMIL DAN TEMPAT-TEMPAT MEMBAYAR ZAKAT FITRAH

Dari muka 10

KAWASAN DAN MUKIM DAERAH TUTONG

Bil.	Kawasan	Nama Amil	Tempat Membayar
1.	Masjid Hassanah Bolkiah: a) Pekan Tutong b) Kg. Petani c) Kg. Bukit Bendera d) Kg. Sg. Basong e) Kg. Sg. Besar f) Kg. Suran g) Kg. Panchor Dulit h) Kg. Panchor Papan	Awang Hj Abdul Aziz bin Badul (Imam Masjid Hassanah Bolkiah) *Awang Hj Abdul Nuin bin Hassan (Imam Masjid Hassanah Bolkiah) *Ak Mohammad Fakhri bin Pg Mohd Dani (Imam Masjid Hassanah Bolkiah)	Di Masjid Hassanah Bolkiah, Tutong -do- -do-
2.	Kampung Sengkarai : a) Kg. Sengkarai a) Kg. Serambangun	Awang Haji Md. Aidil Sufian bin Haji Md. Yassin. (Imam Balai Ibadat Kg. Sengkarai)	Di Balai Ibadat Kg. Sengkarai
3.	Masjid Kg. Penabai, Kuala Tutong	Awang Mohd. Rosli bin Hj. Mohd. Yusof (Imam Masjid Kg. Penabai)	Di Masjid Kg. Penabai, Kuala Tutong
4.	Masjid Kg. Keriam, Tutong	Awang Haji Mohd. Kartolo bin Hj. Abang (Imam Masjid Kg. Keriam) Awang Azri bin Haji Abdullah @ Haji Abdul Rahman (Imam Masjid Kg. Keriam)	Di Masjid Kg. Keriam, Tutong -do-
5.	Masjid Kg. Sinaut, Tutong	Awang Haji Masri bin Haji Mohammad (Imam Masjid Kg. Sinaut)	Di Masjid Kg. Sinaut, Tutong
6.	Masjid Kg. Penanjong, Tutong	*Awang Hj Salleh bin Hj Abdullah (Imam Masjid Kampung Penanjong)	Di Masjid Kg. Penanjong, Tutong
7.	Masjid Kg. Layong, Tutong	*Awang Hj Mohd Deli bin Hj Raya (Imam Masjid Kg. Layong)	Di Masjid Kg. Layong, Tutong
8.	Masjid Kg. Kiudang, Tutong	Awang Haji Abu Bakar bin Haji Awang Tengah. (Imam Masjid Kg. Kiudang) Awang Ibrahim bin Apong (Bilal Masjid Kg. Kiudang)	Di Masjid Kg. Kiudang, Tutong -do-
9.	Kampung Bekiau, Tutong	Awang Haji Mohd. Shah bin Hj Mohd Noor (Penghulu Mukim Kiudang)	Di Rumah Amil
10.	Masjid Kg. Kupang, Tutong	Awang Haji Siadis bin Haji Damit (Imam Masjid Kg. Kupang)	Di Masjid Kg. Kupang, Tutong
11.	Masjid Kg. Penapar, Tutong	Awang Haji Sufri bin Haji Mega (Imam Masjid Kg. Penapar)	Di Masjid Kg. Penapar, Tutong
12.	Masjid Kg. Tanjong Maya, Tutong	*Awang Khairul Ariffin bin Hj Mohd Yusof (Imam Masjid Kg. Tanjong Maya)	Di Masjid Kg. Tanjong Maya, Tutong
13.	Masjid Kg. Telisai, Tutong	Awang Haji Junaidi bin Haji Sabtu (Imam Masjid Kg. Telisai) Awang Haji Alias bin Haji Taha (Imam Masjid Kg. Telisai)	Di Masjid Kg. Telisai, Tutong -do-
14.	Masjid Kg. Danau, Tutong	Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin (Imam Masjid Kg. Danau)	Di Masjid Kg. Danau, Tutong
15.	Masjid Kg. Birau, Tutong	Awang Haji Abd Kadir bin Haji Ratu (Imam Masjid Kg. Birau) Awang Haji Abu Samah Shukri bin Haji Mohd. Hussien (Imam Masjid Kg. Birau)	Di Masjid Kg. Birau, Tutong -do-
16.	Masjid Kg. Lamunin, Tutong	Awang Haji Noorazaleneta bin Haji Ratu (Imam Masjid Kg. Lamunin) Awg. Hj Ahmad Daud bin Mohd Idris (Bilal Masjid Kg. Lamunin)	Di Masjid Kg. Lamunin, Tutong -do-
17.	Masjid Kg. Bukit Beruang, Tutong	Awang Rosmadini bin Haji Md. Yusof (Imam Masjid Kg. Bukit Beruang) Awang Moksin bin Haji Moktar (Bilal Masjid Kg. Bukit Beruang)	Di Masjid Kg. Bukit Beruang, Tutong -do-
18.	Masjid Kg. Menengah dan Bukit Sulang, Tutong	Awang Haji Sabtu bin Hassan. (Imam Masjid Kg. Menengah dan Bukit Sulang)	Di Masjid Kg. Menengah dan Bukit Sulang, Tutong
19.	Masjid Kg. Bukit Panggal, Tutong	Awang Haji Abd. Gapor @ Gapor bin Mohammad. (Imam Masjid Kg. Bukit Panggal)	Di Masjid Kg. Bukit Panggal, Tutong
20.	Masjid Haji Abdul Azim, Kg. Luagan Dudok, Tutong	Awang Abd. Mulok bin Hj. Md. Jaya (Imam Masjid Haji Abdul Azim, Kg. Luagan Dudok) Awang Omarali bin Haji Ahmad, (Imam Masjid Haji Abdul Azim, Kg. Luagan Dudok)	Di Masjid Haji Abdul Azim, Kg. Luagan Dudok, Tutong -do-
21.	Masjid Kampung Bang Dalam / Biong, Tutong	Awang Haji Mohd. Yusof bin Ahmad (Imam Masjid Kampung Bang Dalam / Biong)	Di Masjid Kampung Bang Dalam Tutong

Bil.	Kawasan	Nama Amil	Tempat Membayar
22.	Kawasan A.B.D.B, Tutong Kem	*Awang Noorrezeki bin Hj Nudin (Imam Surau A.B.D.B Tutong Kem)	Di Surau A.B.D.B. Tutong Kem, Tutong
23.	Kawasan A.B.D.B Penanjong Kem, Tutong	*Awang Haji Aziz bin Samat (Imam Surau A.B.D.B Penanjong Kem)	Di Surau A.B.D.B Penanjong Kem Tutong
24.	Balai Bomba Pekan Tutong/Lamunin	Awang Haji Abd. Khalek bin Hj. Zubaidi (Ahli Bomba, Pekan Tutong)	Di Surau Balai Bomba, Tutong
25.	Masjid Kampung Lubok Pulau, Tutong	*Awang Hj Hammafi bin Hj Md Yassin (Imam Masjid Kg. Lubok Pulau)	Di Masjid Kampung Lubok Pulau, Tutong
26.	Masjid Kampung Bukit Udal, Tutong	Pg. Su'eb bin Pg. Haji Mumin (Imam Masjid Kg. Bukit Udal)	Di Masjid Kampung Bukit Udal, Tutong
27.	Masjid Kampung Benutan, Tutong	*Awang Moktar bin Bakri (Imam Masjid Kg. Benutan)	Di Masjid Kampung Benutan, Tutong
28.	Masjid Kampung Bukit, Tutong	Awang Muhd. Ghazali bin Md. Ariffin (Pmk. Imam Masjid Kg. Bukit)	Di Masjid Kampung Bukit, Tutong.
29.	Kampung Belabau, Tutong	Awang Haji Md. Azley bin Hj. Md. Aliuddin (Pmk. Imam Surau Kg. Belabau)	Di Surau Kampung Belabau

* Amil yang baru dilantik bagi kawasan tersebut

BAGI KAWASAN PEKAN BANGAR DAN PENDALAMAN DAERAH TEMBURONG

Bil.	Kawasan	Nama Amil	Tempat Membayar
1.	Kawasan Bangar 'A': a) Kawasan Pekan Bangar Baru b) A.B.D.B Bangar Kem c) Kg. Batang Tuau d) Kg. Seri Tanjong Belayang e) Barik Letrik f) Kg. Samamang g) Kg. Kinalong h) Kg. Belingos	Awang Azry bin Haji Mohd. Yusoff (Imam Masjid Utama Mohammad Salleh) *Awang Mohd Tahir bin Norshahbudin (Bilal Masjid Utama Mohammad Salleh)	Di Masjid Utama Mohammad Salleh dan Rumah Amil - do -
2.	Kawasan Bangar 'B': a) Kawasan Pekan Bangar b) Barik Bomba c) Kg. Sungai Tanam d) Kg. Sungai Tanit e) Kg. Menengah f) Kg. Belayang	Awang Haji Suhailie bin Ibrahim. (Imam Masjid Utama Mohammad Salleh)	Di Masjid Utama Mohammad Salleh dan Rumah Amil
3.	Kawasan Masjid Kg. Selangan: a) Kg. Selangan b) Kg. Sumbiling c) Kg. Belaban Baru d) Kg. Sibulu	Awang Haji Lisa bin Haji Tengah. (Imam Masjid Kg. Selangan) *Awang Haji Julaiadi bin Haji Baha (Bilal Masjid Kg. Selangan)	Di Masjid Kg. Selangan dan Rumah Amil -do-
4.	Kawasan Masjid Kampung Batu Apoi: a) Kg. Batu Apoi b) Kg. Negalang c) Kg. Perpindahan Gadong	Awang Haji Adam bin Haji Tengah. (Imam Masjid Kg. Batu Apoi). Awang Norezam bin Haji Zaini (Imam Masjid Kg. Batu Apoi).	Di Masjid Kg. Batu Apoi dan Rumah Amil -do-
5.	Kawasan Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kampung: a) Kg. Bokok b) Kg. Rataie c) Perpindahan Kg. Rataie d) Kurnia Tanah Kg. Rataie e) Kg. Meniup f) Kg. Bakarut g) Kg. Simbatang h) Kg. Kenua i) Kg. Lepong Lama j) Kg. Lepong Baru	*Awang Mahdini bin Kamis (Imam Masjid Pengiran Haji Abu Bakar, Kg. Bokok) Awang Mohd Aswad bin Haji Mohd Salleh (Imam Masjid Pengiran Haji Abu Bakar, Kg. Bokok)	Di Masjid Pengiran Haji Abu Bakar Kg. Bokok dan di Rumah Amil -do-
6.	Kawasan Masjid Kg. Belais: a) Kg. Belais b) Kg. Buda-Buda	Awang Haji Mohammad bin Haji Serbini (Imam Masjid Kg. Belais) Awang Afandi bin Haji Taha (Bilal Masjid Kg. Belais)	Di Masjid Kg. Belais dan di Rumah Amil -do-
7.	Kawasan Masjid Kg. Labu Estate: a) Kg. Labu Estate b) Kg. Senokoh c) Kg. Piasau-Piasau	Awg Haji Abd Halim bin Haji Matsom (Imam Masjid Kg. Labu Estate)	Di Masjid Kg. Labu Estate dan Rumah Amil
8.	Kawasan Masjid Kampung Puni: a) Kg. Puni b) Kg. Ujong Jalan	Awang Shamsuddin bin Haji Azahari. (Imam Masjid Kg. Puni) Awang Hj Said Ahmad bin Haji Aliamat (Imam Masjid Kg. Puni)	Di Masjid Kg. Puni dan Rumah Amil -do-
9.	Kawasan Balai Ibadat Kampung Sibut a) Kampung Sibut. b) Kampung Amo	*Awang Al-Husaini bin O.K.K. Haji Nordin (Bilal Balai Ibadat Kg. Sibut)	Balai Ibadat Kampung Sibut
10.	Kawasan Balai Ibadat Kampung Semabat a) Kampung Semabat b) Kampung Temada	Awang Moksin bin Mohd. Karim (Bilal Balai Ibadat Kg. Semabat)	Balai Ibadat Kampung Semabat

* Amil yang baru dilantik bagi kawasan tersebut



LHAMDULILLAH.

A Orang tua itu membuka kunci pagar rumah usang itu. Dia berjalan perlahan-lahan di sekeliling rumah itu. Dia mula mengutip dan menyapu sampah rumah usang itu. Rumah itu kelihatan sepi sejak penghuninya berpindah ke tempat lain, rumput-rumpai tumbuh di sana sini mengelilingi rumah usang itu, akar banir berjuraian hingga menutupi sebahagian atap bumbung rumah tersebut. Daun-daun kering berselerakan di sana sini. Rumah itu sudah dua puluh tahun ditinggalkan penghuninya.

Biasanya orang tua itulah yang membersihkan rumah itu tiap-tiap hari. Tapi sejak setahun kebelakangan ini, orang tua itu selalu saja sakit-sakit. Maka terbiarlah rumah itu selama setahun. Hari ini tergerak hati orang tua itu untuk membersihkan kawasan rumah itu. Setiap petang dia duduk di tepi tangga rumahnya sambil membaca surat khabar. Rumah itu banyak menyimpan kenangan.

Pemilik asal rumah itu seorang yang dikenali ramai, dia selalu memberi kuliah di masjid-masjid dan tv. Rumah itu didirikan atas derma murid-muridnya dan orang ramai. Mereka banyak berkorban untuk menjadikan rumah itu sebagai pusat pendidikan. Di dalamnya ada dewan kuliah, dewan makan, surau dan bilik penginapan dan makan percuma. Bagi pelajar miskin pembayaran yuran akan dikesualikan.

Setiap hari rumah itu sentiasa meriah dan hidup dengan pelbagai aktiviti keilmuan dan kegiatan riadah. Pelbagai bidang ilmu diajarkan oleh mahaguru dan tenaga pengajar yang bertaualiah. Ini menjadi tarikan kepada orang ramai, bukan saja dalam negara tapi juga dari luar negara.

Nama mahaguru terkenal di luar negara. Mereka ingin tahu bagaimana pusat pendidikan itu boleh melahirkan cendekiawan bodoh! Seseengah orang mengatakan ilmu yang dipelajari di sana agak pelik. Kadang-kadang kita jadi bodoh bila mendengarnya.

"Memang, ini ilmu orang bodoh, bukan untuk orang bijak pandai, faham! Kalau mau tunjuk pandai tak payah belajar di sekolah sini," mahaguru itu menerangkan kepada pemuda berketayap putih ketika dia mahu mendaftar dahulu. Pemuda berketayap putih terkejut dengan sergahan mahaguru itu. Kawan-kawannya sudah berpesan kepadanya supaya hati-hati, jangan banyak soal nanti kena sergah! Jika mahu belajar di sana bodohkan diri dulu. Itu pesan kawan-kawannya.

"Kamu ... kamu ... jadilah orang bodoh jika mahu pandai, jangan ngatkan pandai saja, ingatlah kebodohan sendiri selalu. Siang malam ingat kebodohan diri bukan kebodohan orang lain. Ini tidak, asyik

OLEH HELMI HALIM

ketawakan orang lain saja sedangkan diri sendiri bodoh." Pelik juga ajaran orang tua ni," kata hati pemuda yang berketayap putih.

"Itukan hukum dunia baru. Dunia IT (Dunia Ingin Tahu)." Semua yang hadir itu terpinga-pinga bila mahaguru berkata begitu.

"Aneh manusia moden ni, mereka belajar kepada orang bodoh!" Pemuda berketayap putih melihat orang yang datang belajar di situ. Mereka itu bukan calang-calang orang, terpelajar, ada doktor, jurutera, lawyer. Semua datang belajar ke sini hendak menjadi orang bodoh? Pelik!

Apa mereka ingat aku ini mahaguru ke? Oi minta maaf. Bukan hendak mencaci, mungkin kamu salah tempat agaknya. Aku ini orang bodoh, ilmu aku tak sesuai untuk kamu. Tapi kamu berkeras juga mahu belajar. Jadi beban tau! Aku sendiri pun susah nak pikul bebanan diriku, inikan pula bebanan beribu-ribu orang.

Maaflah tuan-tuan, aku bukan menyindir, aku tak layak untuk jadi mahaguru, sungguh! Kamu orang bijak pandai, ilmunan, menuntut ilmu dari universiti terbilang dari luar negara. Jangan perbodoh diri kamu untuk mencari ilmu di sini. Di sini bukan tempat kamu. Kalau kamu hendak belajar di sini nanti kotor baju kamu. Faham!, Belajar di sini kena cuci tandas, mau? Mau cuci

tandas, cuci longkang? Semua benda kotor-kotor. Kamu mau penuhi syarat itu? Itulah pelajaran pertama, kalau itu lulus baru boleh mendaftar. Berfikir-lah dulu, pergi balik rumah, tanya ibu bapa kamu. Nanti mereka marah pulak kalau kamu belajar di sini. Satu lagi yang hendak aku beritahu kamu. Belajar di sini tak ada sijil, tak ada degree. Ingat tu! Jangan menyesal nanti.

Mahaguru senyum bila melihat para ilmunan yang datang hendak belajar menggaru-garu kepala. Mereka berpandangan antara satu sama lain. Ha! Bagaimana setuju? Apa lagi balikkah dulu, tanya dengan ibu bapa dulu, bincang dengan keluarga.

Pemuda berketayap putih serba salah bila memberitahu kepada ayahnya. Ayahnya mahu anaknya jadi orang pandai bukan jadi orang bodoh. Ini memang berat, antara kata-kata mahaguru dan ayahku ini, mana yang betul.

"Orang pandai bagus, duduk atas kerusi empuk, dapat pangkat tinggi boleh mentadbir negara. Boleh berjasa kepada negara," kata ayah pemuda berketayap putih dengan nada kesalnya bila mendapat tahu anaknya mahu belajar di pusat pendidikan orang bodoh.

"Jadi orang bodoh pun bagus juga ayah, patuh pada peraturan, taat kepada undang-undang. Yang penting orang bodoh tidak melawan. Patuh kepada

CERPEN

OBSESI

perintah Tuhan."

"Jadi kamu hendak jadi orang bodoh?" Bentak ayah pemuda berketayap putih sambil menggelengkan kepalanya. Dia tak menyangka anaknya begitu cetek pemikiran. Dia fikir, makin tinggi belajar makin pandai, rupanya makin bodoh.

"Orang bodoh pun ada hak, ayah. Mereka jujur," pemuda berketayap putih

mempertahankan dirinya. Ayah pemuda berketayap putih itu mendiamkan diri.

Ayah, kamu juga betul. Aku bukan nak melawan kamu. Mahaguru mengajar untuk mentaatimu. Aku sanjungimu ayah. Aku hanya ingin menjadi orang bodoh supaya pandai. Itulah yang selalu mahaguru ucapkan setiap kali dia berceramah. Ucapan itu memberi kesan pada diriku. Yah, maafkan aku ayah.

"Belajar di sini bukan untuk naik tinggi tapi kena menurun ke bawah."

"Pelik bukan?"

"Bagi kamu pelik tapi bagi orang bodoh seperti aku tidak pelik."

"Itu kebenaran. Itu hak!"

Orang bijak pandai itu hanya melopong, mendengar penerangan dari mahaguru. Kadang-kadang mereka bertanya-tanya dalam hati jenis pelajaran yang diajarkan mahaguru. Tak pernah dengar pun.

"Memang ilmu tak pernah dengar, inikan ilmu dunia IT. Ilmu yang diciptakan untuk orang-orang bodoh. Hanya makhluk bodoh saja yang tahu akan ciptaan baru IT ini."

"Kamu tahu mengenai cerita si Luncai, terjun dengan labu-labunya, kamu tahu apa isi lagunya itu? Fikirkanlah. Pak Kadok, Pak Pandir, Lebai Malang dan Cerita Bujang Si Gandam Beras. Semua ada makna, jadi pengajaran, ia sebahagian cerita dari dunia IT." Mahaguru tertawa bila menceritakan setiap kisah itu, tapi

murid-muridnya pula menitikkan air mata!

Mahaguru senyum melihat telatah murid-muridnya, disuruh ketawa mereka menagis, suruh menangis mereka ketawa. Inilah manusia ciptaan dunia IT. Canggih, macam robot.

"Hebat, mahaguru boleh menghuraikan isi kandungan dunia IT," lelaki berketayap putih itu memuji mahaguru. Kawan-kawannya hanya tersengih bila saja mendengar pujian lelaki berketayap putih. Bodoh juga lelaki berketayap putih ni, itu dikatakan hebat? Hoi! Kawan! Mana taruh akal hah! Atas lutut ke. Fikirlah sikit jangan mudah terpengaruh. Awak tu orang terpelajar, lulusan dari Azhar, Gila! Gila. Mencarut! Ketawa! Menangis! Apa ni ha? Hebat kata awak. Betul, kamu sudah kena penyakit gila mahaguru kamu.

"Tak apa, tak apa, jangan pedulikan diurang tu. Mereka tu jahil, jahil murakab, bukan mereka tahu apa-apa. Yang mereka tahu apa mencaci, mengumpat dan memfitnah! Sabar-sabar. Kamu muridku yang tabah. Ini dugaan pertama," mahaguru tersenyum.

Pemuda berketayap putih itu yakin dengan nasihat mahagurunya itu. Mahaguru banyak berjasa, kampung itu berubah dengan kehadiran mahagurunya. Setahun balik dari luar negara banyak perubahan yang dibawanya. Mahaguru memperkenalkan pelbagai istilah-istilah pembangunan dalam dunia IT. Kepakaran mahaguru sudah diiktiraf oleh dunia antarabangsa. Gelaran tertinggi sudah dicapainya semasa berada di luar

Lihat muka 13

"ORANG pandai bagus, duduk atas kerusi empuk, dapat pangkat tinggi boleh mentadbir negara. Boleh berjasa kepada negara," kata ayah pemuda berketayap putih dengan nada kesalnya bila mendapat tahu anaknya mahu belajar di pusat pendidikan orang bodoh.

PUISI

SI MATA GALAK

Seperti tidak lagi bermakna apa-apa
pertemuan demi pertemuan
kerana yang ke depan
bukanlah pahlawan-pahlawan ...
tetapi cuma tukang-tukang palu
atau kaki-kaki yang bermain
dengan gendang perang.

Yang lain itu hanyalah melihat
si Mata Galak yang penuh dendam
walaupun tidak sebulu...
namun keberanian sudah layu
maka kerana itu ...
jadilah semuanya membisu.

Ini tidak termasuk pemimpin mukmin
sekiranya pun membungkam
mereka masih punya
sebuah senjata terancang
(iaitu doa
dan munajat
ke hadarat Allah).

Cuma ingin kita tanya saja
sudahkah mereka mula
menggunakannya?
Ataukah ...
sebenarnya mereka tidak mengenalinya
seperti si buta dengan cahaya?

Walau bagaimanapun
kebanyakan mereka tahu
yang Allah sedang menguji
(melalui si Mata Galak dengan
tindak-tanduknya yang menakutkan)
dan esok mungkin lebih parah lagi
kerana dari barisan kita sendiri
mungkin ada yang berpihak
kepada si Mata Galak.

Jika kita mahu melihat
siapa yang turun atau naik
maka tunggulah janji Allah
bahawa musuh-musuh itu pasti kalah
disebabkan kezaliman mereka
oleh itu waspadalah semua
jangan siapa yang terpijak
dengan kezaliman.

Usahlah mengagumi kekuatan sementara
tetapi kagumlah kekuatan Yang Maha Kuat
dan juga panik dengan kebesaran ...
kerana sebelum ini pun
sudah banyak kerajaan-kerajaan besar
Kerajaan Fir'aun
Kerajaan 'Aad
Kerajaan Thamud
Kerajaan Namrud
mereka itu tegak beratus tahun lamanya
tanpa ada pencabarnya.

Tidak ada yang kekal selain Allah
di langitkah ia
di bumikah ia
adalah sama-sama hamba
adalah sama-sama milik-Nya
dan adapun jambatan kita
sekali-kali tidak akan roboh
melainkan terus berhubung ke akhirat.

Ertinya usahlah berdukacita
mahkamah terakhir kita ialah 'Mahkamah Langit'
nantikan ada saja
pembelaan dari Maha Kuasa
hukuman dari Maha Adil
seperti Fir'aun dihukum
seperti 'Aad dihukum
seperti Thamud dihukum
seperti Namrud dihukum.

Ini adalah satu sandiwara semasa
dan kita usahlah mengharapkannya cepat berakhir
kerana diktator-diktator itu
bukan mudah untuk kenyang dan puas
sekali pun darah selautan
telah mereka hirup dan kemudian muntahkan
namun mereka terus menginginkan
dunia ini berlutut kepada mereka.

Mereka adalah pelaku-pelaku handalan
yang bertopengkan kemanusiaan dan keadilan
dan dalam masa yang sama
mereka juga meniupkan napiri peperangan
yang tidak lagi laku dan malah membosankan
tetapi mereka terus meniupnya juga
seperti pemikat-pemikat burung yang tidak beretika
terus-menerus memikat untuk mengelirukan mangsa.

Inilah dia suatu bangsa
yang bernama Ya'juj dan Ma'juj
dan yang sekarang ini pula
adalah anak cucu mereka, ya anak cucu mereka
yang berada di penghujung sejarah
menjadi pembinasakan
menjadi penjarah
kepada kemanusiaan
ya, kepada kemanusiaan!

Lalu apakah lagi yang hendak kita ungkapkan
tentang bangsa pembinaan ini?
Selain dari memintanya berhenti
dari memfitnah umat Muhammad ...
kita juga hendaklah bersiap
tetapi bukan untuk bertempur
cuma mengingatkan supaya tabah dan sabar
dan tegakkan daulah Islamiah di dalam diri
dengan iman dan taqwa
penglipur lara.

Jangan cemoahkan pendirian ini, saudara!
Sabar bukanlah tandanya lemah
tawakal bukanlah kosong menyerah
ii adalah pakaian nabi-nabi
ini adalah hiasan wali-wali
iaitu siapa
yang diberikan penghormatan
dengan kemenangan dan Syurga.

Mengapakah kita tidak boleh, saudara?
Mengapakah landasan ini tidak kita jalani?
Mengapakah jalan ini tidak kita lalui?
mengapakah kita lupakan ajaran Al-Quran:
Bahawa Allah itu bersama orang-orang yang sabar?
Bahawa kemenangan itu adalah milik orang-orang
yang sabar?

Jadi ...
di manakah cacatnya?
di manakah pincangnya?

Yang penting lagi ...
yakin mestilah ada di mana-mana
dalam diri kita
dalam beragama
dalam berbangsa
dalam bermegara
dalam berhubung ...
dengan sesiapa saja
bahawa kita ini adalah umat yang terbaik.

Adapun mereka yang terus menohmah
itu adalah resam mereka
sepatutnya ...
ini akan membuatkan kita lebih teguh lagi
bukannya minta dikasihani
kerana adalah jelas bukannya salah kita
tetapi merekalah yang banyak berhutang
sama ada darah atau lain-lain
kerana itu insya-Allah ...
lambat laun 'Mahkamah Langit' akan bersidang juga.

Adi Rumi

Dari muka 12

negara. Dia dipanggil
Doktor Pakar Dunia IT.
Dia telah mencipta kea-
jaiban untuk penduduk
dunia, dia dipanggil mem-
bentangkan kertas kerja di
seminar-seminar antara-
bangsa. Namanya sudah
setanding dengan tokoh-
tokoh terkenal dunia
seperti As-Syeikh Yusof
Al-Qardawi, Syeikh Abu
Ala Maududi dan banyak
lagi. Yang penting,
namanya sudah tertulis di
puncak dunia. Kamu tahu!
Bekas murid-muridnya
ramai yang berjaya dalam
bidang akademik. Ada
yang jadi pakar dan
penasihat. Penasihat presi-
den, juruperunding lelaki
terkaya di dunia dan ramai
lagi semua pernah belajar
dari mahaguru. Kenapa
pula kamu penduduk
kampungan yang baru kenal
IT dan global cuba mem-
pertikaikan kemampuan
mahaguruku! Oh malang
benar! Permata bernilai
tidak dihargai!

Mereka tidak dapat
membezakan antara kaca
dengan permata. Mereka
jahil sanggup memfitnah,
sanggup membuang
mahaguru dengan alasan
yang munasabah.

Mereka mahu pela-
jaran IT dipermudahkan,
boleh mengubah sistem
akaun bank supaya mere-
ka dapat mengklon kad
ATM. Mereka mahu ma-
haguru mengajar bagai-
mana cara membuat sen-
jata dan bom supaya
mereka dapat mengebom
dan menuba ikan! Pelik
betul saranan mereka!

Fikirkanlah!

Pakar-pakar IT plastik,
tersenyum bila menge-

**MEREKA mahu pelajaran
IT dipermudahkan,
boleh mengubah
sistem akaun bank supaya
mereka dapat mengklon
kad ATM. Mereka mahu
mahaguru mengajar
bagaimana cara membuat
senjata dan bom supaya
mereka dapat mengebom
dan menuba ikan! Pelik
betul saranan mereka!**

tahui mahaguru dihalau
dari kampungnya. Mereka
bersorak, mereka berpes-
ta : Kita berjaya, amanlah
kampungan kita, bisik salah
seorang pakar IT plastik
itu. Kini kepakaran mereka
akan diperlukan semula.
Mereka boleh mengajar
kembali penduduk kam-
pung yang pernah belajar
kepada mahaguru. Faham-
mannya harus dikikis dari
minda murid-muridnya.
Fahamannya men-
datangkan bahaya kepada
negara! Peliknya pen-
duduk kampung seorang
pun tak mau datang belajar
kepada pakar IT itu
walaupun pelbagai helah
dan pujukan mereka
lakukan. Penduduk kam-
pung tetap setia dan taat
kepada mahaguru.

"Orang bodoh mesti
belajar kepada orang
bodoh baru jadi pandai,"
kata-kata terakhir mahagu-
ru yang masih bermain di
kepala orang tua itu. Tiap-
tiap hari kata-kata itu
dihafalnya menjadi sebaris
syair.

"Orang bodoh belajar
dengan orang bodoh, jadi

pandai.

Orang pandai belajar
dengan orang pandai, jadi
bodoh.

Orang bodoh belajar
dengan orang pandai, jadi
bodoh.

Orang pandai belajar
dengan orang bodoh, jadi
pandai."

Kanak-kanak bersorak
kegirangan bila mende-
ngar syair orang tua itu.
Syair itu menjadi kege-
maran orang muda-muda.
Orang tua itu tetap dengan
tugasnya menjaga dan
membersihkan rumah
usang di atas bukit itu.
Rumah itu amanah maha-
gurunya.

"Assalamualaikum,"
Orang tua itu menoleh ke
arah suara yang datang
dari bas berwarna hijau.
Bas berwarna hijau itu
berhenti di halaman rumah
usang itu. Dua puluh tahun
rumah ini tinggal, inilah
pertama kali tetamu datang
berkunjung ke sana.

"Walaikumussalam,"
orang tua itu memperbe-
tulkan kaca matanya.
Kehairanan!





سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليسيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

RABU 4 DISEMBER

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/ LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT
PETANG	
2.00	LAGU KEBANGSAAN
2.02	MUTIARA FIRMAN
2.10	SUSUNAN RANCANGAN
2.15	RIMBA'S ISLAND
3.00	PEDOMAN
3.34	AZAN ASAR
3.45	DOKUMENTARI
4.15	JEJAK RASUL SR 7
4.45	DAPUR RAMADAN
5.15	RAMADAN KARIM
5.30	MENJELANG SUNGKAI
5.45	BERITA
6.03	BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.15	CAFE DIGITAL
6.45	SIRAH NABAWIYAH
MALAM	
7.00	LIPUTAN SEMASA
7.21	AZAN ISYAK
7.30	PENGUMUMAN MELIHAT ANAK BULAN SYAWAL
JIKA ANAK BULAN TIDAK NAMPAK DILIHAT	
7.35	PRISMA
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA - 'Nekad'
9.25	MERENTAS KENANGAN
10.00	NEWS AT 10
10.30	SO LITTLE TIME
11.00	TEDARUS
12.10	DOA DAN SIARAN TAMAT
JIKA ANAK BULAN NAMPAK DILIHAT	
7.35	FILLER
7.45	TITAH PERUTUSAN KOYMM
	SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TAKBIR HARI RAYA
9.40	FILLER
10.00	NEWS AT 10
10.30	TELERIA RAYA - Siaran Langsung
12.30	TAKBIR HARI RAYA
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 5 DISEMBER (Jika Anak Bulan Tidak Nampak Dilihat)

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT
PETANG	
2.00	LAGU KEBANGSAAN
2.02	MUTIARA FIRMAN
2.10	SUSUNAN RANCANGAN
2.15	ANIMATION HOUR: INCREDIBLE DENNIS
	THE MENACE/ ULTRA FORCE
3.00	ONCE UPON AN ISLAND - 'South East Asia'
3.34	AZAN ASAR
3.45	PEDOMAN
4.15	DOKUMENTARI
4.45	DAPUR RAMADAN
5.15	RAMADAN KARIM
5.30	MENJELANG SUNGKAI
5.45	BERITA
6.04	BEDUK/AZAN MAGHRIB
6.15	DOKUMENTARI - FIQHUL MIRATS
6.45	
MALAM	
7.00	WARTA ISLAM
7.21	AZAN ISYAK
7.45	TITAH PERUTUSAN DYMM
	SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	TAKBIR HARI RAYA
9.40	FILLER
10.00	NEWS AT 10
10.30	HIBURAN : TELERIA RAYA - Siaran Langsung
12.30	TAKBIR HARI RAYA
12.40	DOA DAN SIARAN TAMAT

KHAMIS 5 DISEMBER HARI RAYA PERTAMA

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
7.15	SEMBAHYANG HARI RAYA

10.00	AIDILFITRI - Siaran Langsung
10.10	RAMPAI PAGI - Sambungan
	SUSUNAN RANCANGAN
	ABU ASIA-PACIFIC ROBOT CONTEST 2002
11.30	TELATAH HARI RAYA
12.12	AZAN ZUHUR
12.30	HIBURAN : DUNDANG LEBARAN
PETANG	
1.30	SUSUNAN RANCANGAN
1.45	TAYANGAN GAMBAR - 'Kecil-Kecil Cili Padi'
	NADWAH KHAS HARI RAYA
3.15	AZAN ZUHUR
3.34	DRAMA MOU RTB/RTM - 'Denyut Nadi'nya
4.15	BERITA
5.45	DOKUMENTARI
6.00	AZAN MAGHRIB
6.07	FIQHUL MIRATS
6.45	
MALAM	
7.00	SURAH YAASIIN
7.21	AZAN ISYAK
7.30	DRAMA SITCOM
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	HIBURAN : IMPRESI MUZIK
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Bean, The Movie'
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 6 DISEMBER HARI RAYA PERTAMA

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
7.15	SEMBAHYANG HARI RAYA
	AIDILFITRI - Siaran Langsung
	RAMPAI PAGI - Sambungan
	SUSUNAN RANCANGAN
	ABU ASIA-PACIFIC ROBOT CONTEST 2002
11.30	BERITA
11.40	TELATAH HARI RAYA
12.30	SEMBAHYANG FARDU
	JUMAAT - Siaran Langsung
PETANG	
1.30	SUSUNAN RANCANGAN
1.45	TAYANGAN GAMBAR - 'Kecil-Kecil Cili Padi'
	NADWAH KHAS HARI RAYA
3.15	AZAN ZUHUR
3.34	DRAMA MOU RTB/RTM - 'Denyut Nadi'nya
4.15	BERITA
5.45	DOKUMENTARI
6.00	AZAN MAGHRIB
6.07	FIQHUL MIRATS
6.45	
MALAM	
7.00	SURAH YAASIIN
7.21	AZAN ISYAK
7.30	DRAMA SITCOM
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	HIBURAN : IMPRESI MUZIK
10.00	NEWS AT 10
10.30	TAYANGAN GAMBAR - 'Bean, The Movie'
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

JUMAAT 6 DISEMBER HARI RAYA KEDUA

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
	SUSUNAN RANCANGAN
	TAMASYA PANTUN MOU RTB/RTM
10.00	BERITA
10.15	KAUNSELING MASYARAKAT - 'Menangani Anak-Anak Dalam Menyambut Hari Raya'
12.30	SEMBAHYANG FARDU
	JUMAAT - Siaran Langsung
PETANG	
1.30	SUSUNAN RANCANGAN
1.45	HIBURAN : RTM - NOSTALGIA AIDILFITRI
	TAYANGAN GAMBAR - 'Pasrah'
2.15	AZAN ASAR
3.34	DRAMA MOU RTB/STV 12 - 'Menyulam Kasih'
4.15	BERITA
5.45	DOKUMENTARI
6.00	AZAN MAGHRIB
6.07	AN NAZHAFAH/PEDOMAN AQIDAH
6.45	
MALAM	
7.05	DRAMA SITCOM
7.22	AZAN ISYAK

8.00	BERITA NASIONAL
8.50	HIBURAN : DENDANG FITRI RIA
10.00	NEWS AT 10
10.30	KHUTBAH JUMAAT
11.30	KONSERT SENARIO LIVE IN BRUNEI
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 7 DISEMBER HARI RAYA KEDUA

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
	SUSUNAN RANCANGAN
	TAMASYA PANTUN MOU RTB/RTM
10.00	BERITA
10.15	KAUNSELING MASYARAKAT - 'Menangani Anak-Anak Dalam Menyambut Hari Raya'
11.30	HIBURAN : DUNDANG LEBARAN
PETANG	
1.30	SUSUNAN RANCANGAN
1.45	HIBURAN : RTM - NOSTALGIA AIDILFITRI
2.15	TAYANGAN GAMBAR - 'Pasrah'
3.35	AZAN ASAR
4.15	DRAMA MOU RTB/RTM - 'Menyulam Kasih'
5.45	BERITA
6.00	DOKUMENTARI
6.07	AZAN MAGHRIB
6.45	AN NAZHAFAH/PEDOMAN AQIDAH
MALAM	
7.05	DRAMA SITCOM
7.22	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	HIBURAN : DENDANG FITRI RIA
10.00	NEWS AT 10
10.30	KONSERT SENARIO LIVE IN BRUNEI
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

SABTU 7 DISEMBER HARI RAYA KETIGA

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
	SUSUNAN RANCANGAN
	ANIMATION MOVIE - 'Antz'
10.00	BERITA
10.15	CANDID CAMERA
11.30	AZAN ZUHUR
12.13	SUSUNAN RANCANGAN
12.40	HIBURAN - 'Fitri Ria' (4 Daerah)
1.50	
PETANG	
1.45	TAYANGAN GAMBAR - 'Senario Lagi'
3.15	SPECIAL : THE COSBY SHOW - 'A Loot Back'
3.35	AZAN ASAR
4.15	DRAMA - 'Bulan Pucat Di Ambang Malam'
5.45	BERITA
6.00	DOKUMENTARI
6.08	AZAN MAGHRIB
6.45	PEDOMAN AQIDAH/AT TIBBUL ISLAM
MALAM	
7.00	SPECIAL : MOMS FUNNIEST MOMENTS
7.22	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	MENURAYA
10.00	NEWS AT 10
10.30	KHUTBAH JUMAAT
11.30	HIBURAN : BINTANG RADIO
12.55	TALENTIME - Ulangan
	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 8 DISEMBER HARI RAYA KETIGA

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA

9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
	SUSUNAN RANCANGAN
10.00	ANIMATION MOVIE - 'Antz'
10.15	BERITA
11.30	CANDID CAMERA
12.00	AZAN ZUHUR
12.13	SUSUNAN RANCANGAN
12.40	HIBURAN - 'Fitri Ria' (4 Daerah)
1.50	

PETANG	
1.45	TAYANGAN GAMBAR - 'Senario Lagi'
3.15	SPECIAL : THE COSBY SHOW - 'A Loot Back'
3.35	AZAN ZUHUR
4.15	DRAMA - 'Bulan Pucat Di Ambang Malam'
5.45	BERITA
6.00	DOKUMENTARI
6.08	AZAN MAGHRIB
6.45	PEDOMAN AQIDAH/AT TIBBUL ISLAM

MALAM	
7.00	SPECIAL : MOMS FUNNIEST MOMENTS
7.22	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	MENURAYA
10.00	NEWS AT 10
11.30	HIBURAN : BINTANG RADIO
12.55	TALENTIME - Ulangan
	DOA DAN SIARAN TAMAT

AHAD 8 DISEMBER HARI RAYA KEEMPAT

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
	SUSUNAN RANCANGAN
	DRAMA : YOUNG HEROES
10.00	SPECIAL : THE COSBY SHOW
10.15	BERITA
11.00	CANDID CAMERA
11.30	AZAN ZUHUR
12.14	CANDID CAMERA
12.30	

PETANG	
1.30	SUSUNAN RANCANGAN
1.15	BLEEP & BLOOPERS
2.00	HIBURAN : MESRARIA
	AIDILFITRI
3.15	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Raaz'
3.35	AZAN ASAR
5.45	BERITA
6.00	DOKUMENTARI
6.08	AZAN MAGHRIB
6.45	AT TIBBUL ISLAM/ BIMBINGAN KELUARGA

MALAM	
7.00	DOKURIMA
7.22	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA - 'Warga Emas'
10.00	NEWS AT 10
10.30	KHUTBAH JUMAAT
11.30	SUKMAIRAMA RTB/STV 12 - Ulangan
12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 9 DISEMBER HARI RAYA KEEMPAT

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
	SUSUNAN RANCANGAN
	DRAMA : YOUNG HEROES
10.00	SPECIAL : THE COSBY SHOW
10.15	BERITA
11.00	CANDID CAMERA
11.30	AZAN ZUHUR
12.14	

12.30	CANDID CAMERA
PETANG	
1.30	SUSUNAN RANCANGAN
1.15	BLEEP & BLOOPERS
2.00	HIBURAN : MESRARIA
	AIDILFITRI
3.15	TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Raaz'
3.35	AZAN ASAR
5.45	BERITA
6.00	DOKUMENTARI
6.08	AZAN MAGHRIB
6.45	AT TIBBUL ISLAM/ BIMBINGAN KELUARGA

MALAM	
7.00	LIPUTAN SEMASA
7.22	AZAN ISYAK
7.30	WARNA-WARNI
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	DRAMA - 'Warga Emas'
10.00	NEWS AT 10
10.30	KHUTBAH JUMAAT
11.30	SUKMAIRAMA RTB/STV 12 - Ulangan
12.05	DOA DAN SIARAN TAMAT

ISNIN 9 DISEMBER

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/ LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT
PETANG	
4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	MUTIARA FIRMAN
4.10	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR : UNDER NEPTUNE'S FLAG
5.15	ON THE BALL
5.45	BERITA
6.08	AZAN MAGHRIB
6.15	ELEMENTS
6.45	BIMBINGAN KELUARGA

MALAM	
7.00	DRAMA SITCOM - Ulangan
7.23	AZAN ISYAK
7.30	WARNA WARNI
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	HIBURAN : IMPRESI MUZIK/DENDANG FITRI RIA
10.00	NEWS AT 10
10.30	DOKUMENTARI
1.15	DOA DAN SIARAN TAMAT

SELASA 10 DISEMBER

PAGI	
6.00	PEMBUKAAN/ LAGU KEBANGSAAN
6.02	MUTIARA FIRMAN
6.12	RAMPAI PAGI - Siaran Langsung
9.00	BERITA
9.15	RAMPAI PAGI - Sambungan
10.00	SIARAN TAMAT

PETANG	
4.00	LAGU KEBANGSAAN
4.02	MUTIARA FIRMAN
4.10	SUSUNAN RANCANGAN
4.15	ANIMATION HOUR : DRAGON TALES
4.45	DOKUMENTARI
5.45	BERITA
6.09	AZAN MAGHRIB
6.15	DRAMA - 'Tersayang' - Ulangan
6.45	BIMBINGAN MUKMIN

MALAM	
7.00	DRAMA SITCOM - 'Masam-Masam Manis'
7.23	AZAN ISYAK
8.00	BERITA NASIONAL
8.50	HIBURAN : IMPRESI MUZIK/DENDANG FITRI RIA - Ulangan
10.00	NEWS AT 10
10.30	E.R
11.15	QUEEN OF SWORDS I - 'Runaways'
12.00	DOA DAN SIARAN TAMAT

Dari muka 2

pengantin. Selain itu perempuan pula akan sibuk menganyam tikar, kain yang akan dibuat untuk hantaran majlis menghantar berian.

Pada zaman sekarang terdapat perbezaan di mana lebih tertumpu pada menyediakan jamuan seperti menolong penyusunan kerusi bagi yang tinggal di darat dan bagi yang di Kampong Ayer pula akan menyediakan tikar dan penyusunan makanan. Bagi perempuan pula akan menolong membantu dalam hal masak-masakan. Ini membuktikan konsep Islam sudah mempengaruhi walaupun pada zaman sekarang ada sebilangan sudah menggunakan perkhidmatan penyajian makanan (catering services). Namun kalau kita fikirkan sebenarnya penggunaan perkhidmatan itu sebenarnya mempunyai tujuan yang tertentu. Misalnya mengelakkan pembaziran, menjimatkan masa dan mengelakkan fitnah kerana jika sekiranya jamuan yang disediakan telah bangas atau tidak cukup dan sebagainya.

Selain itu juga secara tidak sedar apabila kita fikirkan pada zaman sekarang penceraian tempat duduk di antara lelaki dengan perempuan jelas kita lihat konsep Islam yang ditonjolkan. Ini bukan saja untuk mengelakkan sebarang fitnah malah dapat mengeratkan silaturahim antara yang hadir. Dalam majlis perkahwinan pada zaman

sekarang juga terdapatnya permainan hadrah bagi memeriahkan lagi suasana perkahwinan. Dalam menyanyikan lagu-lagu tersebut, kita dengar kebanyakannya memuji kebesaran Tuhan dan Rasul.

ALAT-ALAT KEBESARAN DIRAJA

Dari segi material budaya pada alat-alat kebesaran diraja juga dapat kita lihat telah wujudnya kesan-kesan Islam. Banyak potongan ayat-ayat Al-Quran yang terpilih dan ditulis di dalamnya seperti di perisai, kain Sesandang dan Pataratna yang ada di Lapau sekarang ini tertulis potongan ayat seperti dalam Surah Ali 'Imran. Sama seperti Pataratna, Singgahsana juga mempunyai ayat-ayat suci yang tertentu. Ini mungkin sebenarnya memberi keberkatan dan akan diredai oleh Allah malah dalam adat istiadat diraja di mana Kucing Emas dan Tongkat Ajai tidak lagi digunakan. Ini disebabkan ianya adalah bertentangan dengan agama Islam yang sudah semakin mendalam mempengaruhi adat istiadat diraja.

KESIMPULAN

Dari apa yang telah diterangkan di atas tadi jelas terbukti bahawa Adat Istiadat Melayu Brunei sudah banyak yang dipengaruhi oleh Islam. Malah banyak adat istiadat Brunei yang lain juga turut direvisi oleh Islam seperti adat kematian, adat berpapat jambul, adat beranak dan lain-lain adat yang terdapat di Brunei. Selaras dengan terbentuknya Perlembagaan Negeri Brunei 1959

yang diasaskan oleh Sultan Omar Ali Saifuddin III di mana agama Islam dijadikan sebagai agama rasmi sehingga Pemasalahan Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984 menjadi sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

Namun apa yang perlu diberi kesedaran pada orang Melayu zaman sekarang ialah untuk mengekalkan keaslian adat supaya tidak akan hilang begitu saja tanpa bercanggah nilai-nilai Islam. Dapat kita lihat bahawa mana-mana adat yang bercanggah dengan Islam telah diselaraskan atau disesuaikan dengan Islam seperti diubah suai dan ditinggalkan seperti mana yang berlaku pada zaman sekarang.

NOTA Hujung:

Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, 'Kebudayaan Menurut Pandangan Islam', dalam Intisari Kebudayaan Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm 45-46.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, 'Adat Istiadat Brunei', dalam Seminar Kebudayaan Brunei Kebudayaan Asas Keperibadian Bangsa. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam, 1985, hlm. 2-3.

Mahmud Bakyr, 'Adat Dalam Penghidupan (I)', dalam Bahana, hlm 24.

Yura Halim, Adat

Mengulum Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993, hlm.1.

Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 'Chiri Gelaran Di Brunei', dalam Iktisar Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976, hlm. 2

Yura Halim, Adat Mengulum Bahasa..., hlm. 4.

Ibid., hlm.2.

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Md. Zain Haji Serudin, Melayu Islam Beraja: Suatu Pendekatan, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 1998, hlm.126.

Ibid., hlm. 108.

Mohd.Taib Osman, Kebudayaan Melayu Dalam Beberapa Persoalan, Dewan Bahasa dan Pustaka Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 85.

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Md. Zain Haji Serudin, Melayu Islam Beraja ..., hlm. 66.

Pg. Mohamad bin Pg. Hj. Abd. Rahman, Islam di Brunei Darussalam, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, hlm. 10-11.

Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 'Chiri Gelaran Di Brunei', hlm 2.

Yura Halim, Adat Mengulum Bahasa..., hlm. 32.

Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri

DARI segi material budaya pada alat-alat kebesaran diraja juga dapat kita lihat telah wujudnya kesan-kesan Islam. Banyak potongan ayat-ayat Al-Quran yang terpilih dan ditulis di dalamnya seperti di perisai, kain Sesandang dan Pataratna yang ada di Lapau sekarang ini tertulis potongan ayat seperti dalam Surah Ali 'Imran. Sama seperti Pataratna, Singgahsana juga mempunyai ayat-ayat suci yang tertentu. Ini mungkin sebenarnya memberi keberkatan dan akan diredai oleh Allah malah dalam adat istiadat diraja di mana Kucing Emas dan Tongkat Ajai tidak lagi digunakan. Ini disebabkan ianya adalah bertentangan dengan agama Islam yang sudah semakin mendalam mempengaruhi adat istiadat diraja.

Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 'Chiri Gelaran Di Brunei' ..., hlm. 4.

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Md. Zain Haji Serudin, Melayu Islam Beraja..., hlm. 66.

Rokiah Md. Salleh, 'Adat Perkahwinan Orang Melayu Brunei', dalam Bahana, April-Jun 1976, hlm 19.

Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 'Istiadat Pengantaran Pertunangan', dalam Iktisar Budaya, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1976, hlm 28.

Rokiah Md. Salleh,

Adat Perkahwinan..., hlm. 26.

Ibid., hlm 27

Rusli Murni, 'Adat Istiadat Perkahwinan Puak Tutong', dalam Beriga, April-Jun 1984, Bil.3, hlm 47.

Ibid., hlm 47.

Ibid., hlm 48.

Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri, 'Identiti dan Kebudayaan Brunei: Satu Penganalisaan', dalam Intisari Kebudayaan Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, hlm. 12.

Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka

Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned, Fatwa Mufti Kerajaan, Mufti kerajaan, Negara Brunei Darussalam sepanjang 1994-1995, Jabatan Mufti Kerajaan, Brunei Darussalam, hlm. 90-91.

Kipli bin Bulat, 'Pengangan Dalam Perkahwinan Masyarakat Melayu Brunei', dalam Berita Muzium, jilid 16, Jan - Jun 95, hlm. 14.

Ibid., hlm. 20.

Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Md. Zain Haji Serudin, Masuknya Islam dan Kesan-kesannya Di Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1984, hlm. 29.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan,
Diberikan percuma kepada rakyat,
Rajin membaca luas pengetahuan,
Alai jawablah soalan tercatat.

- Apakah mesyuarat yang dihadiri oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Copenhagen?
 - Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan ASEAN.
 - Mesyuarat Serantau dan Antarabangsa.
 - Mesyuarat Asia-Eropah.
- Pasukan manakah yang menjuarai Kejohanan Bola Sepak Piala Jemputan Brunei 2002 yang lalu?
 - DPM F.C
 - Bec-Taro Sasana
 - SABAH F.A
- Apakah tema Perkampungan Sivik Mahasiswa/Mahasiswi Seberang Laut anjuran Jabatan Penerangan, Kementerian Pendidikan, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Syarikat Minyak Brunei Shell?

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

ALAI PINTAR

SYARAT PERADUAN

- Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
- Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
- Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

- Alai yang berjaya diadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
- PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

- Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan Alai Pintar keluaran 13 November 2002.

1. C. 2. A. 3. Sentiasa Bersama Biskita.

PEMENANG RUANGAN ALAI PINTAR KELUARAN 13 NOVEMBER 2002

ARIF MAHYUDDIN BIN HAJI UMAR ALI
NO. 167, SIMPANG 167, JALAN BAN 3,
KAMPONG KILANAS, MULAUT.
UMUR : 10 TAHUN
SEKOLAH : TUNAS JAYA,
PGGMB, LAMBAK.

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 558

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 558,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Anggota polis perlu tingkat disiplin

GADONG, 16 November. - Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman menyarankan anggota pangkat rendah mengikuti kursus selama lapan minggu itu hanya 9 orang saja yang berjaya menerima sijil mereka kerana disiplin yang tinggi.

Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman membuat saranan tersebut di Majlis Penutup Kursus Pegawai Peralihan

Oleh
Abu Bakar HAR

bagi Skuad I/ 2002 yang berlangsung di Pusat Latihan Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei di sini.

Dari 10 orang anggota pangkat rendah yang mengikuti kursus selama lapan minggu itu hanya 9 orang saja yang berjaya menerima sijil mereka kerana disiplin yang tinggi.



SEORANG anggota polis pangkat rendah menerima sijil Kursus Pegawai Peralihan daripada Pesuruhjaya Polis, Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

keperluan satu-satu tugas.

Pada majlis itu pegawai-pegawai yang baru dinaikkan pangkat itu diingatkan supaya melaksanakan tugas dengan lebih baik serta gigih terutama setelah meninggal-

kan Pusat Latihan.

Kenaikan pangkat seseorang anggota itu, jelas Dato Paduka Seri Awang Haji Abdul Rahman, adalah berdasarkan kepada kecekapannya dalam melaksanakan tugas-tugas yang

diamanahkan.

Tegasnya, kenaikan pangkat itu bukanlah satu kemegahan atau 'glamour' malahan ianya merupakan satu tanggungjawab yang besar lagi mencabar yang harus dipikul.

Dua penuntut ITQSHHB mewakili negara ke Pertandingan Menghafaz Al-Quran

BERAKAS, 22 November.

- Mohd. Fikri bin Haji Sharbini dan Mohd. Azim bin Haji Ali, penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) hari ini telah bertolak ke Republik Arab Mesir dan Jordan bagi mewakili Negara Brunei Darussalam dalam Pertandingan Menghafaz Al-Quran di Republik Arab Mesir dan Jordan.

Mohd. Fikri disertai oleh Pemangku Penolong Pengarah Unit Undang-Undang Islam, Haji Abdul Aziz bin OKML Haji Mohd. Yusof, sementara Mohd. Azim ditemani oleh

Oleh Hj. Ahmad HS

Pegawai dari Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Rahman bin Mat Zain.

Mohd. Fikri akan menyertai Pertandingan Menghafaz Al-Quran Antarabangsa di Jordan sementara Mohd. Azim akan menyertai Pertandingan Menghafaz Al-Quran Ke-10 di Republik Arab Mesir.

Mohd. Azim merupakan johan bagi kategori B dalam Pertandingan Menghafaz Al-Quran di negara ini.

Kementerian Kesihatan hantar wakil ke Persidangan WeCAN

BERAKAS, 18 November.

- Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam menghantar wakil ke Third Annual Worldwide Collaborations On Autism Needs (WeCAN) Autism Best Practices Conference di Republik Singapura.

Penyerahan tajaan tiket penerbangan bagi perwakilan Kementerian Kesihatan ke persidangan itu telah diserahkan oleh Pengurus Perhubungan Awam Penerbangan Diraja Brunei (RBA), Dayang Siti Diyana Abdullah kepada Dayang Alinah binti Haji Tamin, Pakar Klinik Psikologi dari Pusat Penjagaan Perkembangan Kanak-kanak, Kementerian Kesihatan, di Pusat Latihan RBA.

WeCAN merupakan bahagian latihan Pusat Sumber Autisme Republik Singapura yang akan menemukan ahli pakar bagi membincangkan dan berkongsi pe-

Oleh Samle HJ

ngalaman dalam mengurus individu yang menghidap autisme dan sindrom 'asperger'.

"Bilangan kanak-kanak di Pusat Perkembangan Kanak-kanak yang menghidap autisme dan gangguan yang berkaitan semakin meningkat," jelas Dayang Alinah kepada pemberita.

Menurutnya, pusat berkenaan juga menyediakan khidmat nasihat kepada tenaga pengajar autisme mengenai kaedah meningkatkan kemahiran perhubungan dan mendidik dalam bilik darjah.

Katanya, penyertaan ke persidangan itu juga merupakan sebagai satu langkah bagi meningkatkan kemahiran bagaimana untuk mengendalikan penghidap autisme dengan lebih cekap.

Latihan pengurusan membangun keupayaan tenaga kerja Brunei



PENGARAH Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Abdul Ghani semasa berucap di Majlis Ceramah Mengenai Enam Sigma Bagi Daya Saing SME.

GADONG. - Pusat Pengurusan ASEAN-EC bertanggungjawab untuk menyampaikan dan mengembangkan pengetahuan pengurusan yang terbaik dan terkini serta menyediakan latihan pengurusan dan membangun keupayaan tenaga kerja di Negara Brunei Darussalam sesuai dengan perubahan dan untuk meningkatkan daya keusahawanan.

Penyampaian melalui ceramah seperti Enam Sigma adalah konsep pengurusan yang berkualiti yang mana pada masa ini menjadi amalan meluas dengan jayanya oleh organisasi-organisasi besar dan ternama di negara-negara jiran kita.

Oleh Aliddin HM

Dalam mendukung inisiatif kerajaan ke arah peningkatan produktiviti dalam organisasi-organisasi terutama sokongan kepada perusahaan kecil dan sederhana (SME) terhadap industri-industri besar, konsep ini merupakan satu alat yang boleh digunakan oleh organisasi dalam iklim perniagaan baru yang kompetitif.

Perkara itu telah dinyatakan oleh Pengarah Pusat Pengurusan ASEAN-EC, Abdul Ghani Pengiran Haji Metussin di Majlis Ceramah Mengenai

Enam Sigma Bagi Daya Saing SME berlangsung di Pusat Pengurusan ASEAN-EC di sini.

Beliau menambah, Enam Sigma merupakan satu inisiatif berkualiti yang pada mulanya menumpukan kepada pengurangan kelemahan-kelemahan yang kemudiannya memberikan penekanan ke atas proses pembaikan perniagaan secara umum yang termasuk pengurangan kos, pembaikan masa kitaran, meningkatkan kepuasan hati pelanggan dan seterusnya menanamkan sikap untuk sentiasa mengekalkan nilai-nilai kecekapan sesebuah organisasi.

Konsep ini, jelasnya, sudah menjadi alat paling berkesan untuk meningkatkan prestasi organisasi terutama keberkesanan operasi dengan menggunakan objektif yang strategik.

Ceramah disampaikan oleh Pengarah Urusan Syarikat Development Private Limited Singapore, Awang V. Ramakrishnan yang menyentuh isu-isu pengurusan politik, ekonomi dan perusahaan.

Kira-kira 40 orang menghadiri ceramah tersebut yang terdiri daripada ketua-ketua jabatan, pengarah-pengarah urusan, para pegawai kanan dan para perwakilan sektor swasta.



KIRA-KIRA 40 orang menghadiri Ceramah Mengenai Enam Sigma Bagi Daya Saing SME. - Gambar oleh Ramli Tengah.



PENGURUS Perhubungan Awam RBA, Dayang Siti Diyana menyampaikan tajaan tiket penerbangan kepada Dayang Alinah. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.



**MAJLIS UGAMA ISLAM
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

PENGUMUMAN

MAJLIS Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam mengumumkan bahawa pihaknya ada menyimpan perkara seperti berikut :

Wang Tunai yang telah dijumpai di Tingkat 1, Bangunan Lama, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Elizabeth Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Sesiapa yang kehilangan wang berkenaan bolehlah berhubung ke Pejabat Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Negara Brunei Darussalam pada waktu pejabat dibuka.



JABATAN PERDANA MENTERI

TAWARAN JABATAN PERDANA MENTERI

**MEMBERSIHKAN KAWASAN LUAR DAN DALAM
'POOL TRANSPORT', JABATAN PERDANA MENTERI,
KAWASAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS**

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa, Sebutarga Jabatan Perdana Menteri, Bilik Pentadbiran Tingkat 1, Bangunan Sekretariat, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan, BS 8610, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang hari **Khamis, 19 Disember 2002**.
2. Tawaran-tawaran ini adalah bagi tempoh dua (2) tahun sahaja.
3. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya akan menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
4. Borang dan keterangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Kenderaan, Jabatan Perdana Menteri, Lapangan Terbang Lama, Berakas semasa hari-hari bekerja melalui talian telefon 02 - 380255/380739.
5. Tawaran hendaklah dihantar dalam sarung surat yang tertutup dengan rapi, ditulis dengan 'MEMBERSIHKAN KAWASAN LUAR DAN DALAM 'POOL TRANSPORT' JABATAN PERDANA MENTERI, KAWASAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS' tanpa menunjukkan identiti pembekal. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dan tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.



**JABATAN DAERAH BRUNEI
DAN MUARA KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**JAWATAN KOSONG SEBAGAI KETUA KAMPUNG
BAGI DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

MUKIM GADONG

1. Ketua Kampung Beribi
2. Ketua Kampung Perpindahan Mata-Mata

MUKIM KOTA BATU

1. Ketua Kampung Sungai Matan

MUKIM BERAKAS 'A'

1. Ketua Kampung Lambak 'A'

MUKIM PERAMU

1. Ketua Kampung Peramu

MUKIM TAMOI

1. Ketua Kampung Pengiran Kerma Indera Lama dan Kampung Pengiran Tajuddin Hitam

Tanggaji: C1 EB 2 iaitu \$1,280.00 - \$1,930.00.

KELAYAKAN CALON KETUA KAMPUNG.

- 1) Setiap calon Ketua Kampung hendaklah:
 - a) Seorang lelaki yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
 - b) Sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan pelajaran di peringkat Tingkatan III atau kelulusan yang sebanding dengannya.
 - c) Bermastautin di kampung yang akan diketuainya tidak kurang dua (2) tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya.
 - d) Berumur tidak kurang 30 tahun dan tidak lebih 60 tahun sebelum atau pada tarikh pencalonannya.
 - e) Tidak menjadi ahli atau tidak terlibat sama ada secara langsung atau tidak di dalam sebarang pertubuhan siasah yang difikirkan boleh menjejaskan kepentingan atau keselamatan negara.
 - f) Mempunyai pengetahuan yang baik dalam agama Islam,



**JABATAN
PERKHIDMATAN ELEKTRIK
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/PSP/93/2002 :

Tajuk Kerja : SUPPLY AND INSTALL 11 KV EQUIPMENT, CABLE LAYING AND CONSTRUCTION OF SUBSTATION KAMPONG SUNGAI PAKU, TELISAI (40HA) AND KERAMUT DANAU (92HA) TUTONG.

Harga Dokumen : \$50.00 (tidak dikembalikan).

Harga Tawaran : \$500.00 (tidak dikembalikan).

Tarikh tutup : **30 Disember 2002**, hari **Isnin** jam 2.00 petang.

Tempat Tutup : Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan Pemborong : Kelas IV kategori 7C sahaja.

Bilangan Tawaran : JPE/LTN/PSP/94/2002 :

Tajuk Kerja : SUPPLY AND INSTALL 11 KV EQUIPMENT, HV CABLE LAYING AND CONSTRUCTION OF SUBSTATION AT SUNGAI PENYATANG, MUKIM TELISAI (459HA), TUTONG.

Harga Dokumen : \$50.00 (tidak dikembalikan).

Harga Tawaran : \$500,000.00 (tidak dikembalikan).

Tarikh tutup : **30 Disember 2002**, hari **Isnin** jam 2.00 petang.

Tempat Tutup : Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 8, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam.

Kelayakan Pemborong : Kelas IV, kategori 7C sahaja.

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Perancangan Sistem dan Penyelidikan Projek, Tingkat Satu (1), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Kementerian Pembangunan.

PERHATIAN :

Sila sertakan salinan 'BUSINESS NAMES ENACTMENT, 1958 - SECTION 16 AND 17' dan Sijil PendaftaranPemborong (MOD) dengan Kelas dan Kategori tersebut di atas semasa menghantar dokumen ini ke Jabatan Perkhidmatan Elektrik.

Kemasyarakatan dan adat resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.

- g) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian dan;
 - h) Tidak pernah diisytiharkan mufis di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan di negara ini dalam tempoh 2 tahun sebelum pencalonannya, termasuk pada tarikh pencalonannya oleh mahkamah.
2. Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan dipersarakan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.
 3. Calon yang terdiri daripada ahli pemiagaan atau pengusaha apabila dilantik menjadi Ketua Kampung boleh meneruskan pemiagaan atau perusahaannya menurut syarat-syarat yang ditentukan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.
 4. Pencadang dan penyokong bagi seorang calon Ketua Kampung hendaklah terdiri daripada pegawai negeri atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam dan tinggal bermastautin di kampung yang berkenaan. Calon, pencadang dan penyokong-penyokong hendaklah menandatangani borang pencalonan. Borang pencalonan hendaklah dilengkapkan sepenuhnya sebelum dihadapkan ke Unit Pentadbiran Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Jabatan Daerah Brunei dan Muara.
 5. Bagi Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat di Jabatan masing-masing ataupun dari pihak-pihak swasta hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis dari Ketua Jabatan masing-masing dan menghadapkan surat kebenaran itu semasa menghadapkan bersama borang pencalonan.
 6. Lain-lain syarat adalah tertakluk kepada Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 (Syarat-syarat Lantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung).

CARA MEMOHON.

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh didapati dan dihantar di alamat seperti berikut:-

Bahagian Unit Pentadbiran Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam

tidak lewat pada hari **Khamis, 26 Disember 2002** jam 4.00 petang

No. Projek : JTB/SO/SNG001/2003 dan JTB/SO/SNG002/2003

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong Jabatan Telekom Brunei yang berdaftar dalam Kelas K1, K2 dan K3 sahaja.
2. Tawaran-tawaran yang dimaksudkan adalah bagi:
 1. PROPOSED NEW CABINET 021 AT LUBOK SIGURUN, SENGKURONG EXCHANGE AREA.
 2. AUGMENTATION OF SECONDARY NETWORK AT CAB. 002, 003 AND 005 SENGKURONG EXCHANGE AREA.
3. Tawaran-tawaran mestilah diterima dalam sampul surat yang bertutup rapat dan bertandakan : 1. JTB/SO/SNG001/2003 - PROPOSED NEW CABINET 021 AT LUBOK SIGURUN, SENGKURONG EXCHANGE AREA. 2. JTB/SO/SNG002/2003 - AUGMENTATION OF SECONDARY NETWORK FOR CAB. 002, 003 AND 005 SENGKURONG EXCHANGE AREA tanpa menunjukkan nama pemborong dan dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 8, Bahagian Lembaga Tawaran Negara, Bangunan IBB, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan BS 8710, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari **Isnin, 23 Disember 2002** jam 2.00 petang. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
4. Dokumen-dokumen tawaran yang terperinci boleh didapati dari Unit Pendaftaran Pemborong, Tawaran dan Sebutarga Tingkat 2, Bahagian Unit Pentadbiran Sumber Tenaga, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB 3510, Negara Brunei Darussalam dengan pembayaran Dokumen Tawaran sebanyak \$200.00 (tidak dikembalikan).
5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang termurah atau terendah.
6. Hanya pemborong-pemborong yang berkecayaan sahaja yang dibenarkan dan hendaklah menunjukkan salinan pendaftaran mereka dalam kelas yang dimaksudkan atau surat penyertaan mereka dalam tawaran ini semasa mendapatkan dokumen-dokumen tawaran.
7. Sehubungan dengan tawaran tersebut satu taklimat/perjumpaan bagi menerangkan berkenaan dengan tawaran ini akan diadakan pada hari **Isnin, 9 Disember 2002**, jam 9.00 pagi bertempat di Bahagian Perkhidmatan-Perkhidmatan dan Operasi, Tingkat 1, Jabatan Telekom Brunei, Lapangan Terbang Lama, Berakas. Kehadiran penender-penender adalah dimestikan dan adalah satu syarat yang mesti dipatuhi.
8. Sekiranya pemborong-pemborong gagal menyelesaikan projek yang berkenaan pada tarikh yang ditetapkan tanpa sebarang sebab yang bertulis yang boleh diterima, maka bayaran denda sebanyak 0.1 peratus daripada jumlah harga projek tersebut akan dikenakan setiap hari terlewat bagi kesemuanya tidak melebihi 10 peratus.



JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PERHUBUNGAN

JAWATAN KOSONG BERGAJI HARI SEBAGAI PEGAWAI PENGUATKUASA

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan sebagai Pegawai Penguatkuasa bergaji hari di Jabatan Pengangkutan Darat.

1. Jawatan : Pegawai Penguatkuasa

Bahagian : III
Tanggagaji : \$65.90.

2. Syarat-Syarat Kelayakan :

- Mestilah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengetahuan tentang kersmian agama Islam, adat istiadat negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- i. Mempunyai Higher National Diploma atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang Automotol atau bidang yang bersesuaian dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Atau
ii. Mempunyai Higher National Certificate atau kelulusan yang sebanding dengannya dalam bidang Automotol atau bidang yang bersesuaian dan diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mempunyai pengalaman kerja dalam bidang berkaitan selama tidak kurang dari 3 tahun. Kelulusan yang lebih tinggi adalah diutamakan.
- Mempunyai pengetahuan mengenai Undang-undang dan Peraturan Lalu Lintas jalan raya.
- Mempunyai lesen memandu kelas 3 yang sah.
- Boleh memahami, menulis dan bertutur dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik.

3. Syarat-Syarat Lain :

- Dikehendaki mengetahui mengenai dengan Peraturan-peraturan Am 1961, Peraturan-peraturan perkhidmatan dan Peraturan-peraturan Kewangan.
- Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa di luar pekerjaan biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan.
- Syarat-syarat lain adalah dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

4. Tugas dan Tanggungjawab :

- Menjalankan Penguatkuasaan Undang-undang dan Peraturan-peraturan Lalu Lintas Jalan Raya.
- Melakukan pemeriksaan bagi mengenalpasti pemandu-pemandu dan kenderaan yang disyaki telah melanggar Undang-undang dan Peraturan-peraturan Jalan Raya dan juga menyalahgunakan permit-permit yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat, pertubuhan-pertubuhan, persatuan-persatuan atau orang-orang perseorangan.
- Membuat rondaan ke atas kesalahan-kesalahan dari segi Undang-undang dan Peraturan-peraturan Jalan Raya Negara Brunei Darussalam yang berhubung dengan tidak mematuhi Peraturan-peraturan pembinaan kelengkapan dan kegunaan atau kerana kerosakan-kerosakan mekanikal yang serius yang dipercayai boleh membahayakan penggunaan jalan raya yang lain.
- Membuat penyiasatan dan pendakwaan bagi pemandu-pemandu yang melanggar Peraturan Lalu lintas Jalan Raya.
- Dipertanggungjawabkan bagi membuat laporan kemalangan dan kaji selidik bagi kemalangan jalan raya.
- i. Sebagai Pegawai Sumber bagi Urusetia Majlis Keselamatan Jalan Raya.
- ii. Bertugas di pos kawalan di kesemua daerah.

5. Tempoh Percubaan dan Penetapan Jawatan :

Calon yang berjaya adalah dikehendaki mendapatkan lesen memandu kelas 1 dan 5 dalam masa 6 bulan dari tarikh lantikan. Pemohon-pemohon bolehlah mendapatkan borang permohonan SPA 1, di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Berakas dan menghadapkan permohonan dalam dua (2) salinan ke Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat, Jalan Gadong tidak lewat dari **31 Disember 2002**.



JABATAN PENJARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

JUALAN LELONG SEBUAH KENDERAAN

JUALAN lelong harta benda kerajaan Jabatan Penjara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah seperti berikut :

BUTIR-BUTIR	TEMPAT	TARIKH/WAKTU
Sebuah (1) kenderaan Holden Commodore SLE	Kawasan Penjara Jerudong	Hari Isnin 23 Disember 2002 jam 9.00 pagi



DI DALAM MAHKAMAH PEGAWAI WARIS BANDAR SERI BEGAWAN

No. LA/166/2002

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Alimah binti Haji Tuah** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Haji Tuah bin Bangok** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **17 Disember 2002** pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 13 November 2002.

No. LA/167/2002

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Haji Hassan bin Haji Abdul Salam** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Dayang Tampoi binti Mohiddin** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **17 Disember 2002** pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 13 November 2002.

No. LA/180/2002

BAHAWA permohonan kepada Mahkamah ini telah diperbuat oleh **Haji Gapor bin Bagul** kerana minta Surat Kuasa kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **Osman bin Bagul** yang telah meninggal dunia di Negara Brunei Darussalam dengan sebab iaitu si pemohon ialah anak kepada si mati.

Oleh itu kenyataan diberi bahawa permohonan ini akan didengarkan di dalam Mahkamah Bandar Seri Begawan pada **17 Disember 2002** pada jam 9.30 pagi. Bertarikh 13 November 2002.

No. LA/186/2002

